

DN.16.7.2007

i

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 15**

**Isnin**

**16 Julai 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007 (Halaman 35)  
Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Halaman 56)  
Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 (Halaman 92)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – T.M di JPM
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)

33. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)
35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. “ Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

**DEWAN NEGARA**

**SETIAUSAHA DEWAN NEGARA**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Leela binti Sahad

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
ISNIN, 16 Julai 2007**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum pada itu, Dewan Negara ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke Dewan Negara.

1. **Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, purata kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi seorang pelatih pusat serenti, jumlah pelatih pusat serenti di seluruh negara serta keberkesanan sistem pusat serenti itu.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi setiap orang penghuni pusat serenti adalah sebanyak RM19.80 sehari atau RM593.00 sebulan. Kos ini merangkumi perbelanjaan makan dan minum, emolumen kakitangan dan perkhidmatan, serta bekalan. Jumlah penghuni pusat serenti di seluruh negara sehingga 30 Jun 2007 adalah seramai 6,447 orang. Dari segi keberkesanan sistem pusat serenti pula, adalah baik berdasarkan kepada prestasinya yang berjaya memulihkan semua penghuninya daripada penagihan dadah selama tempoh mereka menjalani pemulihan di pusat serenti.

Walau bagaimanapun, terdapat bekas-bekas pelatih yang tidak dapat mengekalkan kepulihan atau menagih semula selepas keluar dari pusat serenti. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah penolakan oleh keluarga serta stigma masyarakat yang negatif terhadap mereka. Terima kasih.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab. Soalan tambahan saya, berapa ramai kah jumlah pelatih yang telah tamat menjalani proses pemulihan kembali semula menagih. Apakah pemantauan yang telah dan akan lakukan oleh agensi-agensi yang berkaitan bagi menangani masalah ini kerana kita lihat sudah menjadi perkara biasa kepada pelatih ini keluar masuk pusat serenti ini.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2006, seramai 5,729 bekas pelatih daripada 14,884 orang di bawah kes-kes pengawasan telah berjaya membebaskan diri daripada dadah, manakala 2,336 orang atau 16% telah menagih semula dan 127 orang telah meninggal dunia dan bakinya 6,692 atau 45% gagal dikesan atau tidak melaporkan diri di balai polis seperti yang ditetapkan dalam perintah pengawasan yang telah dikeluarkan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa peratus pelatih pusat serenti yang telah dipulihkan menjadi penagih dadah semula. Apakah cara atau program kerajaan untuk memastikan mereka tidak menjadi penagih dadah semula.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian satu telah dijawab tadi. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu dan memastikan mereka tidak menagih semula, termasuk yang pertama sebelum mereka dilepaskan, mereka biasanya akan menjalani kursus pra-bebas supaya mereka tahu cara dan menggunakan ilmu-ilmu dan kemahiran yang didapati semasa di pusat serenti supaya tidak menagih semula.

Yang kedua, dalam syarat pembebasan mengikut seksyen 61A, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan), semua pelatih disyaratkan perlu tinggal di sesuatu tempat dan kawasan yang ditetapkan. Mereka tidak boleh keluar daripada tempat itu tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah. Mereka juga perlulah melaporkan diri kepada balai polis atau pusat anggota tentera di tempat-tempat yang telah ditetapkan.

Jika bekas-bekas penagih melanggar syarat-syarat tersebut, mereka boleh dikenakan hukuman termasuk penjara oleh pihak berkuasa. Selain daripada itu, Agensi Dadah Kebangsaan telah pun mewujudkan 18 buah pusat khidmat yang berfungsi sebagai pusat harian untuk membantu mereka. Dalam pusat khidmat tersebut, perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut akan diberi:-

- (i) kaunseling dan bimbingan;
- (ii) kelompok sokong bantu;
- (iii) penempatan pekerjaan;
- (iv) pemulihan dalam komuniti;
- (v) aktiviti sukan dan riadah;
- (vi) khidmat nasihat dan bimbingan;
- (vii) perkhidmatan pusat sumber Agensi Dadah Kebangsaan; dan
- (viii) penggunaan ubat-ubatan sebagai rawatan sokongan.

Tambahan pula mereka juga sentiasa dibantu oleh kumpulan pembimbing rakan sebaya yang terdiri daripada bekas-bekas penagih yang telah berjaya keluar daripada penagihan dan juga lain-lain NGO yang sentiasa memberi bantuan sejauh mana yang boleh.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa kadar penagihan semula di pusat serenti adalah sangat tinggi iaitu dalam kadar 70% berbanding dengan kadar penagihan semula di pusat swasta adalah jauh lebih rendah. Adakah kerajaan pernah mengkaji apakah perkara-perkara yang menyebabkan perbezaan yang begitu ketara dan apakah kaedah yang digunakan oleh pusat pemulihan swasta berbanding dengan pusat serenti.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Adalah tidak benar mengatakan penagih yang menjalani program pemulihan daripada pusat serenti menagih semula dengan kadar yang tinggi, itu tidak benar. Tadi saya telah melaporkan bahawa mengikut fakta yang didapati pada tahun 2006, daripada 14,000 di dalam kawasan yang menagih semula ialah 16% dan yang berjaya menjauhkan daripada dadah ialah 38.44%. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tangkapan dan pengesanan tiap-tiap tahun, mereka yang menagih dan mereka yang dimasukkan ke dalam pusat serenti hampir 55% adalah penagih yang berulang dan mereka yang berulang itu bukan semua yang telah menjalani latihan daripada pusat serenti. Tentang keberkesanan daripada pusat serenti swasta atau NGO swasta, buat masa ini tidak ada data yang menunjukkan kadar kejayaan di pusat-pusat swasta.

2. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, mekanisme atau sistem yang lebih berkesan di dalam mengesan dan bertindak terhadap peniaga yang menaikkan harga barang walaupun dengan bilangan penguat kuasa yang kecil dan bilangan premis/individu yang telah diambil tindakan dalam gerakan "Ops Gaji".

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan Yang Berhormat Datuk Chew Vun Ming, Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu, Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng, Yang Berhormat Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson kerana ia menyentuh isu-isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih. Langkah-langkah yang telah diambil bagi mereka mempersoalkan, antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan harga barangan sentiasa terkawal, kementerian telah melipatgandakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas pembekalan, pengedaran, pemborong serta peruncit di seluruh negara meliputi kawasan bandar, luar bandar hingga kawasan pedalaman, tempat tumpuan orang ramai untuk berbelanja dan membeli-belah seperti pasar-pasar awam, pasar tani serta restoran atau kedai makan diberi perhatian dan pemeriksaan yang lebih kerap dibuat bagi memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempertingkatkan lagi pemantauan ini, mulai 21 Mei 2007, Kementerian telah melancarkan Operasi Gaji atau Ops Gaji. Hasil daripada operasi ini sehingga 15 Julai 2007, sebanyak 232,145 pemeriksaan telah dijalankan yang meliputi 175,902 pemeriksaan di bandar dan 46,444 pemeriksaan di luar bandar. Sejumlah 595 kes telah dihasilkan iaitu 377 kes di bawah Akta Kawalan Harga 1946, 61 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, 14 kes di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, enam kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, dan 133 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972. Sebanyak RM337,116.55 nilai barangan telah disita dan sejumlah RM184,580 kompaun telah dikeluarkan. Manakala pecahan kes mengikut negeri yang terbanyak ialah beberapa negeri termasuk Kelantan, Melaka dan Selangor.

Kementerian akan mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang ingkar dan tidak mematuhi arahan kementerian dan bagi peniaga yang melakukan kesalahan yang melibatkan harga akan dikenakan kompaun minimum RM1,000 dan maksimum RM15,000 bagi satu kesalahan. Semenjak Ops Gaji dimulakan, sebanyak 137 kejadian menaikkan harga barangan telah dikesan dan amaran menurunkan harga telah diberi dan dipatuhi oleh peniaga dengan serta-merta.

Langkah seterusnya yang diambil oleh kementerian melalui kawalan harga sepanjang masa secara berkuat kuasa undang-undang yang diisytiharkan sebagai barangan terkawal di bawah Akta Kawalan Harga 1996, beberapa jenis barangan yang dikawal oleh kerajaan termasuk besi keluli, simen, tepung, gas, petroleum, diesel, roti, susu pekat manis, ayam, minyak masak dan sebagainya. Kerajaan tidak meluluskan sebarang kenaikan harga barangan terkawal dan pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengawal harga makanan sedia masak yang mana sumber mentahnya terdiri daripada barangan kawalan. Di samping itu kita juga mengawal barangan ini menerusi Kawalan Harga Barangan Bekalan 1991.

Selain daripada penguatkuasaan, kementerian juga menjalankan pemantauan ke atas harga 255 barangan, barangan-barangan perlu dan makanan sedia masak di 63 pusat pungutan harga di seluruh negara. Pungutan harga mingguan juga dibuat ke atas 100 jenis barangan terpilih dan pungutan harga bulanan di restoran, kedai makan, gerai makan dan *food court*. Maklumat-maklumat harga dikumpulkan dan dianalisis untuk mengesan trend perubahan harga bagi mengenal pasti punca berlaku kenaikan harga dan membolehkan tindakan yang perlu diambil untuk mengatasinya.

Kementerian juga telah menubuhkan pasukan petugas khas mengenai kenaikan harga barangan di peringkat kementerian, negeri dan daerah yang melibatkan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan, PDRM, FAMA, JPH, KDRM, Jabatan Imigresen, LKIM, LHDN dan SSM.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga yang melibatkan *hypermarket* di seluruh negara. Dalam kempen ini kita telah berupaya menarik penglibatan *hypermarket* yang mana kita melihat bahawa sambutan yang baik daripada *hypermarket* bukan hanya menurunkan sejumlah sehingga daripada 1,500 kepada 2,300 jenis



barangan mulai daripada bulan April sehingga penghujung tahun ini, mereka sanggup untuk berbelanja dalam lingkungan RM10 juta hingga RM15 juta dalam tempoh tersebut.

Kempen Memperkasakan Pengguna dan Mendidik Peniaga, Kempen Perang Saraf untuk menghebahkan dan menyampaikan maklumat bagi menjelaskan kenaikan harga barangan serta tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengekang kenaikan harga kepada masyarakat umum turut dilaksanakan. Publisiti yang meluas di media cetak dan elektronik bagi menyampaikan mesej kepada peniaga bahawa kementerian bertindak serius ke atas isu kenaikan harga yang tidak berpatutan dan pada masa yang sama memberi keyakinan kepada pengguna bahawa kementerian mampu bertindak dengan berkesan.

Tindakan bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh kementerian tidak bermakna sekiranya tidak mendapat sokongan daripada pengguna. Pengguna juga diperlukan dalam memastikan kenaikan harga barangan dapat dikawal. Kementerian telah mengadakan Program Rakan Pengguna yang bertujuan mendidik golongan pengguna yang bertujuan mendidik golongan pengguna supaya berbelanja secara bijak dan berhemah. Kementerian juga turut mendapat kerjasama yang erat dari pelbagai peringkat terutamanya NGO, pengguna seperti FOMCA, PPIM, CAP, CUEPACS serta badan pengguna yang lain.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya satu soalan tambahan iaitu berhubung dengan penguatkuasaan secara berterusan. Memandangkan apa yang kita lihat sekarang walaupun pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak kementerian, tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma bilangan penguat kuasa yang tidak mencukupi ini kita bimbang ia tidak dapat dilaksanakan secara berterusan. Kalau boleh kita ingin mencadangkan boleh ataupun tidak kita memberikan sedikit kuasa kepada kelab-kelab pengguna di setiap Dewan Undangan Negeri atau DUN supaya mereka ini bekerjasama dalam usaha menolong kita mengawal harga barangan ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Ismail Kassim tentang cadangan yang dikemukakan. Itu adalah merupakan satu pandangan yang baik. Sememangnya kementerian amat prihatin tentang perkara ini, selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk cuba membendung keadaan ini tidak akan berterusan.

■ 1020

Kita senantiasa mempertingkatkan memperkenalkan sistem. Jumlah penguatkuasaan bukanlah satu faktor yang akan membolehkan kita mengatasi pelbagai masalah, langkah-langkah yang menaikkan harga barangan, melakukan penjualan barangan tiruan tetapi kita yakin dengan menggunakan pembaharuan sistem terhadap sistem-sistem yang terdahulu, ini akan dapat memperbaiki cara dan kaedah untuk kita mengatasi masalah ini. Berhubung kait dengan memperluaskan agar gerakan ini dapat diwujudkan di peringkat daerah. Pihak kementerian telah pun melantik tiga orang pegawai pengguna di peringkat majlis daerah dan kita bagi elaun. Ia

bukanlah satu pegawai yang tetap atau pencen, mereka adalah merupakan pegawai yang kita lantik sementara dan mereka akan berfungsi untuk memberi maklumat kepada pihak kementerian dari masa ke semasa bagaimana trend kenaikan harga barangan dan juga budaya masyarakat pengguna kita dan ini kita lantik di semua kawasan Parlimen dan saya yakin ianya akan meliputi kawasan daerah.

Manakala cadangan Yang Berhormat mengenai dengan kelab-kelab sebenarnya kita galakan di peringkat sekolah-sekolah pun di peringkat universiti dah kita wujudkan kelab-kelab pengguna dan ini kita boleh gerakan dengan kerjasama semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat senator.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas kepada usaha kementerian dalam kempen menurunkan harga di *hypermarket*, ini akan menguntungkan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Ringgit Malaysia sudah kukuh dan juga kenaikan ringgit itu agak ketara kalau dibandingkan dengan yang dahulu. Adakah kekukuhan atau kenaikan wang ringgit ini dapat menurunkan kos import itu kosnya sudah rendah. Adakah tindakan-tindakan atau usaha-usaha kementerian untuk membincangkan dengan pihak-pihak yang tertentu ataupun pengimport atau pengilang kerana kosnya sudah turun, barangan yang dijual itu bolehkah diturunkan, harga-harga. Berapa barangan harganya diturunkan kerana kenaikan wang ringgit ini, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee saya memang akui kenaikan kekuatan ringgit di peringkat antarabangsa mempunyai kesan yang positif dan juga negatif. Positifnya kalau kita lihat barangan yang dikeluarkan dan diproses di dalam negara kita sudah pasti kalau barangan dikeluarkan ini menggunakan komponen daripada luar dan sudah pasti komponen itu akan diimport dan apabila kita import kalau dahulu jumlahnya mungkin 100 unit dan oleh kerana kekuatan ringgit ini mungkin sudah meningkat 200.

Maka dengan itu akan berupayalah pihak-pihak pengeluar, *manufacturing sector* dengan izin untuk mengeluarkan lebih banyak lagi barangan di peringkat negara kita. Ini sebahagian daripada langkah-langkah yang kita sudah pun maklumkan kepada pihak-pihak tertentu tidak ada sebab muhasabah untuk mereka hendak menaikkan harga barangan oleh kerana kos keluaran mereka juga akan penurunan oleh kerana akan atas ringgit. Di samping itu kita juga mempunyai masalah kemungkinan kalau telah pun kuat ringgit ia akan mengakibatkan ada juga pihak-pihak pengeluar yang mengeksport ke luar negara dan melahirkan satu suasana kemungkinan barangan keluaran negara kita tidak akan kompetitif di pasaran antarabangsa tetapi untuk kepentingan masyarakat di dalam negara kita itu sebahagian daripada langkah-langkah yang kita yakin di samping kekuatan ringgit kita juga menggunakan pelbagai kaedah.

Contohnya memberi subsidi terhadap pihak-pihak pengeluar. Saya bagi contoh macam Nestle negara kita. Berpusat di Malaysia menjadi pengeluar barangan-barangan susu dan milo

hendak kita mempunyai hasil keluaran seperti koko dan pelbagai. Mereka ini telah sedikit sebanyak mendapat manfaat oleh kerana gula di peringkat negara kita masih harganya ditakuk yang lama tidak berubah dah lima tahun. Di samping itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan kekuatan ringgit dan ini akan boleh menjadikan pihak-pihak industri di negara kita dapat berkembang dengan begitu pesat. Kita harap ianya akan dapat membantu industri dan akhirnya memberi peluang pekerjaan untuk rakyat negara kita.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kementerian selalu minta kerjasama orang awam untuk membuat aduan. Apakah cara yang paling mudah untuk membuat aduan sama ada SMS atau *hotline* kerana kita dapati *hotline* selalu kadang-kadang 10 minit pun tidak ada orang jawab dan saya ingin tahu juga apakah akta yang biasa diguna pakai oleh kementerian untuk ambil tindakan, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Pertama mengenai dengan apakah cara pihak awam boleh bertindak untuk membuat aduan. Sebenarnya saya akui bahawa dahulu tetapi kita sudah pun memperbaiki sistem yang ada SMS ataupun *hotline* yang ada dan saya sudah tempatkan masa operasi ini pegawai-pegawai yang bertugas di tempat kita lebih daripada 12 jam. Dan kita katakan bahawa setiap hari sebenarnya saya sendiri mendapat SMS daripada kementerian dan pagi tadi saya pun dapat SMS tindakan-tindakan yang telah diambil yang terkini 15hb Julai iaitu malam semalam. Itu sebahagian daripada kaedah yang boleh diguna pakai oleh masyarakat pengguna kita.

Di samping itu apa yang penting saya rasa dalam usaha kita untuk menangani kenaikan harga barangan ini, pihak pengguna bukan hanya mencari kaedah di mana untuk hendak mendapat saluran supaya aduan dapat dilakukan tetapi tindakan daripada masyarakat pengguna ini lebih afdal, bukan. Shafie Apdal ya, tetapi lebih afdal tindakan itu dilakukan oleh masyarakat pengguna di peringkat awal dan kita yakin kalau pengguna itu bertindak, menggunakan kuasa mereka, maka itu adalah bahkan tindakan yang lebih berkesan daripada kita kadang-kadang buat aduan. Bukan saya kata bahawa aduan itu tidak harus dilakukan, aduan perlu dilakukan kerana itu adalah sebahagian daripada data yang kita perlukan, untuk kita hendak buat analisa dan mengambil tindakan.

Akan tetapi kalau masyarakat pengguna kita mengambil tindakan *immediately*, dengan izin terhadap pihak-pihak yang menjual barangan dengan tidak sepatutnya, saya yakin keadaan ini tidak akan menjadi satu budaya kepada masyarakat peniaga kita. Kerana kita tahu kuasa pengguna di negara kita amat penting bukan hanya di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kuasa pengguna di mana-mana tempat, di mana-mana masyarakat dia boleh menjatuhkan, dia boleh memulihkan, boleh mempertingkatkan dagangan satu-satu barangan dan juga perkhidmatan. Kalau pengguna membeli *hand phone*, contoh macam Nokia pada hari ini, saya yakin Nokia akan menjadi satu sektor pembangunan yang begitu pesat di peringkat dunia, seperti yang kita lihat pada hari ini.

Nelayan-nelayan kita pun pakai *hand phone*, kalau pengguna tidak membeli barangan ini saya yakin dia akan lumpuh, tidak akan mendapat sambutan daripada pihak masyarakat. Jangan lupa juga sekiranya ada peniaga-peniaga yang kecil ataupun yang besar, kalau mereka menaikkan harga barangan dan terus pengguna mengambil tindakan, itu merupakan langkah yang lebih berkesan daripada kita melakukan tindakan-tindakan yang lain. Terima kasih.

**3. Puan G. K. Loga Chitra** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, langkah proaktif yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah banjir yang sering berulang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat Ahli Yang Berhormat lain mengemukakan pertanyaan berkaitan banjir. Iaitu Yang Berhormat Dato' Azian bin Othman pada 11 Julai 2007, Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu pada 18 Julai 2007, Yang Berhormat Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad pada 18 dan 23 Julai 2007 dan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid pada 19 Julai 2007. Oleh itu saya ingin meminta keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali kerana semua isu adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat.

**Tuan Yew Teong Look:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur termasuk pada 10 Jun 2007, berlaku akibat kapasiti sungai-sungai utama iaitu Sungai Kelang dan Sungai Gombak yang tidak dapat menampung aliran air yang tinggi atas sebab hujan terlalu lebat selama tiga jam.

Ini menyebabkan air sungai melimpah keluar dan membanjiri kawasan-kawasan rendah sekitar ibu kota. Kerajaan sedang melaksanakan usaha-usaha tertentu untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kuala Lumpur. Antaranya langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh DBKL adalah merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan berkala terhadap sungai dan parit induk termasuklah pengorekan kelodak untuk meningkatkan kapasiti, pengutipan sampah dari perangkap-perangkap dan *screen-screen* statik di dalam parit dan sungai secara harian serta kerja-kerja pembaikan tebing-tebing yang runtuh.

■ 1030

Langkah-langkah jangka panjang yang dilaksanakan oleh pihak DBKL adalah dari segi projek-projek pembangunan termasuk menaik taraf parit sedia ada, membina kolam-kolam takungan banjir dan membina stesen-stesen pam mengawal banjir. Projek-projek pembangunan tambatan banjir yang dijalankan oleh DBKL menampakkan hasil di mana kawasan-kawasan yang telah dilanda banjir telah menurun. Tempoh banjir juga dapat dikurangkan di mana air surut dengan cepat apabila banjir berlaku. Namun demikian, projek-projek yang dilaksanakan oleh DBKL merupakan sebahagian sahaja daripada projek-projek tambatan banjir di Kuala Lumpur dan yang lebih penting untuk mengatasi masalah ini adalah projek-projek utama yang dilaksanakan oleh

Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu JPS, satu agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang merangkumi:

- (i) Projek *Storm Water Management and Road Tunnel* iaitu *SMART Tunnel* Pakej 'A' - Tadahan Sungai Klang. Projek ini telah siap baru-baru ini dan bertujuan untuk mengalirkan air lebihan dari Sungai Klang ke Sungai Kerayong sepanjang 10 km;
- (ii) Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur Pakej 'B' - Tadahan Sungai Gombak. Projek ini adalah untuk menaik taraf Sungai Gombak dan Sungai Keroh *diversion*. Pembesaran kolam tebatan banjir Batu dan kolam tebatan banjir Jinjang. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada hujung tahun 2007; dan
- (iii) Projek kolam takungan banjir di Flat Sri Johor, Kuala Lumpur dan pelebaran Sungai Kerayong. Tadahan Sungai Kerayong akan dijangka siap pada Jun 2008.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sampah di dalam sungai bukanlah punca utama yang menyebabkan berlakunya banjir kilat. DBKL mempunyai kontraktor-kontraktor berpenggal yang mengutip sampah di dalam perangkap-perangkap sampah di sungai dan parit yang melaksanakan kerja-kerja setiap hari. Alam Flora pula dipertanggungjawabkan untuk mengutip sampah di dalam longkang-longkang di tepi jalan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru semua warga kota untuk sama-sama menjaga kebersihan dan mencintai sungai.

Mengenai peruntukan tambahan RM160 juta yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada DBKL melalui Kementerian Wilayah Persekutuan adalah untuk menjalankan kerja-kerja tambatan banjir. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut::

- (i) membina dan menaik taraf kolam takungan banjir;
- (ii) menaik taraf sistem perparitan;
- (iii) membina dan menaik taraf rumah-rumah pam kawalan banjir; dan
- (iv) menaik taraf sistem amaran banjir.

Sekian, terima kasih.

**Puan G. K. Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banjir kilat pada 10 Jun lepas telah melanda beberapa kawasan sekitar Kuala Lumpur termasuk Jalan Masjid India dan Lebu Ampang. Soalan tambahan saya, apakah bantuan yang telah dihulurkan kepada mangsa-mangsa banjir di sektor komersial di kawasan tersebut yang telah kehilangan atau kerosakan harta benda berjuta-juta ringgit akibat banjir selain dari tuntutan ganti rugi kepada syarikat insurans mereka?

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, peranan DBKL dan peranan JPS ialah mempercepatkan projek supaya boleh mengatasi banjir yang berlaku di Kuala Lumpur. Banjir

secara besar-besaran dikira sebagai satu bencana alam di mana tiada pampasan yang akan diberikan ke mana-mana pihak yang menghadapi kerugian. Sekian.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, kita maklum Kuala Lumpur dari segi geografi berada di lokasi lembah yang memang terdedah kepada masalah banjir dan kawasannya pun sudah semakin sempit, penduduknya pun semakin padat. Oleh itu daripada kita berbelanja berbilion ringgit untuk menyelesaikan masalah banjir yang belum tentu efektif, alangkah baiknya ibu kota Kuala Lumpur ini kita pindahkan ke tempat lain dan kita bagi nama baru ibu kota Kuala Lumpur kepada ibu kota tanpa lumpur. Terima kasih.... [*Beberapa Ahli ketawa*]

**Tuan Yew Teong Look:** Nampaknya pandangan Yang Berhormat tiada berkenaan dengan bagaimana mengatasi banjir di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, banjir yang berlaku 10 Jun lepas, malangnya projek *SMART Tunnel* belum siap ketika itu. Hanya siap setelah dua minggu selepas banjir berlaku. Oleh itu kita tidak boleh membuktikan bahawa *SMART Tunnel* itu efektif atau tidak tetapi mengikut kiraan DBKL dan juga JPS, *SMART Tunnel* boleh diguna pakai baru-baru ini, nampaknya banjir secara besar-besaran boleh dapat diatasi di Kuala Lumpur. Sekian.

**4. Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menambahkan bilangan tenaga pekerja yang mempunyai kemahiran dan kompetensi ICT sejajar dengan usaha kerajaan untuk memantapkan lagi pembangunan sektor ICT negara supaya Malaysia menjadi hab ICT dan multimedia yang bertaraf dunia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sangat komited dalam melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang ICT yang dapat memenuhi keperluan industri negara. Sehubungan itu, kementerian sedang merangka dan melaksanakan juga pelbagai langkah proaktif yang memastikan visi negara menjadikan industri ICT sebagai salah satu faktor ekonomi negara tercapai dan di antara langkah-langkah yang diambil setakat ini ialah:

- (i) kita melaksanakan latihan industri untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan secara berterusan, dahulu tiga bulan, kepada semua pelajar yang sedang mengikuti pengajian Program Sarjana Muda berkaitan ICT maksudnya sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan perisian dan lain-lain bermula sesi pengajian 2007/2008 di IPTA. Latihan industri tersebut perlu dilaksanakan di tempat yang sesuai bagi mendedahkan kepada para pelajar keadaan sebenar keperluan industri. Latihan ini perlu dijalankan pada semester terakhir pengajian pelajar atau satu semester sebelumnya;

- (ii) langkah mengubah kurikulum program-program pengajian sarjana muda berkaitan ICT dimantapkan dengan pengetahuan asas ICT yang kukuh khususnya melibatkan mata pelajaran matematik dan pengaturcaraan;
- (iii) jumlah jam kredit minimum bagi penawaran program-program pengajian ICT ditetapkan sekurang-kurangnya 120 jam kredit. Pelaksanaan kurikulum baru ini lebih menyeluruh dan akan dilaksanakan mulai sesi akademik 2008/2009;
- (iv) pensyarah diberi pendedahan kepada pengalaman industri melalui program sangkut industri ataupun dengan izin, *industrial attachment* dan juga pensijilan profesional industri yang berkaitan;
- (v) meningkatkan bilangan enrolmen pelajar dalam bidang ICT dalam program-program ICT di IPTA dengan mengambil kira keupayaan fakulti termasuk keupayaan pensyarah;
- (vi) bekerjasama rapat dengan kementerian MOSTI melalui agensi MDEC bagi meningkatkan kerjasama akademik industri dalam pelbagai inisiatif seperti latihan industri dan pensijilan profesional kepada pelajar dari segi akademik, penyelidikan dan pembangunan, promosi, semakan kurikulum dan pembinaan kajian kes;
- (vii) bekerjasama dengan MOSTI melalui MDEC dan Infosys Technology Limited dengan menghantar baru-baru ini 93 graduan dan tujuh pensyarah Malaysia ke Infosys Mysore Campus di India bagi mengikuti program latihan intensif dalam bidang ICT selama 16 minggu. 93 graduan ini telah kembali dan sedia untuk diserap oleh industri ICT tempatan sebagai tenaga kerja yang paling mahir. Infosys bersetuju untuk menerima dua lagi kumpulan graduan dan pensyarah untuk latihan pada tahun 2008/2009.

Dengan langkah-langkah tersebut kementerian yakin, langkah-langkah yang disenaraikan di atas dapat menambahkan bilangan tenaga pekerja yang mempunyai kemahiran dan kompetensi ICT selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai hab ICT dan multimedia yang bertaraf dunia. Terima kasih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pada pandangan kementerian, adakah pelajar-pelajar sekarang dan akan datang mencukupi kehendak pasaran ICT dan apakah penumpuan kementerian bagi menambah minat pelajar-pelajar di luar bandar untuk menceburi bidang ini? Terima kasih.

■1040

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2002 enrolmen pelajar yang mengambil bidang ICT adalah seramai 26,327 orang dan pada tahun 2007 didapati 48,000 orang telah masuk dalam bidang ICT di IPT-IPT kita. Bidang ICT diperbaiki dengan memberikan

mereka peluang melaksanakan program-program *major* seperti multimedia perisian rangkaian komputer, kejuruteraan perisian dan kreatif multimedia yang baru dikenalkan dan ini menambah minat sebenarnya kepada pelajar-pelajar untuk mengambil dalam bidang ICT.

Promosi yang dilakukan di peringkat kementerian ialah program *outreach* iaitu kita menghampiri pelajar-pelajar di sekolah melalui kaunselor-kaunselor, menerangkan betapa pentingnya mata pelajaran ICT ini, dikaitkan dengan kekuatan dalam bidang matematik dan juga matematik tambahan supaya mereka dapat menjalankan program ICT di IPT kita dengan baik dan berupaya keluar sebagai graduan. Mengikut responden bidang ICT yang telah pun mendapatkan pekerjaan sebenarnya di sektor awam dan swasta adalah berjumlah 44% yang mana mereka telah pun bekerja di sektor ICT, mana kala yang melanjutkan pelajaran ramai juga, iaitu sebanyak 18% melanjutkan pelajaran. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, seseorang itu dikatakan berkemampuan jika ia memenuhi tuntutan pasaran semasa dari segi kualitinya selain daripada kuantitinya. Soalan tambahan saya ialah, adakah semua graduan ICT IPTA ataupun IPTS kita sama ada yang dilatih semula ataupun yang secara khusus telah pun diserap atau diambil bekerja oleh syarikat-syarikat ICT sama ada yang tempatan ataupun antarabangsa. Ini kerana ada rungutan bahawa salah satu kekangan yang dihadapi oleh syarikat multimedia super koridor ialah kekurangan sumber tenaga kerja pakar ICT tempatan dengan kualiti yang dikehendaki sehinggakan mereka masih terpaksa mengimport dari negara asing. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tetap dengan keputusan untuk memastikan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran di IPTA dimantapkan dengan kehadiran pensyarah-pensyarah yang berkualiti. Justeru itu mereka dapat melatih pelajar-pelajar dari awal lagi mereka masuk ke IPT dengan program-program yang berkualiti supaya ia mendapat *match* ataupun disesuaikan dengan sektor pekerjaan. Contohnya bidang-bidang seperti ICT yang diubahsuai, diintegrasikan komponennya seperti sistem dipakai *sisco recall*, *autodesk*, *Microsoft*, *CD5*, *open soft*, *java*, *J2EE* ialah perkara-perkara baru yang diterapkan, diserapkan dalam mata pelajaran pelajar-pelajar di IPT supaya dengan adanya kurikulum baru ini mereka sebenarnya berupaya berhadapan dengan sektor ICT yang dinamik dan baru setiap masa. Terima kasih.

5. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah guru-guru bahasa isyarat untuk pelajar-pelajar pekak di seluruh negara di mana sejumlah dana telah pun diperuntukkan untuk penambahan guru-guru bahasa isyarat di bawah Bajet 2007.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mempunyai jawatan guru bahasa isyarat tetapi sebaliknya mempunyai jawatan guru pendidikan khas bermasalah pendengaran. Namun guru-guru tersebut telah diberi pendedahan, kemahiran bahasa isyarat semasa mengikuti latihan sama ada di



peringkat sijil, diploma ataupun di peringkat ijazah. Kemahiran bahasa isyarat ini diajar kepada guru melalui kursus dalam perkhidmatan seperti kursus 14 minggu serta kursus-kursus dalaman yang dianjurkan oleh jabatan pelajaran negeri dan juga pejabat pelajaran daerah.

Persekutuan Orang Pekak Malaysia yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan juga memberi kerjasama kepada Kementerian Pelajaran dan telah melatih guru-guru dan kakitangan-kakitangan di sekolah-sekolah pendidikan khas bermasalah pendengaran dengan menggunakan peruntukan yang diturunkan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia. Setakat ini sejumlah 180 orang guru-guru pendidikan khas bermasalah pendengaran telah dilatih oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, Dato' Hajah Saripah Aminah selepas itu Puan Hajah Wan Hazani.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengambilan pelajar untuk dilatih menjadi guru-guru telah mula diambil sekarang. Adakah Kementerian Pelajaran mengiklankan pelajaran ini yang pelajar-pelajar yang minat menjadi guru bahasa isyarat. Setakat ini boleh tidak Yang Berhormat memaklumkan ke Dewan yang mulia ini, berapakah sekolah yang telah dilengkapkan dengan tenaga pengajar bahan isyarat ini? Selain daripada NGO yang telah mengambil tugas untuk melatih guru-guru bahasa isyarat ini, kementerian tidakkah mengambil satu jalan untuk membuat ini untuk masa depan untuk menghadapi jumlah yang telah dibekalkan melalui RMK9 ini? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bilangan guru pendidikan khas bermasalah pendengaran di sekolah-sekolah pendidikan khas dan juga program-program integrasi sehingga 2006 berjumlah 975 orang guru di mana 584 adalah bertempat di sekolah-sekolah pendidikan khas dan 391 di kelas-kelas integrasi. Peruntukan di bawah belanja mengurus 2007 Jabatan Pendidikan Khas telah memperuntukkan sebanyak RM312,000 untuk guru-guru yang mengajar murid masalah pendengaran di mana sebanyak RM240,000 adalah bagi menyediakan latihan dalam perkhidmatan yang saya sebutkan tadi 14 minggu kursus jangka pendek, dan RM72,000 lagi untuk kursus jangka panjang iaitu 3 bulan iaitu kursus pemulihan, pendengaran dan pertuturan di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian.

Setakat ini tujuh kursus jangka pendek telah pun dijalankan dengan menggunakan perbelanjaan iaitu sehingga Jun tahun ini sebanyak tujuh kursus jangka pendek bagi guru-guru untuk mengajar murid-murid bermasalah pendengaran telah dijalankan yang menggunakan perbelanjaan sebanyak RM92,400, manakala sembilan lagi kursus akan dilaksanakan sehingga Disember tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Bajet Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan telah pun diperuntukkan sebanyak RM141.8 juta bagi Projek Gantian Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan sebanyak RM16.1 juta diperuntukkan bagi Projek Naik Taraf 12 Buah Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran yang lain. Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah tindakan pihak kementerian ke atas guru-guru pendidikan khas ini yang mendapat diploma atau ijazah bertugas sebagai guru biasa dan berapakah perbelanjaan ke atas guru-guru khas di peringkat diploma dan ijazah? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua ini merupakan satu soalan yang spesifik jadi saya memerlukan notis dan saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

**6. Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan, tempoh Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memulangkan hampir RM4 bilion cukai terlebih bayar oleh 380,000 pembayar cukai pada tahun 2006 dan bagaimana pula dengan cukai terlebih bayar sebelum 2006.

**Setiausaha Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menjawab soalan ini bersekali dengan Yang Berhormat Lee Sing Chooi pada 18 Julai 2007, yang memandangkan kedua-dua soalan ini adalah berkaitan isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

■1050

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Hasil Dalam Negeri melakukan pelbagai usaha untuk mempercepatkan proses bayaran balik cukai yang terlebih bayar kepada semua pembayar cukai yang terlibat.

Secara umumnya, tempoh memproses kes bayaran balik adalah selama tiga bulan, tertakluk kepada maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah lengkap dan teratur.

Bagi tempoh 2005 hingga Jun 2007, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah membayar balik sejumlah RM10.226 bilion cukai yang terlebih bayar bagi 514,728 bilangan kes pembayar cukai.

Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun                     | Bil. Kes Yang Dibayar Balik (Orang) | Jumlah Dibayar Balik (RM/bilion) |
|---------------------------|-------------------------------------|----------------------------------|
| 2005                      | 162,106                             | 3.276                            |
| 2006                      | 123,731                             | 4.342                            |
| 2007<br>(sehingga 30 Jun) | 168,888                             | 2.608                            |
|                           | <b>Jumlah</b>                       | <b>10.226</b>                    |

Semua kes bayaran balik cukai sebelum dan selepas 2006 ini dikendalikan mengikut tempoh yang sama iaitu dalam masa tiga bulan, tertakluk kepada syarat semua maklumat dan

dokumen lengkap dan sempurna. Walau bagaimanapun, peratusan jumlah cukai yang telah dibayar balik berbanding jumlah keseluruhan tuntutan bayaran balik yang diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dapat dinyatakan, kerana jumlah tuntutan yang diterima itu tidak boleh dianggap sebagai jumlah sebenar sehinggalah setiap kes diteliti dan disahkan sebagai kes bayaran balik cukai.

Dalam usaha membayar balik cukai terlebih bayar ini, masalah utama yang menyebabkan sesetengah kes bayaran balik tidak dapat diproses dengan cepat adalah kerana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai tidak lengkap seperti berikut. Contohnya:

- (i) Borang Nyata Cukai Pendapatan tidak diisi dengan lengkap, tidak ditandatangani atau terdapat kesilapan dalam pengiraan cukai pendapatan ataupun baucar dividen asal tidak disertakan;
- (ii) status kedudukan cukai di bahagian belakang sampul surat yang dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak ditandakan dengan betul menyebabkan Borang Nyata lambat diproses; dan
- (iii) sebilangan kes tuntutan bayaran balik apabila disemak didapati ia sebenarnya adalah kes bayaran balik kerana pembayar cukai mempunyai hutang cukai bagi tahun-tahun terdahulu.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya cukai yang terlebih bayar ini kebanyakannya datang daripada pungutan bulanan terhadap kakitangan kerajaan atau kakitangan swasta, tetapi saya nampak sistem mengenakan cukai itu berubah selalu, hampir tiap-tiap tahun ada perubahan sedikit. Jadi adakah kementerian bercadang untuk merombak semula sistem pungutan cukai bulanan atau terus menggugurkan sistem ini sebab saya rasa tidak berkesan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan bahawa Potongan Cukai Berjadual atau PCB, ini tidak berkesan, saya ingat tidak tepat, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana setakat ini, ini memudahkan mengira cukai masing-masing dan Lembaga Hasil Dalam Negeri menerima pengiraan mereka dan akan dibuat *random checking*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan kalau didapati tidak betul, akan dibuat pembetulan. Maknanya kalau tidak cukup kutipan cukai, akan dikutip kemudian, maknanya cukai dibayar. Tidak tunggu macam dulu, lambat. Saya tidak nampak bagaimana sistem ini patut diubah. Setakat ini nampaknya berkesan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab soalan tadi ada kaitan juga dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Lee Sing Chooi, saya benarkan Tuan Lee Sing Chooi, selepas itu Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan yang diguna pakai baru-baru ini dalam tahun 2005, 2006 sehingga kini, dalam sistem ini maka selepas kita bagikan taksiran yang kalau ada di mana bayaran itu lebih, ia akan dipulangkan balik.

Adakah ini automatik? Pasti kah pembayar kena tulis surat kepada pihak LHDN atau tidak? Pada pendapat saya, ini adalah automatik, tidak payah tulis surat. Kalau bayar lebih itu, bayarlah balik kepada pembayar cukai. Sehingga kini berapa tunggakan tuntutan itu, di mana pembayar cukai itu menuntut membayar balik bagi tahun 2005 dan juga 2006. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tuntutan bayaran balik tidak perlu dibuat. Ia adalah secara automatik, tetapi syaratnya mestilah lengkap semuanya, tetapi kadang-kadang bila diisi borang itu, ada yang tidak betul. Belakang itu ada yang ditandakan bayaran balik, tetapi dia tanda tempat lain. Jadi terlambat, Tuan Yang di-Pertua, borang tuntutan ini tetapi kalau semuanya lengkap, ditandakan dengan betul, boleh diproses dalam masa tiga bulan, dibayar balik secara automatik, tetapi ada juga Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menerima tuntutan. Itu pun di *entertain* juga, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya dibuat, tidak perlu pohon. Kalau semuanya lengkap, akan dibuat bayaran balik dalam masa tiga bulan, tetapi masalah yang tidak lengkap. Maknanya kalau tidak terima dalam masa tiga bulan bayaran balik, pihak pembayar cukai boleh buat permohonan secara bertulis dan bagi maklumat yang lengkap. Maka, akan diproses dengan segera, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, tentang tunggakan ini, bayaran balik, Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada seperti yang saya sebut tadi. Tiap-tiap tahun lebih kurang RM4 bilion bayaran balik yang dibuat. Tahun ini, tahun 2007 pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri menjangkakan sebanyak RM4 bilion yang dirizabkan untuk bayaran balik, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, kita sekarang ini sedang menuju kerajaan elektronik dan tidakkah sistem e-cukai dapat mengatasi bayaran lebihan cukai ini. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, itu yang memang kerajaan menggalakkan *e-filing*. Sekarang ini masih lagi kerajaan terima manual *e-filing*. Yang hendak kita buat sekarang ini *e-filing*. Setakat ini sudah ada 10% yang mengisi borang secara *e-filing* ini. Ini yang paling mudah, Tuan Yang di-Pertua, kerana proses ini automatik Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat tahu sama ada ia terlebih ataupun terkurang. Ini yang paling cepat. Sebab itu kita menggalakkan *e-filing* ini, Tuan Yang di-Pertua, elektronik. Terima kasih.

7. **Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempercepatkan proses mendapatkan Sijil Organik Malaysia (SOM) memandangkan petani organik memerlukan SOM bagi membolehkan produknya dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada produk pertanian biasa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertanian telah melaksanakan Skim Organik Malaysia semenjak tahun 2003. Bagi mendapatkan persijilan, pengusaha ladang dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam piawaian Skim Organik Malaysia. Antara

syarat-syarat yang perlu dipatuhi memerlukan masa yang lama kerana peralihan dari Sistem Pengeluaran Biasa Konvensional kepada Sistem Pengeluaran Organik yang memerlukan masa sekurang-kurangnya setahun.

Selepas masa peralihan tersebut, barulah ladang itu akan diaudit berlandaskan amalan-amalan perladangan organik yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) setiap ladang perlu menyimpan rekod mengenai input yang digunakan, kawalan perosak dan amalan ladang yang dilaksanakan. Rekod ini perlu disimpan sekurang-kurangnya enam bulan; dan
- (ii) analisis hasil bagi menentukan kandungan sisa baki racun makhluk perosak dan logam berat perlu dijalankan sebanyak tiga kali berturut-turut.

Persijilan ini hanya diberi kepada ladang yang telah memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan, di mana ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu setengah tahun selepas berdaftar untuk SOM. Ladang yang telah dianugerahkan Sijil SOM sahaja boleh menjual hasil ladang mereka sebagai produk organik. Dalam usaha untuk membantu mempercepatkan ladang mendapat persijilan, kementerian melalui Jabatan Pertanian telah mengarahkan semua pegawai pertanian di daerah memfokuskan pelaksanaan program perkembangan kepada amalan pertanian terbaik, termasuk pelaksanaan amalan-amalan perladangan organik dan persijilan Skim Organik Malaysia. Terima kasih.

■ 1100

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat ini berapakah bilangan ladang yang menjalankan pertanian tanaman organik di dalam negara kita dan berapakah bilangan ladang organik di Malaysia yang mendapat pengiktirafan persijilan Skim Organik Malaysia atau SOM, sejak diperkenalkan pada tahun 2003. Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sejak skim ini dimulakan pada tahun 2003 sebanyak 79 permohonan telah dibuat dan sehingga Jun 2007, sepuluh permohonan telah diluluskan dan ia meliputi kawasan sebanyak 1,300 hektar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya nampak Puan Hajah Siti Rokiah ada bangun tadi. Silakan.

**Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah pemohon sijil yang terdiri di kalangan bumiputera dan berapakah jumlah pemohon ini yang telah berjaya mendapatkan sijil.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada angka berapa jumlah bumiputera, tetapi secara ringkas nama bumiputera yang di..., sebab ia adalah di atas nama syarikat, tetapi nama bumiputera di antara tujuh yang telah diluluskan sampai tahun dulu sudah ada lebih dari setengah, 50%. Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan tanaman produk pertanian secara organik, soalan tambahan saya,

sama ada dakwaan badan bukan kerajaan (NGO) bahawa 90% petani di Cameron Highlands menggunakan racun perosak yang telah diharamkan itu benar atau tidak? Jika benar, apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memberhentikan amalan yang tidak sihat ini? Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ada kemungkinan ada yang menggunakan racun haram atau racun yang diseludupi ke Cameron Highlands, tetapi Kementerian berpendapat bahawa bilangan mereka adalah kecil sahaja dan bukannya 90% seperti yang didakwa kerana Jabatan Pertanian membuat pemantauan racun atau *spot check* seluruh tahun. Saya juga hendak memberi satu angka di mana Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Makanan telah juga menjalankan analisis *residue* racun perosak dan laporan menunjukkan masalah ini adalah terkawal dan kadar pelanggar MRL iaitu *maximum residue limit* adalah di bawah 3%. Ini bermakna 90% itu adalah satu *aggravation*, yang terlalu besar.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus menjalankan kawalan dan dalam tahun 2006, sebanyak 470 serbuan telah dibuat ke atas petani-petani dan juga kedai-kedai dengan nilai rampasan RM163 ribu dan sebanyak 55 kes telah didakwa di mahkamah. Kita akan meningkatkan penguatkuasaan supaya penyalahgunaan ini akan dapat dikurangkan. Terima kasih.

**8. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, jumlah koperasi kaum India setakat ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempergiatkan penglibatan kaum ini dalam pergerakan koperasi memandangkan perniagaan yang diceburi oleh koperasi bukan sahaja memenuhi kehendak dan keperluan ahli mereka sahaja, tetapi juga akan dapat bantu kerajaan dari segi membasmi kemiskinan dan wujud peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Timbalan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2006 dan pertengahan 2007 ini, bilangan koperasi mengikut etnik India adalah sebanyak 50 buah daripada jumlah 4,918 buah koperasi yang didaftarkan di seluruh negara. Di dapati keanggotaannya adalah seramai 36,377 orang dengan modal syer atau yuran sebanyak RM36.8 juta dan jumlah aset bernilai RM52.2 juta.

Langkah-langkah yang diambil untuk mempergiatkan penglibatan kaum India dalam pergerakan koperasi di negara ini ialah:

- (i) memberi bantuan dalam bentuk geran untuk membantu koperasi memulakan perniagaan, menyediakan infrastruktur, membaiki, mengubahsuai kedai dan bantuan peralatan seperti mesin dan lain-lain;
- (ii) menyediakan dana pinjaman dengan syarat mudah di bawah Tabung Modal Pusingan (TMP), Jabatan Pembangunan Koperasi dengan kadar faedah antara 1% hingga 6%;

- (iii) mengadakan program menggalakkan dan promosi bagi memberi bimbingan perniagaan dan pemasaran;
- (iv) mengadakan program pembudayaan keusahawanan, pelbagai usaha dalam mengadakan latihan, seminar dan bengkel;
- (v) sebagai usaha bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan peluang pekerjaan yang samar rata bagi semua kaum, satu program kerjasama strategik antara koperasi bumiputera dan koperasi bukan bumiputera sedang dalam pelaksanaan dan akhir sekali,
- (vi) mempergiatkan penglibatan kaum India dalam pergerakan koperasi dalam menghebahkan maklumat berkoperasi dan mengadakan program kesedaran berkoperasi kepada masyarakat awam melalui kerjasama dalam Majlis Pembangunan Usahawan Daerah atau MPUD, Rukun Tetangga, persatuan belia dan lain-lain. Terima kasih.

**9. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ,dalam membasmi kegiatan *Ah Long* di negara ini, kenapakah ada akhbar-akhbar yang masih mengiklankan pinjaman-pinjaman segera yang lebih cenderung ke arah pinjaman dengan *Ah Long*. Apakah tindakan kerajaan dalam membasmi iklan-iklan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memandang serius terhadap isu iklan perniagaan, pemberi pinjam tidak berlesen di akhbar-akhbar. Kementerian mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas iklan-iklan perniagaan, pemberi pinjam wang di surat khabar sekiranya iklan-iklan tersebut tidak mempunyai permit iklan yang diluluskan oleh pendaftar pemberi pinjaman wang.

Setiap iklan pemberi pinjaman wang yang disiarkan, hendaklah mengandungi butir-butir berikut iaitu nombor lesen pemberi pinjam wang, nombor permit iklan, nombor alamat dan nombor telefon pemberi pinjam wang berlesen dan kadar faedah yang ditawarkan.

Kementerian menjalankan pemantauan ke atas iklan-iklan yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan setiap hari. Sejumlah 4,400 iklan telah dipantau sejak tahun 2006 sampai sekarang. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana individu atau syarikat pemberi pinjam wang yang mengiklankan perniagaan tanpa permit sah yang dikeluarkan oleh kementerian. Kalau didapati bersalah, mereka akan disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM10 ribu atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 12 bulan atau kedua-duanya.

Kementerian telah mengadakan mesyuarat bersama wakil akhbar Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri berhubung dengan pengiklanan perniagaan pemberi pinjaman wang di akhbar-akhbar pada tahun 2005 dan dalam mesyuarat tersebut pihak akhbar

telah dimaklumkan kehendak akta berhubung dengan pengiklanan sesuatu pemberi pinjam wang dan kementerian meminta kerjasama daripada mereka supaya hanya mengiklankan syarikat pemberi pinjam wang yang mempunyai permit iklan yang diberikan oleh pendaftar. Terima kasih.

■ 1110

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi membasmi iklan-iklan ini dalam akhbar, apakah kementerian tidak bercadang untuk mengambil tindakan terhadap akhbar-akhbar yang mengiklankan iklan-iklan ini? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Seperti yang telah saya jawab tadi Tuan Yang di-Pertua. Semua akhbar-akhbar telah diberitahu bahawa kehendak di bawah akta dan mereka diwajibkan mengikut arahan tersebut. Bagi memastikan segala keperluan di bawah akta diikuti iaitu semasa iklan diberi, diterima oleh pihak surat khabar ini. Sekiranya ada surat khabar yang tidak mematuhi syarat-syarat, kita boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kerana telah membuat satu iklan yang tidak mengikut apa yang dikehendaki oleh kementerian.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada iklan yang ada di akhbar-akhbar tempatan, ada juga iklan-iklan yang diadakan di jalan-jalan utama, ia pakai nama dan *hand phone* sahaja. Tidakkah pihak berkuasa kementerian memantau supaya perkara ini tidak terjadi kerana banyak jalan-jalan di Kuala Lumpur ini diiklankan di tepi-tepi jalan. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, isu ini melibatkan dua pihak. Satu ialah pihak-pihak berkuasa tempatan yang boleh mengambil tindakan ke atas pihak yang meletakkan iklan-iklan ini dan bagi pihak kementerian daripada badan penguat kuasa tentang perniagaan peminjam wang.

Sebenarnya kita telah membuat beberapa usaha untuk memantau perkara ini dan untuk menyiasat nombor-nombor telefon, siasat alamat yang ada di dalam iklan-iklan ini serta nama orang yang ada tertulis di dalamnya. Namun dalam usaha ini kementerian telah menghadapi beberapa masalah. Salah satu daripadanya apabila cuba menghubungi talian telefon yang terdapat di situ kadang-kadang tiada orang-orang yang sah. Apabila disiasat syarikat yang telah diiklankan ini, tidak berdaftar di bawah pendaftar syarikat dan semua maklumat yang diberi adalah maklumat yang salah, yang menyebabkan tidak boleh berhubung dengan mereka.

So, pada masa sekarang kementerian telah bercadang dengan kerjasama pihak polis untuk membuat kerja secara *under cover agent* supaya dapat mengesan sesiapa yang sebenarnya membuat iklan-iklan ini, supaya kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka. Terima kasih.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan Datuk Syed Ali bahawa di Bukit Bintang, kita nampak semua stiker di seluruh Kuala Lumpur, jadi pelancong ingat kita Malaysia bankrap punya orang... *[Ketawa]*

Jadi soalnya, untuk membasmi sistem pinjaman tidak sihat atau *Ah Long*, adakah kementerian bercadang untuk mengeluarkan lebih banyak lesen yang sah untuk syarikat pinjaman?



Kerana langkah-langkah ini akan terus mengurangkan pinjaman haram dengan faedah yang paling tinggi. Sistem *Ah Long* akan dijadikan satu isu sosial dan ramai golongan miskin jadi mangsa.

Jadi kita mesti wujudkan satu sistem yang lebih baik, lebih sihat untuk rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian buat sementara ini telah mengehadkan pengeluaran lesen di atas permintaan pihak polis kerana mereka sedang menjalankan siasatan kepada yang sudah ada lesen pada masa sekarang. Selepas isu itu selesai, kita akan meneruskan pengeluaran lesen kepada sesiapa yang mempunyai hasrat untuk menjalan atau memulakan bidang perniagaan pinjaman wang ini.

Selain daripada itu satu lagi cadangan yang telah kita beri iaitu institusi-institusi kewangan, supaya menambahkan lagi kemudahan pinjaman yang boleh diberi kepada orang-orang persendirian pada masa-masa kecemasan di dalam satu masa yang singkat.

Namun masalah yang dihadapi oleh rakyat ialah tidak ada sistem seperti ini di dalam sistem perbankan, di mana kalau seseorang itu memerlukan bantuan pada masa kecemasan. Apabila pergi ke bank, pihak bank memerlukan pelbagai jenis syarat. Oleh itu ramai orang yang memerlukan bantuan tidak boleh mendapat bantuan daripada bank. Oleh itu mereka kena pergi kepada orang-orang yang lain termasuklah orang-orang yang memberi pinjaman wang berlesen dan yang tidak berlesen.

Pihak kementerian dengan kerjasama pihak polis, sekarang telah mempunyai satu Jawatankuasa Kempen Kesedaran, di mana usaha telah diambil supaya mereka boleh mendapat tahu mengenai isu yang akan dihadapi sekiranya mereka meminjam wang daripada *Ah Long* dan sebagainya. Kita juga berharap melalui kempen ini kesedaran rakyat akan bertambah dan rakyat hanya menggunakan peniaga-peniaga yang mempunyai lesen untuk meminjam wang dan bukan daripada yang tidak mempunyai lesen. Terima kasih.

**10. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah bentuk kejayaan strategik yang telah diperolehi lanjutan daripada pertemuannya dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin baru-baru ini khasnya menyentuh isu kepentingan bersama dalam bidang pertahanan dan ekonomi serta apakah harapan kita untuk melihat Kerajaan Rusia turut memainkan peranan bagi mewujudkan keamanan di rantau itu menyentuh isu rakyat Palestin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan juga saya menjawab soalan bersama dengan Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi yang dijadualkan pada 19 Julai 2007 kerana ia saling berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke Rusia dari 18 hingga 20 Jun 2007. Secara keseluruhannya lawatan tersebut dilihat sebagai sangat berjaya dalam mengukuhkan

lagi hubungan kerjasama di antara Malaysia dengan Rusia di dalam pelbagai bidang terutamanya ekonomi dan perdagangan.

Selain daripada pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Rusia termasuk Presiden Putin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan ucap utama dalam Forum Perdagangan Malaysia-Rusia. Persetujuan kedua-dua pemimpin untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan adalah suatu yang membanggakan. Kejayaan dalam mengukuhkan di antara hubungan kedua-dua negara dalam bidang ekonomi dapat dilihat dengan kerjasama kejayaan Petronas menjadi pelabur terbesar di Rusia dengan pelaburan sebanyak USD1.1 bilion iaitu melalui penglibatan Petronas dalam industri gas dan minyak. Kerjasama Petronas dan Rosneft merupakan satu kejayaan.

Sementara itu Malaysia telah menjalin kerjasama dalam bidang pertahanan dengan Rusia semenjak tahun 1994 semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah menandatangani satu perjanjian dalam bidang pertahanan dengan Rusia akan menyumbang usaha mengukuhkan lagi hubungan kerjasama kedua-dua buah negara.

Sehingga kini Malaysia telah membeli 16 jet pejuang MIG29 dan 18 jet pejuang Sukhoi SU-30-MKM daripada Rusia bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia. Dalam politik antarabangsa, Malaysia turut mengharap Rusia boleh memainkan peranannya sebagai kuasa pengimbang. Malaysia percaya sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Rusia boleh memainkan peranannya dalam menyelesaikan pelbagai isu antarabangsa terutama sekali di Asia Barat dan lain-lain.

**Dato' Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang agak baik.

Dari segi fakta sejarah dirantau tersebut sememangnya konflik tidak pernah aman sejak zaman berzaman. Soalan tambahan saya, sejauh manakah pandangan Yang Berhormat dan kementerian dari segi kehadiran pengaruh Rusia, dari segi mengimbangi kawasan tersebut boleh membantutkan niat kuasa-kuasa lain untuk melebarkan pengaruh mereka, dasar penjajahan mereka dari segi minda, ekonomi, politik semasa. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat penjelasan kawasan tersebut dimaksudkan di mana, Asia Barat atau?

**Dato' Yaakob bin Haji Mohammad:** Asia Barat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa apa yang berlaku di Asia Barat memberi kesan kepada politik antarabangsa keseluruhannya dan Rusia sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang turut mempunyai kuasa veto yang sama dengan anggota tetap yang lain, dari semasa ke semasa ada peranan yang boleh dimainkan.

Rusia juga adalah merupakan salah sebuah negara yang menjadi anggota kuartet, empat buah organisasi atau negara iaitu Amerika, Rusia, European Union dan juga United Nations. Pihak

Bangsa-bangsa Bersatu diberikan kuasa untuk memantau dan memastikan apa yang disebutkan *roadmap* dapat dijayakan dalam menjadi penyelesaian kepada isu di Asia Barat keseluruhannya.

■ 1120

Terdapat banyak lagi yang lain yang kita mengharapkan Rusia boleh memainkan peranan sebagai kuasa pengimbangnya. Rusia juga terlibat dalam *Six Party Talk* yang bagi menyelesaikan soal nuklear di Korea Utara. Dalam isu nuklear di Iran juga Rusia juga boleh memainkan peranan yang sendiri. Sebab itulah kita mengharapkan dari semasa ke semasa hubungan baik antara Malaysia dengan Rusia dapat kita salurkan pendapat dan pendirian kita melalui satu kuasa lain dalam menyelesaikan pelbagai isu antarabangsa.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, pada masa kini sudah nampak ada kerekahan dalam hubungan diplomatik Rusia dengan negara-negara NATO dan juga Amerika Syarikat serta beberapa buah negara Eropah. Apabila mereka melahirkan rasa kecewa dengan tindakan Rusia menggantung penyertaannya dalam Perjanjian Kawalan Senjata iaitu Perjanjian Tentera Konvensional Eropah atau CFE. Soalan saya, apakah strategi jangka panjang pihak kementerian dalam mengimbangi hubungan diplomatik dengan kedua-dua pihak ini terutamanya dengan kerajaan Rusia. Jika berlaku semula *cold war* antara dua blok ini di mana sekian kita? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang begitu hebat sekali. Kita tidak menjangkakan *Cold War* dalam bentuk yang sama yang berlaku sebelum berakhirnya apa yang disebutkan *Soviet Union* akan berlaku lagi sehingga sekarang. Buat masa ini kita tidak menjangkakan ia berlaku tetapi kita percaya bahawa apa yang disebutkan dunia sekarang ini berada dalam hubungan yang disebutkan *unipolar*, order baru dunia, *unipolar*. Kuasanya bertumpu kepada Amerika Syarikat semata-mata.

Juga tidak menyenangkan masyarakat dunia apabila kuasa yang terlalu besar diletak ataupun dimainkan oleh Amerika Syarikat sehingga dia boleh mengambil pelbagai tindakan *unilateral* seperti serangan ke atas Iraq, pendudukan di atas Iraq dan sebagainya tanpa merujuk pada sistem dunia yang sekarang ini kita percaya sepatutnya boleh dimainkan oleh badan dunia itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebab itulah kita percaya bahawa PBB itu sendiri sepatutnya diperkukuhkan lagi. PBB sepatutnya boleh memainkan peranan yang lebih efektif lagi.

Sekarang ini kita tahu bahawa dalam sistem dunia itu, PBB bukanlah satu sistem yang benar-benar yang demokratik di mana beratus anggotanya dapat memainkan ataupun mencapai kata muafakat melalui proses demokrasi, tetapi ia banyak ditentukan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri. Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah hasil daripada selepas perang dunia yang kedua.

Kita tahu bahawa sehingga sekarang dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Rusia, China yang dianggap boleh memainkan peranan sebagai pengimbang kepada Amerika Syarikat, kepada kuasa-kuasa daripada Eropah Barat seperti Perancis dan juga Britain dan

sebagainya. Sebab itulah kita rasakan sehingga sekarang kita mengharapkan dua negara ini dan mungkin juga Perancis yang tidak semestinya mengikut apa yang dikehendaki oleh Amerika Syarikat dapat diharapkan untuk memainkan peranannya dalam menyelesaikan pelbagai isu dunia pada hari ini. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penghantaran astronaut Malaysia ke angkasa lepas adalah bukti betapa kukuhnya dan rapatnya hubungan Malaysia dengan Rusia, tetapi apakah benar sebenarnya Malaysia ini sudah pun menjadi proksi kepada Rusia untuk mengimbangi pengaruh dan kuasa Amerika di Asia Tenggara yang menggunakan Singapura sebagai proksinya. Apakah ini akan menyebabkan berlakunya lebih banyak persaingan antara Malaysia dengan Singapura terutamanya dalam perlumbaan senjata. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan-soalan hebat pada hari ini datang daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya bagi tiga soalan itu. Biasa saya bagi dua saja. Hari ini saya bagi tiga.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh menganggap bahawa kalau kita hantar dua astronaut kita ke angkasa lepas menggunakan modul Rusia, maka kita adalah proksinya, sebab Korea Selatan pun menghantar beberapa, kita sorang saja ya astronaut kita dan Korea Selatan juga ada program juga melalui modul Rusia juga. Ini tidak bermakna Korea Selatan juga boleh dianggap sebagai sebuah proksi kepada... , semua kita tahu Rusia adalah merupakan negara yang banyak terhutang kepada Amerika Syarikat dan sebagainya.

Jadi tidak bolehlah dianggap hanya dengan menghantar astronaut kita menggunakan modul Rusia yang kita dapat melalui satu pakej yang percuma apabila kita membeli Sukhoi daripada mereka, maka ia adalah tanda bahawa kita menjadi proksinya, tetapi kita mesti akui bahawa dalam hubungan antarabangsa mesti melihat dua aspek. Satu dari segi politik dan keduanya dari segi perdagangan. Kita tidak boleh lari bahawa dari segi perdagangan kita yang besarnya masih dengan Amerika Syarikat. Hampir 40 bilion *trade* kita, 40 bilion dolar Amerika. Kita masih dengan Amerika Syarikat. Sedangkan Rusia diharapkan mungkin akhir tahun ini hanya dua bilion.

Kita tidak boleh mengharapkan bahawa, kita tidak boleh mengatakan hanya dengan beberapa program yang kita lakukan bersama dengan Rusia, maka segala-galanya kita boleh dianggap sebagai proksi Rusia dan sebagainya dalam mengimbangi hubungan kita dengan negara-negara yang lain. Namun begitu, kita percaya bahawa keinginan Rusia untuk mendampingi kita, ASEAN misalnya. Mereka hadir sebagai tetamu istimewa Malaysia dalam sidang kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur baru-baru ini. Satu perkara yang baik. Mereka hadir sebagai memberi ucapan, sebagai pemerhati di dalam sidang OIC di Malaysia adalah satu perkara yang baik. Mereka juga

menyatakan *concern* mereka tentang isu-isu dunia yang barat melihat bahawa ada kaitan dengan soal keganasan orang Islam misalnya.

Rusia cuba memberi pandangannya sendiri bahawa untuk melihat beberapa isu yang dikaitkan dengan keganasan ia mesti dilihat dalam konteks yang lebih luas, punca keganasan itu sendiri. Ini perkara-perkara yang kita mahukan suara-suara pengimbang yang datang daripada sebuah kuasa besar dapat dilahirkan daripada semasa ke semasa. Kita lihat Rusia banyak kalinya dapat memainkan peranan sebagaimana yang kita harapkan. Terima kasih.

**11. Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd. Nor** minta Perdana Menteri menyatakan, kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pelan insurans kesihatan untuk pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara sebagai persediaan sekiranya mereka menghadapi masalah kesihatan apabila berada di sana.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:**

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam hanya membuat pembayaran insurans yang diwajibkan oleh pihak universiti kepada pelajar Malaysia yang berada di luar negara. Sebagai makluman Dewan ini, di negara yang terdapat Skim Insurans Kesihatan, pelajar atau pegawai hendaklah mengambil insurans tersebut dan premiumnya adalah dibayar oleh kerajaan. Ini bermakna kerajaan tidak lagi bertanggungjawab membayar bil-bil rawatan perubatan kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu dengan mendapat kelulusan JPA terlebih dahulu.

Sungguhpun demikian, bagi negara yang tidak menyediakan Skim Insurans Kesihatan, pelajar atau pegawai, dibenarkan menuntut bayaran perubatan dan pembelian ubat mengikut preskripsi doktor. Cadangan untuk menyediakan insurans kesihatan kepada semua pelajar di luar negara yang tidak diwajibkan oleh pihak universiti terus di dalam pemantauan dan kajian. Jika perlu kerajaan akan bertindak ke arah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah caranya seorang pelajar swasta yang sakit kronik di luar negara yang tidak mampu membayar perubatan mereka? Apakah pihak kerajaan, pihak kementerian boleh membantu pelajar-pelajar yang sakit ini? Terima kasih.

■ 1130

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, dalam soal dasarnya bertanyakan pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara dan saya telah menjawab bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, ia ada skim mengikut - kalau universiti, sesetengah universiti ia adakan skim ini, maka kita akan masuk. Ini adalah berdasarkan kepada di sesebuah negara. Ada negara yang tidak ada skim seperti ini. Maka seperti yang saya sebutkan tadi, pelajar-pelajar atau pegawai-pegawai itu sendiri bolehlah mengambil skim insurans ini dan kerajaan akan membayarnya, tetapi ini yang ditanya oleh Yang Berhormat adalah tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Studen swasta.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** ...Studen swasta. Sudah tentulah mereka pergi sendiri, maka mereka akan mengikut kesesuaian di negara-negara atau universiti berkenaan dan mereka perlu mengambil secara persendirian juga.

12. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan, kenapakah kebanyakan daripada pemilihan pegawai untuk kenaikan pangkat bagi jawatan pengetua atau guru besar dan juga pegawai di peringkat jabatan mahupun kementerian ditawarkan kepada mereka yang tempoh perkhidmatan telah hampir tamat (bersara) dan tidak kepada mereka yang berpotensi serta berkelayakan yang masih mempunyai jangkaan khidmat yang masih panjang.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia maklum mengenai peluang kenaikan pangkat kepada pegawai yang masih panjang jangka perkhidmatannya. Keadaan tersebut berlaku disebabkan bilangan calon yang layak terlalu ramai berbanding dengan jumlah jawatan kenaikan pangkat yang ada. Oleh itu, kekananan dijadikan sebagai satu kriteria tapisan dalam pemilihan kenaikan pangkat menyebabkan calon-calon yang terpilih terdiri daripada mereka yang telah berumur atau mendekati usia persaraan.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Pelajaran telah mengambil pendekatan melalui kaedah perluasan lingkungan atau zon kenaikan pangkat supaya lebih ramai calon-calon muda yang berkelayakan serta berpotensi dipilih untuk mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat seperti pengetua, guru besar dan juga jawatan di peringkat jabatan mahupun kementerian. Mengikut kaedah baru ini, calon-calon berkenaan dikehendaki menghadiri Sesi Simulasi Kepimpinan di Institut Aminuddin Baki ataupun IAB secara ringkas. Tujuan simulasi ini bagi memastikan calon-calon yang dipilih adalah mereka yang betul-betul kompeten dan masih mempunyai ciri-ciri kepimpinan seperti mana yang dikehendaki serta masih mempunyai masa yang secukupnya untuk mengurus dan mentadbir sekolah atau jabatan dengan berkesan. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Saripah Aminah di sebelah sana ya? Bukan di sebelah sini?

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Saya telah mendapat satu laporan baru-baru ini daripada Sekolah Menengah Teknik Kangar. Dalam setahun, tiga guru besar telah ditukarkan. Mereka ini sudah tinggal tiga bulan ataupun empat bulan untuk hendak bersara. Mungkin kementerian ingin memberi mereka ini kelebihan wang pencen, sebab itu dihantar apabila mereka hendak bersara tetapi ini telah mengakibatkan masalah kepada sekolah-sekolah tersebut, oleh kerana apabila HEM yang baru sampai, tidak sempat hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** "Oleh kerana itu" sudah tidak perlulah kerana sudah jelas.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa perkara ini berlaku bukan sahaja di sekolah menengah teknik tetapi juga di lain-lain sekolah. Ini adalah ekoran daripada prosedur yang kita ikut iaitu mengikut kenaikan pangkat melalui *time scale* ataupun *seniority* dengan izin, tetapi baru-baru ini kementerian telah mencari kaedah yang baru dan juga laluan kerjaya.

Pada masa ini, laluan kerjaya diberi keutamaan dengan meningkatkan juga jawatan untuk pengetua, guru cemerlang dan juga guru besar-guru besar cemerlang. Saya juga ada angka-angka ini. Dengan kaedah yang baru ini, kami harap bahawa perkara yang berlaku di sini iaitu di mana apabila baru sampai sahaja dalam beberapa bulan pun mereka telah sampai ke usia untuk bersara. Jadi kami akan cuba mengelakkan ini seperti yang dinyatakan. Kami sedar bahawa guru-guru besar ataupun guru-guru yang cemerlang mereka perlulah diberi satu masa untuk menjalankan misi dan visi mereka dan kami akan cuba mempertingkatkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat berjanji hendak tingkatkan pencapaian *delivery system*?

**Puan Komala Devi:** Ya. Selaras dengan mempertingkatkan sistem penyampaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, mengikut kaedah sistem kenaikan pangkat, peluang kenaikan pangkat di Kementerian Pelajaran adalah amat terhad jika dibandingkan dengan jumlah guru...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf saya ganggu sebentar. Saya akan cuba selesaikan pertanyaan sehingga pertanyaan nombor 15 untuk makluman. Silakan Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya tadi, peluang kenaikan pangkat untuk perguruan amat terhad jika dibandingkan jumlah mereka yang melebihi 300,030 orang. Apakah pandangan Yang Berhormat jika sistem kenaikan pangkat mereka boleh dibuat berdasarkan kaedah tahun. Cukup tujuh tahun, dinaikkan pangkat dari gred kanan ke *super scale* ataupun yang lebih atas.

Yang keduanya dari segi sejauh manakah keyakinan kementerian untuk melahirkan perguruan yang lebih baik dengan sistem kenaikan pangkat yang boleh memuaskan hati mereka jika dibandingkan dengan sistem skim perkhidmatan yang lain. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa di bawah Kementerian Pelajaran kita ada lebih daripada 300, 020 orang guru. Mungkin untuk mengambil cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu selepas setiap tujuh tahun, mereka ini diberikan kenaikan pangkat secara automatik ini memang sukar kita mempertimbangkan pada masa ini. Memang kenaikan dalam jawatan ataupun kenaikan pangkat merupakan salah satu motivasi dan juga insentif kepada guru-guru untuk menambah baik prestasi mereka, tetapi kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menambahkan bilangan peluang untuk kenaikan pangkat.

Secara umumnya saya ingin nyatakan di sini bahawa bagi pengetua cemerlang sebanyak 10 jawatan diperuntukkan untuk JUSA C, seramai 200 untuk DG54 dan seramai 400 untuk DG52. Manakala untuk guru cemerlang, sebanyak 24 untuk gred khas C, seramai 100 untuk DG54, seramai 250 untuk DG52 dan seramai 1,000 untuk DG48 dan seramai 4,000 untuk DG44.

Bagi guru lepasan diploma, 800 jawatan untuk DGA34 dan 3,200 untuk DGA32. JPA juga telah meluluskan lapisan gred baru iaitu DGA38 bagi jawatan guru besar cemerlang dan dalam tempoh 50 tahun disasarkan sebanyak 1,700 jawatan DGA38 akan diisi. Jadi kami harap dengan langkah-langkah ini, ini akan mendorong guru-guru memberi perkhidmatan dan juga meneruskan tugas dengan baik. Terima kasih.

13. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, isu kenaikan harga di kedai makanan India Muslim hangat diperdebatkan di mana pemantauan demi pemantauan dibuat oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini namun mengapakah harga yang tinggi di restoran-restoran makanan segera serta hotel-hotel tidak mendapat perhatian dari pihak kementerian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri menjawab soalan 2 tadi, telah pun serentak menjawab soalan-soalan dari lapan orang Ahli Yang Berhormat termasuk Datuk Soon Tian Szu sendiri. Mungkin saya minta kebenaran kita terima satu soalan tambahan daripada Datuk Soon Tian Szu kalau boleh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dikhususkan kepada soal kedai makanan India Muslim dan hotel-hotel, minta perhatian ya. Datuk Soon Tian Szu.

■ 1140

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah saya difahamkan bahawa kebanyakan barang-barang keperluan dapur seperti tepung, gula dan sebagainya telah naik harga. Antara peniaga juga telah menaikkan harga makanan. Adakah kementerian memantau kenaikan harga ini berpatutan mengikut kadar kenaikan bahan keperluan dapur? Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Soon. Tepung dan gula memang adalah barang kawalan dari segi harganya. Gula pasir atau gula biasa tidak dibenarkan menaikkan harga. Kerajaan tidak membenarkan, tapi bagi tepung gandum memang kerajaan membenarkan kenaikan harga sebanyak 15 sen satu kilogram.

Kementerian sendiri memang ada mekanisme untuk mengira dari segi kos pengeluaran sesuatu barangan termasuklah makanan. Dengan kenaikan harga 15 sen sekilogram tepung gandum terhadap peniaga-peniaga yang mengeluarkan makanan misalnya roti canai, kementerian mendapati bahawa satu kilogram tepung gandum boleh mengeluarkan 10 hingga 12 keping roti canai. Maka 15 sen ertinya kos meningkat cuma satu sen ataupun satu setengah sen sahaja. Jadi



kita rasa kalau kenaikan tepung gandum cuma satu sen untuk satu keping roti canai tapi kalau peniaga hendak naik 10 sen atau 20 sen memang tidak munasabah.

Pihak kementerian telah mengadakan perbincangan dan juga mesyuarat dengan persatuan-persatuan kedai makan termasuklah kedai mamak ini untuk menerangkan keadaan yang sebenar supaya mereka tidak menaikkan harga makanan termasuklah roti canai dan sebagainya. Selepas perbincangan mereka terima hakikat ini dan mereka berjanji tidak akan menaikkan harga roti canai dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**14. Tuan Ahmad bin Husin** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil kementerian bagi memastikan pengusaha kantin sekolah dan asrama menjaga kualiti makanan yang disediakan tanpa hanya memikirkan keuntungan semata-mata memandangkan dewasa ini banyak kes keracunan makanan di kalangan pelajar.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kes keracunan makanan berlaku di beberapa buah sekolah. Kementerian Pelajaran memandang serius terhadap kejadian tersebut dan beberapa langkah tegas telah dan akan diambil bagi membendung kejadian tersebut daripada berulang. Adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah, pengusaha kantin dan asrama bagi memastikan makanan yang disediakan bersih, selamat, berkhasiat, segar dan mengenyangkan sahaja disediakan untuk murid-murid.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena jawab baik-baik, banyak saksi.

**Puan Komala Devi:** ...[Ketawa] Ramai pelajar pada hari ini. Dalam memastikan pengusaha kantin dan asrama mematuhi peraturan dalam menyediakan makanan berkualiti beberapa langkah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Antaranya ialah:

- (i) tindakan tegas dikenakan terhadap pengusaha kantin dan asrama yang gagal mematuhi perjanjian dengan menamatkan perkhidmatan seperti yang terkandung di dalam perjanjian;
- (ii) Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), pengetua, guru besar, pengusaha kantin dan asrama akan diarahkan memberi penjelasan dan laporan lengkap berhubung dengan kejadian keracunan makanan. Sekiranya berlaku keracunan makanan yang berlaku disebabkan kecuaiian dan pemantauan yang lemah, pihak pentadbiran sekolah akan dikenakan tindakan tatatertib seperti yang termaktub di dalam Perintah Am;
- (iii) pengusaha kantin dan asrama yang terlibat dalam kes keracunan makan akan disenaraihitamkan oleh Kementerian Pelajaran;
- (iv) mengadakan seminar, menubuhkan *flying squad*, menyediakan *hotline* dan faks;
- (v) mengarahkan PPD dan juga PPG mengadakan pemantauan ke sekolah dari semasa ke semasa; dan

- (vi) mengadakan Seminar Pengurusan dan Kualiti Pemakanan yang melibatkan pengusaha kantin dan asrama seluruh negara.

Seminar ini bertujuan memberi pendedahan mengenai panduan pengurusan penyediaan makanan yang berkhasiat, kebersihan dan keselamatan makanan serta pengurusan makanan berkualiti. Pihak peserta juga diberi bahan-bahan panduan mengenai perkara tersebut.

Akhirnya, Kementerian Pelajaran akan bertindak tegas kepada sesiapa sahaja sama ada pihak sekolah, pengusaha kantin ataupun pembekal yang melakukan kecuaiian sehingga menyebabkan kejadian ini berulang. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih kepada jawapan daripada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan yang ingin saya kemukakan. Pertama sekali soalannya adalah pada pandangan kementerian, mengapa selalunya hanya kantin sekolah, asrama sekolah sahaja yang kerap kali berlaku masalah keracunan makanan tetapi tidak terjadi di kantin kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan atau di kantin pusat pengajian tinggi.

Yang kedua, dalam kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia didapati murid-murid sekarang *overweight*, kebuncitan, kencing manis, penyakit jantung. Masalah serius pada anak-anak sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Dewan Negara?

**Tuan Ahmad bin Husin:** Mungkin mereka sudah belajar cara dan teknik pemakanan. Kontrol. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins tak minum air lain, air suling. Pertanyaan saya, tidakkah terfikir kementerian ingin mendidik anak-anak supaya membawa makanan daripada rumah yang ibunya buat. Jimat, sedap dan lazat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah benar pertanyaan pertama itu, kemudian Yang Berhormat boleh jawab.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada statistik sama ada untuk nafikan atau untuk meng *confirm* kan kenyataan. Jadi saya akan rujuk balik tetapi kenyataan kedua iaitu ada ramai pelajar yang mungkin *overweight*, dengan izin. Adakah ini berkaitan dengan menu yang dihidangkan di sekolah? Ini mungkin ada berkaitan dan di kementerian pun kita telah ambil maklum dan kita telah tambahkan peruntukan untuk rancangan makanan tambahan di sekolah dan juga untuk program susu dan kami cuba untuk memperkenalkan satu gaya hidup sihat untuk pelajar bukan sahaja dari segi makanan tetapi dari segi penglibatan dalam sukan, persatuan dan sebagainya.

Kami cuba untuk memperkenalkan makanan-makanan yang berkhasiat tetapi dalam pengalaman kita katalah di Sabah dan Sarawak apabila kita cuba memperkenalkan roti dengan telur, kadang-kadang pelajar ini dia simpan telur ini untuk bawa balik ke rumah sebab itulah satu-satunya makanan untuk hari itu ataupun mereka enggan untuk makan roti sebab mereka sudah biasa dengan nasi lemak ataupun ubi kayu dan mereka memerlukan dan mereka tanya untuk mendapatkan itu. Jadi ini adalah satu proses pendidikan dan kami akan cuba teruskan usaha kami

untuk memberi kesedaran bahawa makanan itu ada impak dari segi kesihatan, dari segi berat badan dan juga untuk gaya hidup sihat yang juga termasuk jauhilah daripada dadah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersikap terhadap murid-murid bawa makanan dari rumah.

**Puan Komala Devi:** Itulah yang paling baik tetapi kita kena sedar ramai ibu dan juga apabila kita lihat kepada statistik wanita yang bekerja dalam *labor force* dengan izin, ramai yang bekerja. Kami memang galakkan untuk ibu bapa kedua-duanya sediakan makanan untuk anak-anak, tetapi sekiranya mereka tak mampu dari segi kewangan ataupun dari masa kami harap bahawa kantin itu akan menyediakan makanan yang berkhasiat, bersih, selamat dan berkualiti. Terima kasih.

**15. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, Malaysia mempunyai institusi atau pusat latihan kemahiran untuk melatih belia-belia bekerja dalam sektor yang dimonopoli oleh pekerja asing. Tidak adakah pendekatan yang praktikal untuk menyerap tenaga mahir dari rakyat tempatan daripada mengambil pekerja asing.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, bilangan pekerja yang bekerja di negara ini pada tahun 2006 adalah seramai 10.2 juta orang. Pembahagian pekerja mengikut sektor adalah seperti berikut:

| Sektor                  | Bilangan |
|-------------------------|----------|
| Pertanian dan perikanan | 1.5 juta |
| Perlombongan            | 42,000   |
| Pembuatan               | 2 juta   |
| Pembinaan               | 908,000  |
| Perkhidmatan            | 5 juta   |

■ 1150

Bilangan pekerja asing yang bekerja dalam negara adalah seramai 1.9 juta di mana peratusan dan bilangan mereka adalah seperti berikut:

| Sektor         | Bilangan | Peratus (%) |
|----------------|----------|-------------|
| Pembuatan      | 657,000  | 34.6        |
| Perladangan    | 353,000  | 18.6        |
| Pembinaan      | 265,000  | 13.9        |
| Perkhidmatan   | 173,000  | 9.2         |
| Pertanian      | 132,000  | 6.9         |
| Pembantu Rumah | 316,000  | 16.6        |

Di samping itu golongan ekspatriat di Malaysia adalah seramai 33,567 orang yang bekerja di dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini pelbagai pendekatan telah dan sedang diambil oleh kerajaan bagi memberi peluang kepada tenaga mahir dan separuh mahir tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan yang wujud sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing termasuk golongan ekspatriat.

Di antara pendekatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan peluang-peluang latihan di 27 buah institut kemahiran sumber manusia yang ada dan akan dibina lagi sebanyak lapan buah;
- (ii) menjalankan promosi pendaftaran pekerjaan melalui *Job Clearing System* di bawah *Electronic Labour Exchange*;
- (iii) menganjurkan karnival pekerjaan di seluruh negara, tidak kurang daripada 12 sehingga 15 kali karnival ini setahun;
- (iv) meningkatkan penyertaan kaum wanita, pesara dan orang kurang upaya dalam pasaran pekerjaan;
- (v) membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOS);
- (vi) mengaplikasikan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional di mana golongan belia didedahkan dengan 70% latihan industri dan 30% pula secara teori;
- (vii) menggalakkan tanggungjawab sosial korporat;
- (viii) menggalakkan industri melaksanakan sistem automasi dan penggunaan teknologi tinggi;
- (ix) menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang dan berkhidmat di negara sendiri;
- (x) menjalankan Program Latihan Pakar Pembangunan Perisian ACCP di bawah kelolaan PSNB terutama untuk graduan lulusan teknologi tinggi, meningkatkan kepakaran mereka dalam bidang ICT; dan
- (xi) meletakkan kembali program Skim Latihan Graduan di semua IPTA di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan Datuk Armani, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan Dato' Ismail Kassim.

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam soal melatih rakyat tempatan, sila nyatakan kewibawaan kerajaan untuk mengambil alih pekerja-pekerja asing di bidang kemahiran. Soalan kedua, setakat ini berapa buah pusat latihan kemahiran untuk melatih belia-belia di negeri Sabah dan sila nyatakan angka bilangan pelatih. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya ingin jelaskan secara umumnya kewibawaan kerajaan dalam meletak serta melahirkan tenaga-tenaga pelatih dalam negara ini. Kita mempunyai

27 buah institusi latihan yang terdiri daripada 21 buah ILP, empat Advanced Technology Centre, satu CIAST, satu JMTI. Di Sabah juga kita ada ILP di Kota Kinabalu dan juga di Sandakan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan membina lagi empat buah ILP iaitu ILP di Sungai Petani, ILP di Kuala Krai, ILP di Slim River dan ILP di Marang. Kita juga akan menambah lagi empat ADTEC iaitu ADTEC di Bintulu, ADTEC di Jerantut, ADTEC di Kemaman dan ADTEC di Taiping. Kesemuanya melibatkan kos bernilai RM2.16 bilion.

Di samping itu juga saya ingin menjelaskan bahawa di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran yang dulunya dikenal sebagai MLVK telah kita latih sejumlah 363,567 pelatih. Melalui pusat-pusat latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) semenjak 2001 sehingga 2006 PSM telah berjaya mengeluarkan seramai 37,580 orang pelatih di peringkat persijilan dan juga diploma.

Selain daripada itu juga kita telah berjaya melatih warganegara kita seramai 325,987 orang dari tahun 2001 sehingga 2005 di pusat-pusat latihan milik kerajaan yang lain seperti IKBN, IKM, Kolej Komuniti dan kolej-kolej di bawah kerajaan negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Yang Berhormat jelaskan tentang kemampuan kementerian Yang Berhormat menerima dan mengeluarkan pelajar di pusat-pusat latihan semenjak 2001 hingga 2005, apakah kapasiti institut berkenaan dengan bilangan yang ada setiap pengambilan pelajar, contohnya pada tahun ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kapasiti kita, setiap tahun kita mengambil lebih kurang 10,000 pelajar dan buat masa sekarang kita mempunyai bilangan pelajar di 27 buah institut, seramai 18,500 orang dan kita boleh tingkatkan dengan membesarkan institusi latihan ini dan kita menambah sesi petang sehingga ke 23,000. Dengan jangkaan kita dengan empat ILP dan juga empat ADTEC yang kita buat ia akan boleh mengisi dalam lingkungan 4,000 sehingga 5,000 pelajar-pelajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** 'Tuan' Ismail Kassim..., Dato' Ismail Kassim, minta maaf.

**Dato' Ismail Kassim:** Sama saja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan angka yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah pekerja asing yang ada di negara kita boleh dikatakan cukup ramai dan cukup membimbangkan. Jadi saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, apakah kemasukan buruh asing ke negara kita ini diselaraskan dengan keperluan pekerjaan yang ada.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Memang kemasukan pekerja-pekerja asing diselaraskan dengan keperluan pekerjaan di negara kita, tetapi sebelum pekerja asing itu diberikan tempat ataupun diambil untuk bekerja di negara ini terlebih dahulu majikan-majikan yang ada di negara kita - kita mempunyai majikan lebih daripada 700,000 di negara ini, dan terpaksa melalui beberapa syarat. Antara syarat yang terpenting dan mustahak, majikan berkenaan mesti memberikan peluang

kepada pekerja tempatan untuk diambil bekerja. Setelah mereka mengiklankan dan memberi peluang selama satu bulan, tetapi tidak dapat memperoleh pekerja-pekerja tempatan dengan buktinya sekali barulah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuka peluang kepada pekerja-pekerja asing untuk mengambil tempat yang tidak diisi oleh pekerja-pekerja tempatan.

Suka dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak berhasrat menambah ataupun mengekalkan bilangan pekerja asing tetapi kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing dengan cara meramaikan pekerja-pekerja tempatan tetapi perlu juga dijelaskan kalau sekiranya kita memberhentikan pekerja asing untuk datang bekerja di negara kita, maka soal produktiviti akan terjejas, khususnya kepada majikan dan seterusnya melibatkan produktiviti negara ini sendiri.

Jadi, kita terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing terutama dalam sektor-sektor yang kurang mendapat sambutan iaitu:

- (i) sektor pertanian dan perladangan;
- (ii) sektor pembinaan;
- (iii) sektor pembuatan; dan
- (iv) sektor perkhidmatan.

Itulah jurusan-jurusan ataupun bidang-bidang penting yang lazimnya dikuasai oleh pekerja asing tetapi sebagaimana yang saya jelaskan tadi kehadiran mereka tidak lebih daripada 34% terutama dalam sektor pembuatan. Yang lain-lain itu rendah, kurang daripada 10, terima kasih.

■1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

***Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN MELALUI UDARA (PINDAAN) 2007

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [12 Julai 2007]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad menyambung perbahasan.

**12.00 tgh.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit tentang isu kecederaan ini. Apabila kita menerima Konvensyen Montreal ini, apakah ini bermakna kita mempunyai hak juga untuk mendefinisikan apa yang kita maksud sebagai kecederaan. Apakah kecederaan ini hanya bermaksud iaitu setakat luka pada fizikal kita ataupun bagaimana dengan kecederaan dalaman, kecederaan dari segi emosi, kecederaan dari segi stres kita. Saya mengambil contoh jika sekiranya penumpang itu berbadan besar sedangkan kerusi yang disediakan adalah begitu kecil terutamanya di kelas ekonomi dan dia ada diabetes, dia ada sakit jantung. Perjalanan yang jauh sampai 13 jam dan ini mungkin memberi kesan kepada si penumpang tersebut apakah ini juga boleh dikategorikan sebagai kecederaan dalaman kepada penumpang tersebut dan bagaimana pula penumpang yang duduk di sebelah dia, yang duduk di *window seat* dengan izin. Kebetulan dua-dua yang duduk di sebelah dia ini semuanya badan besar. Dia hendak ke tandas, macam mana dia hendak ke tandas ini hendak melangkah dua badan besar ini. Jadi, ini menyebabkan barangkali dia tidak ke tandas dan membawa kesan pula kepada dirinya. Ini juga boleh membawa kecederaan kepada penumpang yang tidak pasal-pasal ada orang berbadan besar duduk di sebelah dia.

Apakah ini termasuk dalam konteks kecederaan yang kita boleh menuntut ganti rugi kepada pengangkut negara ini. Saya berharap ini dapat diperjelaskan dengan lebih khusus tentang makna kecederaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan *delivery system*, oleh kerana Konvensyen Montreal ini akan diterima pakai oleh kita, maka penumpang biasanya mereka tidak apakah hak mereka, mereka tidak tahu dan tidak faham sebenarnya dari segi perkara-perkara yang termasuk dalam undang-undang yang memberikan hak kepada penumpang itu sendiri. Oleh itu saya berharap dari segi sistem penyampaian maklumat kepada penumpang ini, apabila kita menerima Konvensyen Montreal ini, perlulah jelas dan kalau boleh jangan hanya setakat menggunakan bahasa Inggeris semata-mata, perlu juga ada penjelasan dalam bahasa Melayu.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, penggunaan bahasa Melayu pun kena betul. Saya ambil contoh kalau kita lihat dalam Jadual Kelima, seksyen 2, Artikel 4, tajuknya "*baggage check*" tetapi kalau dilihat dari segi terjemahan dalam bahasa Melayu ialah "Keracis Penerimaan Bagasi". Kalau kita baca dalam bahasa Melayu "keracis penerimaan bagasi", memang orang tidak akan faham bila dia terjemah "*baggage check*" ini kepada "keracis penerimaan bagasi". Bukankah lebih mudah diterjemahkan kepada pemeriksaan bagasi. Ini sama dengan filem-filem sekarang ini, kalau kita tengok tajuk-tajuk filem, contohnya filem saya ingat lagi satu filem namanya *Walking Tall*, diterjemahkan 'Berjalan Tinggi'. Kita tidak akan faham, terjemah tajuk filem Berjalan Tinggi memang tidak ada ini..., cuba kalau dia terjemah maksudnya berdiri, megah, sombong atau angkuh, berani kerana benar, mungkin lebih bermakna sebenarnya.

Oleh itu saya harap, perkara ini diberi perhatian kerana Konvensyen Montreal ini amat baik sebenarnya kerana memberi lebih banyak hak kepada kita dalam soal kerosakan bagasi, soal

kelewatan penerbangan, soal maklumat dalam tiket penerbangan dan sebagainya. Maka perlulah sistem penyampaian maklumat ini mudah difahami oleh penumpang ataupun pengguna pengangkutan udara ini.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad mengenai proses penterjemahan istilah-istilah tertentu daripada bahasa Inggeris hendaklah dibuat dengan betul dan tepat supaya tidak timbul masalah lain pula. Misalnya saya tertarik kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tentang penterjemahan ini. Saya hendak ambil satu insiden yang telah berlaku tidak lama dahulu. Saya tidak hendak sebut di mana tetapi ini kes pengeluaran peluru untuk latihan oleh sebuah pasukan keselamatan. Jadi bila pesanan dibuat, pesanan itu dibuat menggunakan bahasa Melayu, dia minta umpamanya peluru 0.38 sepatutnya macam itu, tetapi dia terjemah kepada 0.380. Jadi yang menerima pesanan itu tulis 0.380.

Jadi peluru pun dikeluarkan untuk latihan. Apabila latihan dibuat, dua orang tercedera, tertembak kerana yang dikeluarkan itu adalah *life bullet*. Sebab 0.380 bermakna dari segi digitalnya pun 0.38, yang kosong itu sepatutnya *blank* disebut kosong salah terima salah tulis, jadi timbullah masalah. Jadi bila kita hendak tukar, terjemah dari bahasa Inggeris baik dalam istilah apa jua, teknikal, mungkin dalam istilah undang-undang kejuruteraan, teknologi dan lain-lain hendaklah berhati-hati, tidak timbul masalah lain. Ini kecuaiian manusia. Saya dengar pun dalam kes Prine Lee anak kepada Bruce Lee, dia tertembak dengan *life bullet* yang sepatutnya *blank*..., entah apa kata terjemahan itu... , masa itu di Jepun, kita pun tidak tahu mungkin salah terjemahan ke ataupun lain-lain. Sekian, minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** 0.38 *blank* dengan 0.380 hanya dua-dua 0.380.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Itu saya kata Tuan Yang di-Pertua, bila saya membaca akta ini, saya terpaksa membelek dalam bahasa Inggeris juga memahami makna yang sebenar, memang saya keliru sebenarnya "keracis penerimaan bagasi". Saya pun tidak pernah dengar perkataan "keracis". Ini sebenarnya banyak lagi benda yang pelik dalam penterjemahan bahasa Melayunya. Jadi oleh kerana perkara ini penting...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pelik dia memang pelik kah, pelik kerana Yang Berhormat tidak maklum?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Kerana sukar untuk memahaminya. Jadi oleh kerana itu untuk kepentingan pengguna atau penumpang maka saya berharap apabila kita memberikan maklumat ini kepada mereka, mestilah menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh iaitu bagaimanakah negara-negara yang tidak menyertai Konvensyen Montreal ini? Apakah jika kita menggunakan pesawat pengangkut udara mereka tanpa mereka menyertai Konvensyen Montreal ini maka kita berhadapan dengan masalah



untuk menggunakan hak kita? Sebab saya tidak tahu apakah semua negara sudah menerima sedangkan kita Malaysia pun baru hendak bawa dalam Parlimen kita Konvensyen Montreal ini untuk diterima pakai sebagai undang-undang di negara kita.

■1210

Saya mengambil contoh, sebab kebanyakan pelajar-pelajar ini Tuan Yang di-Pertua, kalau yang belajar di luar negara terutamanya di London ataupun Amerika. Waktu cuti pengajian, biasanya mereka hendak balik ke Malaysia dan kebiasaannya mereka akan mengambil penerbangan-penerbangan murah seperti BIMAN iaitu Bangladesh Airlines, Pakistan Airlines, AEROFLOT, Budapest Airlines dan sebagainya, ini semua kapal terbang yang murah, menyediakan tambang yang murah tetapi syarikat penerbangan ini, biasanya mereka selalu menimbulkan masalah dari segi penerbangan yang lewat ataupun berubah-ubah.

Saya pernah melalui pengalaman seperti ini bahkan Tuan Yang di-Pertua bila saya terbang daripada London singgah di Dhaka untuk ke Kuala Lumpur. Rupa-rupanya yang di Dhaka ini mereka sudah tiga empat hari menunggu kapal terbang yang sama sebab Bangladesh Airlines ini, kapal terbang dia dua tiga biji saja tetapi dia berjanji dengan semua penumpang di semua *stop* ini. Maka akhirnya bila mereka naik berlaku *duplication*, dengan izin, tempat duduk, bercanggah *overbook* dan sebagainya, dengan izin.

Jadi kalau sekiranya mereka ini tidak menyertai Konvensyen Montreal ini, bagaimana sebenarnya kalau kita ingin mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat pengangkutan seperti ini yang selalu *delay*, dan selalu menyebabkan berlaku kerosakan kepada bagasi kita. Sebab saya sendiri tengok bahawa BIMAN Airlines ini ataupun Bangladesh Airlines ini, dia periksa kita punya *luggage* dekat tangga nak naik kapal terbang, bukan dalam menara, dekat tangga kapal terbang itu kena buka beg. Saya tidak tahu sekarang kalau dah berubah, tetapi akhirnya barang-barang kita ini boleh berterabur di tangga kapal terbang, dengan kacang-kacang pun berterabur, ini pengalaman yang saya pernah lalui. Jadi sebab itulah saya berharap bahawa ada penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual Keenam, Bab III, perkara 19 disebut iaitu "*Pengangkutan adalah bertanggung bagi kerosakan yang disebabkan oleh kelewatan dalam pengangkutan melalui udara bagi penumpang, bagasi atau kargo.*"

Soal kelewatan ini memang adalah satu isu yang besar, kita tengok syarikat penerbangan MAS kita. Kalau kita baca akhbar hari ini pun membuktikan bahawa dalam dua tiga minggu yang lalu banyak sekali berlaku kelewatan terhadap penerbangan MAS. Saya ambil contoh penerbangan penumpang yang mahu ke Istanbul, tiga jam mereka menunggu kelewatan tersebut. Dan kalau kita baca akhbar hari ini pula, berlaku masalah penumpang-penumpang iaitu *overbook* dengan izin, iaitu maksudnya tempahan penerbangan sampai dia kata 50 orang melebihi, kalau satu, dua, tiga terlebih *booking* tidak apa lagi, tapi ini sampai 50 termasuk yang hendak pergi ke Australia.

Jadi ini satu contoh betapa bahawa kita bersetuju dengan rang undang-undang ini, iaitu untuk mengatasi masalah apakah tindakan yang boleh kita ambil terhadap syarikat-syarikat penerbangan yang sering menimbulkan masalah dari segi kelewatan, *delay* dan sebagainya. Terutamanya syarikat penerbangan yang memang kekurangan pesawat.

**Dato' Ismail Kassim:** Minta laluan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada sahabat saya Dr. Haji Mohd. Puad. Bila Yang Berhormat membangkitkan soal kelewatan dan juga terlebih *booking* ini, saya rasa ada sesuatu perkara juga yang ingin saya dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu berhubung dengan *efficiency* dan kecekapan ini, ia sepatutnya dalam sebuah syarikat besar seperti MAS ini, dia harus ada *reward*. Apabila MAS mengumumkan keuntungan pada tahun kewangan yang lepas, 2006 bermakna syarikat telah mencatatkan keuntungan dan sudah tentu syarikat ini harus dikongsi oleh kakitangan yang telah mempamerkan servis yang cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka termasuk *cabin crew*, *pilot* dan sebagainya.

Akan tetapi saya difahamkan ramai di antara *cabin crew* ini termasuk pramugara, pramugari ini membuat pengaduan termasuk para rakan-rakan bahawa mereka tidak dapat bonus kerana ada beberapa kriteria ataupun sistem yang diguna pakai, yang kebanyakan bonus ini hanya ditumpukan kepada pengurusan tertinggi sahaja. Jadi umpama kata secara tidak langsung kita melihat apa yang berlaku seolah-olah di *moralize* supaya kakitangan menyumbangkan khidmat bakti dengan cemerlang. Sedangkan pengurusan ini sepatutnya lebih berkorban dalam keadaan yang baru hendak mula untung ini, mereka tidak patut ambil bonus pun. Bonus ini sepatutnya diambil oleh kakitangan bawahan yang memang menyumbang ke arah pendapatan. Yang menggunakan otak ini patut berkorban di peringkat awal, tapi mereka yang lebih kurang enam atau tujuh ribu kakitangan yang terlibat dalam *cabin crew* tapi hanya beberapa ratus sahaja yang melibatkan pengurusan tertinggi yang mendapat jumlah bonus.

Ini di antara benda-benda yang saya rasa boleh menyebabkan perkhidmatan yang dipamerkan akan menjadi sedikit sebanyak - kerana kita sebagai manusia apa yang kita lakukan kebanyakannya yang boleh mencetuskan ialah soal *reward*. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu saya amat bersetuju dengan Konvensyen Montreal ini supaya kita lebih mudah mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat penerbangan yang tidak mementingkan dari segi servis, mementingkan keuntungan yang akhirnya membawa kesan kepada kepentingan orang ramai sendiri. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kalau kita baca dalam media, dia memberi alasan kelewatan ini berpunca dari segi masalah *weather* dengan izin, cuaca dan sebagainya, tetapi apa sebenarnya

yang berlaku ialah apa yang disebut sebagai *silent picket* oleh pekerja-pekerja atau kakitangan MAS sendiri yang tidak berpuas hati seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat.

Sebagai contohnya, satu daripada 10 pekerja MAS sahaja yang mendapat bonus dan yang dapat bonus ini pun di kalangan senior *manager*. Dari segi *ground crew* dengan izin, mereka tidak mendapat apa, bahkan mereka terpaksa bekerja lebih masa sebab sebelum ini MAS sudah pun membuang lebih kurang 2,600 pekerja kerana MSS. Oleh sebab tidak cukup kakitangan maka mereka kerja lebih masa dan ini barangkali menyebabkan berlaku *silent picket* yang menyebabkan berlaku kes-kes seperti apa yang berlaku sekarang ini.

Saya harap dengan adanya Konvensyen Montreal ini, maka syarikat jangan sahaja memikirkan keuntungan, dan lebih mudah kita mengambil tindakan kepada mereka. Saya setuju dengan Yang Berhormat dalam hal ini iaitu bahawa MAS kita tahu memang dia untung, baru-baru ini dia umumkan keuntungannya, tetapi bila berlaku seperti ini sebenarnya ia akan mencalarakan imej penerbangan MAS itu sendiri.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Mohon laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak selesaikan jawapan itu atau hendak beri laluan serta-merta?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat kerana sebagai mana yang telah diujahkan sebelum ini, bahawa kebanyakan masalah itu berlaku mungkin kerana masalah pilih kasih dari segi bonus, tetapi pengalaman saya pada pagi tadi diberitahu oleh petugas di bahagian kaunter bahawa kebanyakan masalah pengesahan penumpang ini berlaku sejak dua bulan yang lepas selepas sahaja pihak *Malaysia Airlines* memperkenalkan sistem baru, kerana mengikut sistem yang baru selepas 24 jam tempahan atau pembelian dibuat, bahawa nama ini akan keluar dalam paparan skrin di hadapan petugas masing-masing. Jadi dari segi kelemahan sistem tiket ini memberikan masalah yang lebih banyak sebagaimana yang kita lihat. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Memang betul isunya sekarang ini ialah alasannya yang diberikan juga ialah kerana dia mengatakan bahawa dia dalam *trial* menggunakan sistem *online*. Dan barangkali ramai daripada *staff* MAS sendiri tidak bersedia menggunakan sistem baru ini, tetapi soalnya ialah bila berlaku *overbook* ini dengan izin, sepatutnya MAS juga mesti dengan segera memaklumkan kepada penumpang tentang masalah ini supaya mereka janganlah datang ke *airport* dan kemudian mereka terpaksa menunggu sampai dua, tiga jam. Dan ini berlaku sejak dua, tiga minggu yang lalu, kalau Yang Berhormat sebut dua bulan yang lalu, tetapi kebanyakan masalah ini dipaparkan ialah dalam dua, tiga minggu yang lalu.

Sebab itu saya kata bahawa MAS perlulah membuat persiapan awal sebelum melakukan sebarang perubahan supaya tidak menimbulkan masalah kepada penumpang itu sendiri. Kalau kita lihat berdasarkan rekod ini bahawa inilah kali pertama dalam sejarah iaitu kadar terendah dari segi *on time departure* ini berlaku kepada MAS. Sebelum ini tidak pernah berlaku seperti ini, *on time departure* ini, dengan izin, inilah dalam sejarah yang terendah dalam masa dua, tiga minggu ini yang berlaku setelah kita mendengar MAS mencapai keuntungan dan yang lebih kita bimbangkan bahawa pada tahun ini sahaja antara 600 hingga 700 lagi pekerja akan ditamatkan perkhidmatan kerana terpaksa mengambil MSS ini, dan ini sudah tentu akan menimbulkan lebih banyak masalah.

Saya ingin membangkit juga tentang AirAsia. AirAsia pun sebenarnya terlalu banyak masalah yang ditimbulkan dari segi kelewatan penerbangannya ini sebab dia tidak mempunyai pesawat yang banyak. Saya pun hairan kenapa maksudnya AirAsia ini boleh menuduh kerajaan, dengan sewenang-wenangnya dia boleh menuduh kerajaan tidak bantu dia untuk mendapatkan peluang pendaratan di Singapura. Apakah sebenarnya dia sebagai syarikat penerbangan swasta, bukan syarikat penerbangan kebangsaan, *national career* dengan izin, boleh dengan sewenang-wenangnya berkata sedemikian.

Saya minta kerajaan supaya biar Air Asia sendiri menguruskannya dia tidak ada hak untuk minta kerajaan bantu dia sebab kita tahu apabila kerajaan membantu AirAsia untuk mendapat hak pendaratan di Singapura, ini akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat penerbangan Singapura yang murah ini ada tiga iaitu Tiger Air, Value Air, Silk Air. Mereka boleh menuntut juga untuk hak mendarat di KLIA dan ini akan menyebabkan kita rugi sebab kita hanya ada satu sahaja iaitu AirAsia. Kalau dia dapat atas bantuan kerajaan maka mereka boleh minta tiga syarikat penerbangan murah daripada Singapura untuk hak mendarat di KLIA dan ini sebenarnya amat merugikan kita.

Jadi sebab itulah AirAsia selama ini dia memang banyak memberi tekanan sebelum ini dia sendiri hendakkan Rural Air Service ini ataupun RAS melalui syarikatnya, tetapi selepas sembilan bulan dia boleh minta kerajaan paksa MAS terima RAS ini melalui anak syarikat MAS iaitu Firefly. Yang kita ingin tahu ialah duit RM45 juta, subsidi yang dia dapat kerana hendak buat RAS ini, mana pergi duit itu? Dia buat apa, RM45 juta?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya telah benarkan perbahasan kecil yang berlaku dalam perbahasan besar mengenai rang undang-undang yang merupakan masalah di hadapan kita ini demi memaparkan bahawa pada pokoknya masalah di hadapan kita ialah hak-hak pengguna di pengangkutan udara. Jadi janganlah terlalu panjang sangat dalam perbahasan kecil ini. Berbalik kepada soal pokok yang merupakan masalah di hadapan kita.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma itulah saya mengatakan bahawa dengan adanya Konvensyen Montreal ini maka ia lebih memudahkan kita untuk mengambil tindakan kepada syarikat penerbangan baik AirAsia, sebab AirAsia juga sekarang ini terlibat dalam penerbangan antarabangsa sebab kualiti perkhidmatan mereka itu. Jangan dia

hendak fikir untung sahaja, itu yang saya hendak cuba berhujah tadi Tuan Yang di-Pertua, cuma saya minta sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan di sini iaitu bahawa sebab bila dia sudah dapat banyak duit sepatutnya servis dia bertambah baik.

Tentang LCCT ini, dia mengambil cukai perkhidmatan ataupun *airport tax* sedangkan *airport* itu dibina oleh kerajaan tetapi AirAsia yang buat *collection* terhadap *airport tax*, tetapi berapa lama ia dibenarkan untuk menyimpan *airport tax* ini.

Setakat ini saya difahamkan tiga bulan pun dia belum pulangkan lagi. Apakah duit itu digunakan untuk melabur benda yang lain dulu termasuk ambil duit *interest* dan sebagainya? Sudahlah LCCT itu kita bagi kepada dia, kita bina, dia *collect airport tax* tetapi tidak pulangkan, dia simpan duit itu begitu lama. Saya harap perkara ini harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kerosakan bagasi. Saya ingin bertanya. Apakah kerosakan bagasi ini iaitu dari segi pembayaran balik apabila berlaku kerosakan yang sebelum ini kita lihat berasaskan kepada seperti mandatori, tetapi apakah sekarang ini *value* kepada barang itu yang diambil kira sebenarnya ataupun dia diambil dari segi berat?

Saya ingin tahu jika berlaku kerosakan terhadap kandungan dalam bagasi itu. Contohnya kalau sekiranya kita hantar barang makanan, tetapi oleh sebab berlaku kesilapan dari segi pengangkut udara ini, dia sampai tiga bulan selepas itu dan makanan itu sudah pun rosak. Apakah sebenarnya kita boleh menuntut berasaskan bentuk barang itu juga maksudnya kita tidak hendak dalam bentuk ganti rugi wang ringgit, jadi apakah itu dibenarkan? Ini penting sebab kita selalu melihat bagasi kita ini kerosakannya juga kadang-kadang ialah kita beli beg yang mahal tetapi dari segi *handling bag* ini di *airport* ataupun dalam perjalanan, kadang-kadang beg itu tercalar ataupun dia punya *handle*, dengan izin, tercabut ini sering berlaku. Apakah itu juga termasuk dalam maksud kerosakan kepada bagasi yang ada di dalam Konvensyen Montreal ini?

Biasanya kita berhadapan dengan masalah bila tercalar ini, dia tidak hendak layan. Macam-macam alasan dia bagi, dia kata itu kerosakan daripada awal ataupun dia kata beg ini sudah lama maka tidak ada sebab. Kalau kita lihat kepada Konvensyen Montreal ini pun sebenarnya ada ruang untuk lagi dia berhujah untuk mengatakan bahawa kalau bukan kerana kerosakan disebabkan dia, kerana beg itu lama dan sebagainya, maka tidak ada sebab untuk dia membayar ganti sebenar.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Dato' Omar bin Faudzar:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana, dua-dua sekali?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang depan saya dululah. Dua-dua sekali?

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit, sebab dalam MAS kita ada pengangkutan dibuat oleh MAB atau Malaysian Airport Berhad. Jadi barang-barang yang diangkat semua adalah dari Malaysian Airport Berhad dan dimasukkan ke dalam kapal terbang dan menjadi tanggungjawab *Malaysian Airline*. Jadi apabila berlaku kerosakan semasa di bawah, tidak termasuk ke dalam kapal terbang lagi Yang Berhormat,

mungkin pada ketika itu MAS mengatakan bahawa bukan tanggungjawab dia, mungkin rosak ini berlaku disebabkan oleh MAB bukan MAS. Jadi adakah ini juga termasuk dalam pindaan-pindaan yang sedang kita bahaskan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang Yang Berhormat sentuh tadi dua perkara, iaitu berkaitan dengan bagasi dan juga kelewatan. Kalau dilihat ini melibatkan MAS dan juga AirAsia. Beberapa insiden Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan kelewatan berpunca daripada di mana bagasinya telah pun di *check in* dan masuk dalam pesawat, tetapi penumpangnya tidak turut masuk dalam pesawat. Ini di antara perkara-perkara yang melengahkan penerbangan yang melibatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, apakah apabila bagasinya telah masuk dan pihak MAS ataupun AirAsia sudah kah menyiasat kenapa penumpang tidak masuk? Ini telah juga berlaku beberapa kali, yang melibatkan rakan-rakan saya. Itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat, saya ingin mendapat pandangan andai kata bagasi itu masuk, penumpangnya tidak masuk akan melibatkan kerugian kepada syarikat sama ada kepada MAS ataupun AirAsia. Apakah tuntutan yang perlu diambil terhadap penumpang yang apa alasannya kita tidak tahu dan tidak masuk ke dalam pesawat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1230

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih rakan-rakan saya. Yang pertama tentang bagasi yang diuruskan oleh MAB, tetapi sebenarnya dalam Konvensyen Montreal ini, ia juga menyebut tentang ejen. Maksudnya ejen juga bertanggungjawab, bukan sahaja pengangkut udara tersebut. Jadi dengan kata lain bahawa sama ada ejen ataupun pengangkut udara kalau berlaku masalah bagasi, maka kedua-dua pihak ini juga boleh dituntut sebenarnya. Itu kefahaman sayalah. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh bantu menjelaskan lagi.

Kemudian tentang tindakan terhadap penumpang, saya rasa mungkin itu saya tidak pastilah sebab itu hak pengangkut udara untuk mengambil tindakan dan menuntut ganti rugi kepada penumpang yang tidak menaiki pesawat sebab dalam hal ini ia lebih banyak berkaitan tentang hak penumpang terhadap pengangkut udara, Konvensyen Montreal ataupun rang undang-undang yang kita bahaskan ini.

Sebab itu mengenai dengan AirAsia tadi, AirAsia *exploit* kita, contohnya orang yang kurang upaya yang menggunakan kerusi roda, ia tidak benarkan naik kapal terbangnya. Ini bagi saya tidak patut sebenarnya. Sebab oleh kerana *booking* itu menggunakan *online*, tidak ada petak untuk memohon bahawa perlukan *facility* lain, maka akhirnya siapa yang menggunakan kerusi roda dan sebagainya, dia tidak akan dapat kemudahan untuk naik AirAsia ini sedangkan AirAsia ini, ia punya moto ialah *Everyone Can Fly*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi orang yang kerusi roda tidak boleh pula hendak terbang sebab ia tidak bagi kemudahan dan ia tidak bagi ruang pun untuk

*booking* itu sebab penerbangan lain kalau kita menggunakan kerusi roda, ia ada ruangan untuk kita tekan iaitu bahawa kita perlukan kemudahan lain untuk memudahkan orang itu menggunakan kerusi roda untuk masuk dalam pesawat. Sebab itu saya harap perkara ini diberi perhatian.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Baik, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membahaskan rang undang-undang ini, jadi kita sebagai pengguna, saya ingat rang undang-undang ini juga patut adil kepada pengguna. Kelewatan penumpang apabila sampai ke destinasi atau ke lapangan terbang lewat, kita dikenakan denda kerana kelewatan kita. Hari ini kita lihat kerana kelewatan penerbangan kita terpaksa menunggu berjam-jam, kadang-kadang sampai 12 jam, adakah pengguna ataupun penumpang juga boleh membuat tuntutan kepada MAS ataupun AirAsia sendiri apabila berlaku kelewatan. Saya berharap supaya perkara-perkara ini juga patut diadakan untuk melindungi pengguna. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Di dalam rang undang-undang ini memang disebut tentang kalau kita lihat jadual keenam, bab ketiga, perkara 19 memang jelas menyebut tentang kelewatan dan kita memang boleh menuntut kepada pengangkut udara ini termasuk dalam soal bagasi. Kalau rosak pun, dibagi tempoh tujuh hari. Kalau lewat 21 hari. Jadi memang ada.

Sebab itu saya menyokong penuh rang undang-undang ini yang mana kita menerima Konvensyen Montreal sebagai sebahagian daripada undang-undang kita untuk kita mendapatkan hak kita sebagai penumpang syarikat penerbangan ini. Sebab itulah antara isu yang timbul di sini ialah syarikat-syarikat penerbangan ini, sepatutnya juga di dalam ini, kita masukkan tentang pemeriksaan terhadap umur kapal terbang sebab baru-baru ini kalau kita lihat Adam Air di Indonesia, dengan izin, kerana umurnya sudah begitu lama, sampai sekarang pun tidak jumpa pesawat itu jatuh di mana.

Ini amat mendukacitakan dan amat menggerunkan kita sebenarnya. Sebab itu kita tidak mahu pesawat-pesawat kita ini menghadapi masalah yang sama sampai orang tidak berani hendak naik seperti di Indonesia sekarang ini. Orang luar negara seperti Australia, Amerika, ia membuat senarai kapal terbang, kebanyakannya Indonesia, mereka tidak menggalakkan rakyat mereka naik sebab takut menimbulkan masalah kemalangan dan sebagainya seperti Adam Air dan Batavia Air. Oleh kerana itulah undang-undang ini adalah cukup penting.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah soal timbang tara ini. Timbang tara ini, apakah dalam soal kargo sahaja tetapi salam soal-soal kelewatan, kerosakan bagasi, kita kena pergi ke mahkamah. Yang ini saya memerlukan penjelasan. Apakah mahkamah ini, maksudnya kita boleh menuntut di mahkamah kita sahaja, bukan maksudnya kalau kita guna kapal terbang itu ia berhenti di Pakistan, maka kita kena pergi di mahkamah Pakistan. Saya harap penjelasan ini untuk

memberikan penjelasan yang lebih mendalam sebenarnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### 12.35 tgh.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang untuk turut menyertai dalam membahaskan serta memberi pandangan-pandangan sewajarnya tentang rang undang-undang untuk meminda Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974.

Pindaan ini wajar dan tindakan sedemikian saya yakin akan meletakkan Malaysia dalam arena antarabangsa dalam mengurus dan memastikan kemajuan yang terkawal dalam operasi pengangkutan udara mengikut lunas undang-undang antarabangsa seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri minggu lepas.

Syabas dan tahniah saya ucapkan atas langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk melindungi para pengguna pengangkutan udara. Saya tidak bercadang untuk berhujah dengan panjang lebar di Dewan yang mulia ini tetapi hanya mengambil kesempatan untuk memberi pandangan secara umum serta mendapat keterangan penjelasan atas beberapa dasar walaupun nampaknya tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini tetapi ada hubung kait seperti dasar ruangan udara.

Apabila dasar ruangan udara ASEAN terbuka dan kalau saya tidak silap, akan dilaksanakan pada tahun 2010 maka Malaysia akan dapat bersaing dan kepentingan negara dilindungi dan sama ada penerbangan MAS boleh berdaya tahan serta terus maju. Mungkin saya kurang faham, tetapi saya dapati sebelum dasar ruangan udara ASEAN terbuka dilaksanakan, saya perhatikan seolah-olah dua syarikat penerbangan telah mula atau sengaja berlaga-laga yang saya berpendapat sebagai seorang nasionalis, ianya sepatutnya tidak harus berlaku sedemikian.

Kepentingan negara perlu diutamakan. Mereka tidak seharusnya berlumba-lumba sehingga membuat kenyataan terbuka untuk memaksa kerajaan membuka ruang udaranya. Pada hemat saya, perkara ini perlu dirundingkan secara senyap-senyap dan bukannya dituntut secara terbuka. Apa yang saya maksudkan ialah gesaan AirAsia. Saya petikkan laporan *New Straits Times* bertarikh 12 Julai 2007. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*CEO Tony Fernandes said that airlines should be allowed to fly to any destination without restrictions from policy makers in order for the industry to grow*". Ini saya kenyataan yang saya anggap melampau. Seolah-olah dia bercakap seperti dia kerajaan.

Saya harap Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini memahami kepentingan negara itu lebih penting daripada sebuah syarikat yang dipanggil AirAsia. Saya faham AirAsia telah membuka minda kita dalam mengurus dan mentadbir pengangkutan udara.



Namun saya harap ianya tidak angkuh. Air Asia juga tentunya mempunyai kelemahan. Saya kadangkala juga menggunakan AirAsia Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya ia sentiasa lewat juga.

Saya pernah bertanya di Dewan yang mulia ini tentang peratusan kelewatan Air Asia dan Kementerian Pengangkutan telah memberi jawapan yang mana saya sendiri pun terkejut. Kelewatan AirAsia adalah lebih kurang 45% lewat. AirAsia harus mengambil perhatian dan tindakan untuk membaiki prestasinya.

Baru-baru ini, mereka memang tidak memberi satu perkhidmatan layanan mesra kepada OKU, orang yang kurang upaya seperti Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad menyatakan saya sokong, kerana OKU juga manusia. Mereka juga terpaksa menyewa RM12 ringgit untuk kerusi roda, ini adakah satu sistem penerbangan udara yang memberi layanan yang mesra?

Saya harap, Kementerian Pengangkutan akan memberi amaran yang tegas kepada AirAsia supaya perkara kelewatan ini harus dan perlu diatasi dengan segera sebelum ruang udara terbuka ke Air Asia diberi pertimbangan sewajarnya. Tambah tokoh lagi, saya nampak dalam iklan-iklan Air Asia kebanyakannya mengelirukan.

Saya baca, saya akan baca... [*Mencari dokumen di atas meja*] Tidak tahu mana sekarang... [*Ketawa*] Secara keseluruhan mengikut laporan AirAsia, walaupun kita tahu bahawa RM9.99 hendak terbang ke Pulau Pinang, walhal mengikut rekod, *average price* kadar tambangnya adalah RM173 ringgit, satu kekeliruan tapi CEO, itu bukan personel Tuan Yang di-Pertua, ini kepentingan negara. Mendesak, selalunya mendesak, mendesak, mendesak supaya kita buka ruang udara kita untuk jiran kita yang kita kasihan dan kadangkala yang kita kasihan itu. Kalau kita buka sahaja, apa akan jadi kepada MAS?

Sementara itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada MAS di bawah pimpinan Idris Jala, telah pun pusing semula, tambah baik lagi syarikat ini selepas melancarkan pelan perniagaan baik pulihnya pada bulan Februari 2006. Yang mana MAS telah mula menunjukkan...

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Sila

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan? Silakan bila Yang Berhormat duduk itu, dia beri laluan.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih. Yang Berhormat tadi ada mengatakan bahawa di bawah kepimpinan Idris Jala adalah satu kepimpinan yang baik kerana telah menunjukkan keuntungan. Soalan saya, sebagai seorang pengurus, seorang yang pakar dalam pengurusan, apabila kita menguruskan syarikat kita, kita berhentikan pekerja, kita jual harta benda kemudian boleh tunjuk untung adakah ini menunjukkan bahawa itu satu perniagaan yang bijaksana? Saya kurang bersetuju dalam hal ini.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Pandangan Yang Berhormat juga setuju atau tidak setuju itu, kita perlu panduan kepada hakikat. Memang dalam satu *business plan* untuk membaik pulih tentu melibatkan pekerja. Kadangkala kalau dilihat dari sudut untuk berhentikan kerja dan jual aset, sekadar satu sahaja faktor. Faktor adalah pengurusan, pengurusan yang baik akan menunjukkan prestasi yang baik. Jadi hakikatnya ialah ia telah menunjukkan keuntungan bagi kedua-dua suku tahun iaitu keuntungan RM240 juta bagi suku tahun ketiga 2006 dan RM121 juta bagi suku tahun keempat 2006.

Walaupun secara keseluruhannya MAS masih mengalami kerugian, tetapi amat kurang berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini. Pada akhir 2006 telah kerugian RM103 bilion berbanding dengan RM1.36 juta berbanding dengan RM1.1 bilion kalau tidak silap. Ini menunjukkan prestasi bukan senang, bukan senang untuk menambah baik pulih satu syarikat pengangkutan yang begitu teruk atas pengurusan-pengurusan yang lalu yang tidak perlu saya sebutkan.

Oleh yang demikian, saya harap Kementerian Pengangkutan perlu menjadi orang tengah agar beri ruang untuk MAS bernafas, ini kepentingan negara. MAS bernafas untuk hidup semula dan bukan bagi AirAsia cekik, cekik sampai MAS akan mati. Kita mesti memberi ruang.

Dengan kata-kata itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di tengah-tengah kekeliruan di antara beberapa pandangan yang bercanggah di antara pengusaha dalam industri penerbangan di satu pihak, penggubal dasar penerbangan awam di satu lagi pihak, mungkin kita boleh dapat peroleh iktibar dalam mengenai pengalaman orang lain misalnya dengan memerhatikan, apakah kesannya *open skies policy* dan *deregulation* di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Walaupun mereka negara maju, namun kita lihat dari konteks kita negara membangun, pertembungan di antara *the policy makers with regard to civil aviation and the entrepreneurs in civil aviation*. Banyak sangat pandangan. Macam mana Yang Berhormat boleh hujahkan yang menyentuh isu-isu berkaitan dengan sikap kerajaan kita terhadap syarikat-syarikat Yang Berhormat maksudkan tadi.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Mungkin Yang Berhormat Timbalan boleh jawab lebih arif daripada saya, tetapi saya cuba. Tidak boleh dinafikan Tuan Yang di-Pertua, lambat laun dasar ruang udara kita terpaksa dibuka, tapi sementara menunggu masa yang akan datang, walhal kepentingan negara seperti MAS yang kita tanggung, perlu memberi nafas yang baru, perlu diberi tenaga yang baru supaya mereka boleh bersaing. Tambah tokok lagi kita telah memulakan *budget airlines* seperti AirAsia, tetapi kalau kita meneliti dengan sedalam-dalamnya AirAsia juga di subsidi oleh kerajaan. Tidak perlu saya huraikan seperti RM45 juta yang diberikan kepada AirAsia.

Namun pendapat saya sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini, kita perlu seimbangkan. Jangan kita dua-dua gaduh, bila dua-dua gaduh orang luar seperti jiran kita yang kita cintai akan mengambil kesempatan. Ruang udara adalah kedaulatan negara kita. *It is our sovereignty right*, dengan izin. Kita tidak boleh biar sahaja buka kerana AirAsia tuntutan, *no*, bagi pendapat saya *no way*. Kerajaan mesti tegas, tegas bahawa kita akan melihat secara keseluruhan.

Saya yakin dan saya percaya Kementerian Pengangkutan boleh melihat secara keseluruhan.

■ 1250

Memang ruang udara ini lambat laun akan terdesak dibuka, tetapi dibuka secara tempoh dan masa yang ditentukan oleh negara kita. Saya harap jawapan itu boleh diterima. Dengan kata-kata itu, saya pohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Heng Seai Kie.

**12.51 tgh.**

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007 yang telah digubal mengikut kehendak dan protokol Konvensyen Montreal tahun 1999.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dan Dato' Gooi, berikut adalah beberapa isu lain yang ingin saya ketengahkan untuk penjelasan kementerian:

- (i) dari segi perlindungan insurans Konvensyen Montreal tahun 1999 ini telah mewajibkan syarikat penerbangan untuk mengadakan insurans kepada penumpang antarabangsa. Persoalannya ialah bagaimana pula dengan perlindungan kepada penumpang tempatan kerana ia tidak termasuk dalam skim Konvensyen Montreal ini. Adakah ini bermaksud kalaulah berlaku kemalangan, mereka ini iaitu penumpang tempatan ini tidak perlu dibayar ganti rugi dan hanya sekadar mati katak;
- (ii) apakah jenis-jenis insurans yang boleh dan akan ditawarkan kepada penumpang ini. Misalnya untuk kehilangan nyawa, kecederaan penumpang, kelewatan penerbangan, kehilangan dan kerosakan bagasi;
- (iii) apakah akan wujud kelas-kelas insurans di antara pembelian melalui *e-ticketing* dengan pembelian tiket melalui kad kredit misalnya.
- (iv) Konvensyen Montreal ini juga telah dilihat sebagai satu cara untuk pihak syarikat penerbangan meniadakan hak penumpang antarabangsa dari segi tuntutan kewangan dan juga had masa tuntutan. Apakah kedudukan hak penumpang yang telah membayar sejumlah nilai untuk dengan izin, *excess weight baggage*. Adakah ianya sama dengan peruntukan SDR iaitu dengan izin, *Special Drawing Rights* yang telah ditentukan, contohnya seperti di United Kingdom.

Selain itu, Konvensyen Montreal 1999 ini juga telah banyak menyebut tentang hak *airliner* atau syarikat tetapi tidak pula hak penumpang untuk mendapatkan keselamatan dari segi psikologi. Ini kerana seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, penumpang akan rasa lebih yakin pada *aircraft* baru dan tidak pula pada *aircraft* lama lebih-lebih lagi

mempersoalkan isu *maintenance* dengan izin dan kepakaran personal yang terlibat dalam penyelenggaraan *aircraft*.

Berhubung dengan perkara 10 iaitu seksyen (1), (2) dan (3) mengenai tanggungjawab bagi butir-butir dokumentasi iaitu berkenaan deklarasi untuk tujuan insurans berkaitan dengan kehilangan bagasi. Persoalannya ialah, sejauh manakah deklarasi itu perlu dibuat jika terdapat unsur kesilapan atau khilaf dalam deklarasi, adakah hak penumpang itu lupus secara automatik? Ini kerana mengikut prinsip *uberimma fides*, pihak insurans boleh menuduh penumpang atau pihak yang menuntut sebagai melakukan *fraud*, dengan izin, ataupun penipuan dan dengan itu meletakkan penumpang sebagai telah melakukan satu jenayah. Oleh itu, saya berharap pihak kementerian dapat meneliti perkara ini dengan lebih lanjut supaya penumpang tidak akan teraniaya.

Akhir sekali, saya juga meminta penjelasan dari pihak kementerian berhubung dengan isu iaitu sejauh manakah keberkesanan undang-undang ini yang melibatkan negara-negara ahli Konvensyen Montreal dalam menyelesaikan masalah yang timbul terutama sekali dalam tuntutan yang melibatkan dengan izin, *pecuniary matters* iaitu perkara yang boleh dikira. Sejauh manakah pula kerelaan mereka menyelesaikan masalah berhubung dengan tuntutan seseorang penumpang antarabangsa?

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007 ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sukacita saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri . Ya, Puan Puan Mumtaz silakan.

**12.56 tgh.**

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk turut bersama rakan-rakan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007.

Saya mempunyai beberapa perkara untuk ditanya kepada kementerian khususnya berkaitan juga dengan insurans. Sekiranya kita merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Heng Seai Kie tadi berkenaan adakah syarikat penumpang tempatan ini akan dilindungi insurans?

Sebagaimana kita lihat tiket yang kita beli berdasarkan daripada Malaysia Airlines Berhad, tidak ada tawaran untuk kita membeli insurans. Walau bagaimanapun sekiranya kita melihat tiket AirAsia selalunya kita akan mendapat juga satu pakej insurans untuk diberi secara pilihan kepada penumpang selain daripada harga tiket. Jadi adakah ini bermaksud bahawa syarikat lain selain daripada AirAsia itu memasukkan terus di dalam harga tiket itu, harga-harga insurans yang akan dikenakan. Itu yang pertama.

Kedua, dari segi pemilihan oleh pihak kerajaan untuk memberikan hak kepada mana-mana pihak untuk menjadi penginsurans untuk pengangkutan udara ini. Adakah kerajaan akan memberi pertimbangan yang sama sebagaimana kita berikan kepada bank untuk dipilih sistem perbankan

Islam ataupun sistem perbankan konvensional iaitu dengan mana menawarkan juga Syarikat Takaful Malaysia ataupun syarikat-syarikat takaful yang lain untuk turut sama dilibatkan dalam penender sebagai insurans bagi pengangkutan melalui udara ini.

Ketiga, jika dilihat melalui kontrak, kalau dahulu tiket yang kita beli kita akan lihat banyak perkara-perkara atau terma-terma dimasukkan dalam tiket tersebut, tetapi kerana sekarang dengan adanya *e-ticketing* ini, kita melihat terlalu ringkas perkara yang diletakkan di dalam tiket dan yang lain itu semua dalam komputer.

Jadi dari segi hak sebagai penumpang, kita kirakan sebagai *layman* yang membeli tiket di kaunter dan mereka akan mendapat tiket yang ringkas tanpa mereka ini merujuk komputer kerana mereka ini tidak membeli melalui komputer di rumah. Bagaimanakah kontrak ini dapat difahami dengan sepenuhnya oleh penumpang yang akan menggunakan perkhidmatan melalui udara ini dan adakah ianya menjadi secara automatik keseluruhan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Melalui Udara ini akan menjadi hak kepada mereka walaupun mungkin perkara itu tidak difahami ataupun tidak dilihat oleh penumpang itu sendiri.

Seterusnya, isu yang ingin saya kaitkan ialah mengenai perkembangan Koridor Timur yang akan dibuat oleh kerajaan melalui kerjasama dengan Petronas. Oleh kerana kita melihat di negara kita ini kalau di sebelah selatannya ada Senai, di sebelah utaranya ada Penang Airport dan di tengahnya ada Kuala Lumpur. Adakah kerajaan bercadang untuk memastikan dan menaiktarafkan keseluruhan kemudahan yang ada di Lapangan Terbang Kota Bharu setanding dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang lain untuk menggalakkan perkembangan Koridor Timur kerana kita percaya untuk menjadikan Koridor Timur ini satu realiti, pengangkutan melalui udara ini merupakan satu perkara yang amat penting.

Sekiranya ada ataupun tidak ada, apakah kekurangan lagi yang ada di Lapangan Terbang Kota Bharu untuk dipertingkatkan oleh kerajaan bagi memastikan perkara yang kita bincangkan ini boleh menjadi kenyataan khususnya orang di Pantai Timur.

Seterusnya, isu yang ingin saya sentuh ialah perkara yang mungkin telah banyak kali kita bincangkan dalam Dewan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 petang.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempatkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Mumtaz untuk meneruskan ucapan.

**2.33 ptg.**

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan satu lagi isu yang saya kemukakan ialah mengenai dengan tugas sebagai pramugari serta pramugara. Memang ini merupakan satu kerjaya yang sebenarnya amat diminati oleh kebanyakan belia terutamanya yang mempunyai rupa paras yang segar dan cantik. Namun, dalam keadaan negara kita telah mencapai kemerdekaan 50 tahun dan kita juga adalah negara yang memperjuangkan hak wanita dan negara juga telah mengisytiharkan sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Islam Hadhari. Saya memohon jasa baik pihak kerajaan agar boleh memberikan satu panduan kepada semua pengangkutan melalui udara agar memberikan hak kepada wanita Islam untuk memakai pakaian yang menutup aurat walaupun bekerja sebagai pramugari. Kerana kita melihat walaupun mungkin sesetengah pihak berpendapat pakaian ini boleh menambah nilai kepada perniagaan mereka, tetapi tidak wajar bagi seseorang wanita nilai tambah itu diberikan kerana keterpaksaan mereka membuat sesuatu di luar kehendak mereka. Sebagai mana kita lihat dari segi pemberi khidmat. Khidmat yang diberikan oleh pramugari dan juga pramugara ini merupakan khidmat yang mulia.

Jadi, kalau jabatan lain, kerjaya lain dibenarkan memakai tudung dan memakai pakaian yang sopan, kenapakah pilihan yang sama tidak diberikan kepada pramugari-pramugari yang berkhidmat untuk kedua-dua Malaysia Airline Berhad dan juga AirAsia kerana perkara ini bagi saya sudah sampai masanya kerajaan memberikan pilihan dan mendesak kepada pihak berkenaan untuk memberikan pilihan kepada wanita Islam untuk memakai pakaian yang menutup aurat semasa mereka bertugas di udara.

Saya juga ingin turut menyokong apa yang telah dibentangkan sebelum ini oleh Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad berkenaan dengan OKU iaitu kalaulah boleh pihak kerajaan membuat satu polisi ataupun mendesak kepada AirAsia untuk menjaga kebajikan pihak penumpang iaitu melibatkan pihak yang OKU agar tidak menambah bayaran sebanyak RM12 untuk mereka mendapatkan kerusi roda kerana dalam kebanyakan pesawat jarang kita melihat orang OKU ini ada. Jadi kalau satu orang atau dua orang sepatutnya perkara ini boleh dipertimbangkan. Jadi dengan kata-kata itu saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Pengangkutan Melalui Udara bagi 2007 ini. Nampaknya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu berminat dengan rang undang-undang ini dan juga menyentuh perkara-perkara yang berkaitan. Kalau kita menengok kepada rang undang-undang ini memanglah satu rang undang-undang yang saya rasa baik bagi kita semua dan beberapa perkara pokok yang umpamanya memperbaiki dari segi jumlah ganti rugi di bawah rang undang-undang ini, juga menyesuaikan industri penerbangan dengan kemajuan teknologi yang terkini, dengan pampasan ganti ruginya.

Kalau di bawah Warsaw Convention dulu hanya 48,000, sekarang sudah meningkat di bawah Konvensyen Montreal 1999 ini kepada 500,000. Dengan sistem *e-ticketing* dan *e-airwaybill* ini, dapat dilaksanakan melalui Montreal Protocol ini. Jadi saya akan cuba sedaya upaya saya menjawab segala perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat saya jawab. Saya akan menjawab dengan sebaik mungkin yang termampu oleh saya.

Pertamanya iaitu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi. Banyak perkara yang telah dibangkit. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah tentang perkara yang sama yang telah dibangkitkan oleh Dr. Mohd Puad ini. Itu jawapan kepada soalnya di manakah tempat aduan sekiranya berlaku salah kendali di luar negara?

Perkara 31 di dalam rang undang-undang menghendaki penumpang membuat aduan secara bertulis. Walau bagaimanapun, syarikat penerbangan seperti MAS ada menyediakan kemudahan borang aduan di dalam kapal terbang. Aduan juga boleh dibuat di mana-mana pejabat MAS yang terletak di beberapa buah negara. Di mana negara-negara yang kita tidak ada pejabat atau MAS punya pejabat bolehlah aduan ini dibuat kepada ejen-ejen yang tertentu yang dipilih oleh pihak MAS kita.

Berkaitan dengan maksud kecederaan ini, maksud kecederaan merujuk kepada kecederaan anggota badan penumpang dan kecederaan itu berlaku dalam pesawat udara atau semasa kendalian bagi menaiki atau menaikkan atau menurunkan penumpang.

Dr. Haji Mohd Puad juga membangkitkan tentang apakah skop aplikasi konvensyen ini ke atas syarikat penerbangan seperti Bangladesh Airline ataupun Biman. Konvensyen ini terpakai ke atas perjalanan pergi balik atau sehala di antara negara-negara yang telah meratifikasikan konvensyen ini. Dia tidak tertakluk kepada syarikat penerbangan. Kalau tidak silap saya berkaitan dengan Bangladesh ini. Bangladesh juga adalah negara yang telah menyertai konvensyen dan Protokol Montreal ini.

#### ■1440

Satu persoalan juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad iaitu penterjemahan '*baggage check*' sebagai "Keracis Penerimaan Bagasi" dan itu juga istilah yang saya baru belajar atau penggunaan istilah "Keracis Penerimaan Bagasi" adalah bagi tujuan keseragaman dengan Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974 yang sedia ada. Tambahan pula teks sahih bagi Akta Pengangkutan Melalui Udara ialah teks dalam bahasa Inggeris.

Soalan satu lagi iaitu bagaimana dengan pesawat-pesawat di mana negaranya tidak menjadi anggota *Montreal Convention*. Syarikat-syarikat tersebut akan menggunakan pakai liabiliti di bawah *Warsaw Convention* pada tahun 1999 yang di sertai oleh negara tersebut. Dalam segi kelewatan syarikat-syarikat yang sering lewat seperti MAS, apakah tindakan yang boleh diambil di bawah *Montreal Convention*. Berkaitan dengan kelewatan ini semua, macam yang saya kata tadi, kalau tidak terpakai *Montreal Convention* dia boleh dipakai dengan menggunakan Konvensyen Warsaw, di mana negara yang tidak menyertai sebelum atau sebelum menyertai Konvensyen Montreal ini boleh diguna pakai Konvensyen Warsaw.

AirAsia tidak patut minta kerajaan untuk hak mendarat di KLIA. Pendaratan KL-Singapura akan memberi peluang untuk Malaysia menyalurkan penumpang daripada hab yang besar macam Singapura yang akan menguntungkan Industri Pelancongan Malaysia. Duit pendahuluan yang diberikan oleh kerajaan sebanyak RM60juta, bagaimana dibelanjakan. Duit digunakan seperti berikut. RM40juta kos permulaan dan operasi. RM20 juta dibayar kepada MAS untuk *service* kejuruteraan dan juruterbang. Ini berkaitan dengan AirAsia. *Airport tax*, mengapa AirAsia tidak pulangkannya. Kementerian telah mengarahkan AirAsia untuk memulangkan *airport tax* kepada Malaysia Airport Berhad. Kementerian telah memberi arahan.

Dr. Haji Mohd. Puad juga telah membangkitkan tentang *over booking*. Salah satu langkah yang telah dipraktikkan oleh kebanyakan syarikat-syarikat penerbangan bagi memastikan setiap tempat duduk dapat dijual sehingga tarikh penerbangan sebenar adalah dengan membuat *booking*.

Walau bagaimanapun terdapat situasi jumlah sebenar pembatalan untuk sesuatu penerbangan berbeza daripada ramalan yang telah dibuat. Apabila ini berlaku, akan timbul masalah di mana penumpang yang memegang tiket yang sah tidak dapat menaiki pesawat. Dalam situasi begini, MAS akan memindahkan penumpang ini ke penerbangan yang seterusnya sama ada penerbangan MAS atau syarikat penerbangan yang lain bagi memastikan penumpang sampai ke destinasi yang hendak dituju. Pada masa yang sama MAS juga akan memberi pampasan kepada penumpang tersebut bergantung kepada beberapa faktor. Segala kos pemindahan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh MAS.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** [Bangun]

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya sila.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Yang Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Mulia ada mengatakan dari segi *over booking* ini akan ditanggung oleh MAS segala perbelanjaan. Adakah perbelanjaan yang dimaksudkan itu harga tiket atau pun *delay* yang beberapa jam itu cuma dibayar dengan kupon makan di lapangan terbang atau pun apakah bentuk yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Mulia tadi?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Yang Berhormat, saya minta kalau dapat saya jawab bentuk pampasan itu secara bertulis ya.



Yang Berhormat Dato' Omar Faudzar, kerosakan bagasi semasa dikendalikan oleh MAB...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon laluan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Sila.

**Tuan M. Munusamy:** Berhubung dengan *booking* ini saya ada satu masalah berkenaan dengan *group booking*, di mana MAS, apabila kita *booking* dua, tiga bulan awal, tetapi tidak *confirm group booking* itu sehingga masa-masa terakhir dan ini akan menjadikan masalah kepada agen-agen pelancong yang merancang *group visit* ke kawasan-kawasan luar negeri. Bagaimana pihak MAS akan mengatasi masalah-masalah seperti ini?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan-soalan yang seumpama ini Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan sedikit masa kerana ini adalah cara-cara untuk mereka mengendalikan dari segi penyertaan penumpang-penumpang ini ke dalam sesuatu penerbangan iaitu menggunakan agen-agen. Itu pada saya, mereka ada cara-cara tersendiri. Jadi saya, soal *booking* ini, tiga bulan dahulu... saya rasa MAS akan lebih tahu perkara-perkara ini. Apakah dia punya strateginya. Saya sebagai pihak di kementerian ini sudah tentunya tidak tahu secara *detailnya* mereka menerima *booking-booking* ini. Makluman sahajalah saya bukan bekerja dengan MAS.

Saya ini dari Kementerian Pengangkutan, sudah tentu secara *detail*, saya tidak dapat menjawabnya melainkan kalau saya menjadi MD MAS duduk dalam Dewan dan menjawab soalan-soalan macam ini, kemungkinan saya boleh menjawab tetapi sebagai seorang Timbalan Menteri, kerja saya adalah setakat dari segi *policy making* bagi mengawasi syarikat-syarikat penerbangan ini untuk mereka patuh kepada kehendak-kehendak orang ramai dan tidak membebaskan orang ramai. Jadi saya berharap soalan-soalan ini hendaklah memberi masa sedikit untuk saya mendapat dengan izin, *feedback* daripada pihak MAS. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Omar Faudzar tadi berkenaan kerosakan bagasi semasa dikendalikan oleh MAB, sama ada itu adalah di bawah tanggungjawab MAB atau pun MAS. Mengikut peraturan, bagasi adalah di bawah tanggung jawab MAS dari mulanya bila kita *checking* barang, sudah tentunya dia di bawah dengan izin, *jurisdictional Malaysian Airlines* kalau sesuatu berlaku terhadap bagasi yang telah *checking* itu.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin telah bertanya tentang kelewatan AirAsia sebanyak 45%. Kementerian Pengangkutan semenjak Oktober tahun lalu telah memantau AirAsia, MAS dan FAX. Dalam masa tiga bulan iaitu daripada Januari sehingga Mac, kelewatan AirAsia telah turun kepada 35%. Kementerian akan terus memantau perkara ini dan mengambil tindakan untuk mengurangkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin juga bertanya, adakah Kementerian perlu menjadi orang tengah untuk MAS. Kementerian tidak pilih kasih antara MAS dan AirAsia memandangkan kedua-dua syarikat penerbangan adalah milik negara Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin juga menimbulkan tentang iklan-iklan AirAsia yang *misleading* berhubung dengan tambang. AirAsia tidak pernah mengiklankan yang seluruh tambangnya adalah RM9.99. AirAsia sentiasa dalam semua iklan mengiklankan yang tambang bermula daripada harga RM9.99. Dari segi praktiknya ia diamalkan oleh semua syarikat penerbangan tambang murah di seluruh dunia.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin juga membangkitkan tentang khidmat kerusi roda. Kenapa servis tidak diberikan oleh AirAsia. Khidmat kerusi roda disediakan di atas permintaan penumpang-penumpang yang memerlukan khidmat ini. Caj bagi perkhidmatan ini adalah RM12.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang AirAsia menerima subsidi daripada Kerajaan Malaysia. Sebenarnya AirAsia tidak pernah menerima subsidi untuk operasinya dari kerajaan. Subsidi yang diberikan adalah kepada Fly Asian Express atau FAX, syarikat yang berlainan daripada AirAsia untuk menjalankan *rural air service*, dengan izin.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawawi telah membangkitkan tentang pakaian pramugari MAS dan AirAsia perlu menutup aurat. Kementerian akan meminta AirAsia dan MAS mempertimbangkan cadangan ini.

Yang keduanya orang kurang upaya. AirAsia perlu beri pengecualian daripada mengenakan RM12 pada orang kurang upaya untuk menggunakan kerusi roda. Kementerian akan meminta AirAsia dan MAS mempertimbangkan cadangan ini. Kementerian juga akan meminta AirAsia untuk mempertimbangkan pengecualian.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang sempat saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, saya ingin bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil daripada *Malaysian International Visitors Program* di bawah ISIS Malaysia....  
[Tepuk]

*On behalf of Senate of Malaysia I would like to welcome all of you to our Parliament House and we hope your stay in the Parliament will be very beneficial to you and have a pleasant stay in Malaysia. Thank you very much..... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA 2007**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.56 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia sebagai badan kebangsaan untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia, untuk mengakreditasi program dan kelayakan pendidikan tinggi, untuk mengawasi dan mengawal selia kualiti dan standard pemberi pendidikan tinggi, untuk mengadakan dan menyelenggarakan Daftar Kelayakan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh huraikan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 [Akta 556] dan digantikan dengan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA merupakan satu kesinambungan dan perluasan sistem penjaminan kualiti pendidikan tinggi negara. Ia akan menyatupadukan sistem jaminan kualiti yang dilaksanakan pada hari ini, berlandaskan kerangka kelayakan yang telah dibangunkan sama-sama pihak berkepentingan adalah diyakini. MQA akan memainkan peranan penting dalam menghadapi era globalisasi serta dalam menjayakan hasrat negara untuk menjadi hab pendidikan cemerlang.

Dengan memberi perhatian khusus kepada pelbagai jenis program rang undang-undang ini meningkatkan kecekapan, kesaksamaan dan ketelusan dalam melaksanakan proses akreditasi dan audit institusi. Rang undang-undang ini juga memperluaskan skop akreditasi dan pendaftaran ke dalam Daftar Kelayakan Malaysia kepada program pengajian dan latihan, yang dikelolakan oleh agensi yang bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi. Justeru menambah peluang individu memajukan diri kelayakan lebih tinggi.

Rang undang-undang MQA juga telah ditanda araskan dengan amalan bijak antarabangsa dari segi meningkatkan ketelusan dan aktiviti dalam pelaksanaan proses jaminan kualiti dan akreditasi. Dalam menjayakan rang undang-undang MQA serta pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia, konsep kerjasama dan permuafakatan secara berterusan dari semua pihak adalah penting dan ditekankan di sini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007 secara ringkas mengandungi 16 bahagian dan 127 fasal dengan peruntukan berkaitan penubuhan dan urus tadbir Agensi Kelayakan Malaysia, pembentukan Kerangka Kelayakan Malaysia, pengakreditan program, kelayakan dan penyedia pendidikan tinggi, kawalan kualiti penyedia pendidikan tinggi, penyelenggaraan Daftar Kelayakan Malaysia dan lain-lain perkara berkaitan.

Bahagian I, Am menyentuh perkara am berkaitan rang undang-undang ini. Fasal 1 hingga 2 setiap satunya mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa rang undang-undang.

Bahagian II, peruntukan berhubung penubuhan agensi. Fasal 4 hingga 8 merupakan peruntukan menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia, membenarkan agensi mempunyai meterai perbadanan, menyenaraikan fungsi dan kuasa agensi serta memberi kuasa kepada menteri untuk mengeluarkan arahan kepada agensi.

#### ■1500

Bahagian III peruntukan berhubung dengan Majlis Agensi Kelayakan Malaysia.

Fasal 11 dan 12 merupakan peruntukan menubuhkan Majlis Agensi Kelayakan Malaysia, keanggotaan dan fungsi sebagai badan yang menentukan hala tuju dan menetapkan dasar agensi.

Fasal 13 hingga 19, setiap satunya merupakan peruntukan berkenaan pelantikan, pengosongan jawatan, pelantikan Setiausaha Majlis dan hal-hal lain berkaitan Majlis Agensi Kelayakan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV peruntukan berkaitan pekerja agensi.

Fasal 21 merupakan peruntukan bagi pelantikan bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalannya serta menyenaraikan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif .

Fasal 22 hingga 27 merupakan peruntukan berkaitan pelantikan, terma perkhidmatan, kemudahan serta faedah perkhidmatan dan hal-hal lain berkaitan pekerja agensi.

Bahagian V peruntukan kewangan.

Fasal 28 hingga 34 merupakan peruntukan berkenaan penubuhan, perbelanjaan dan pemeliharaan “ Kumpulan Wang Agensi Kelayakan Malaysia (“Kumpulan Wang”). Penyediaan anggaran perbelanjaan, kuasa kepada agensi untuk membuat pinjaman dan pelaburan dan keperluan penyimpanan rekod dan tatacara pelaporan kewangan agensi.

Bahagian VI iaitu peruntukan berkaitan kerangka kelayakan Malaysia, disebut ‘Kerangka’.

Fasal 35 dan 36 merupakan peruntukan berkaitan pembentukan dan objektif Kerangka Kelayakan Malaysia (Kerangka) serta kuasa agensi dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan membuat pindaan yang perlu terhadap Kerangka. Walau bagaimanapun fasal 37(3) menetapkan agensi atau badan profesional sekiranya berkaitan dengan program kelayakan atau institusi profesional boleh mengecualikan pemakaian kerangka atau mana-mana bahagian daripada

kerangka atas mana-mana program kelayakan atau pemberi pendidikan tinggi tertakluk kepada syarat-syarat yang bersesuaian.

Bahagian VII peruntukan berkaitan dengan Akreditasi Sementara atau pun profesional.

Fasal 38 hingga 42 merupakan peruntukan berhubung permohonan, perakuan, penetapan syarat dan pembatalan akreditasi sementara ke atas program kelayakan dan pemberi pendidikan tinggi.

Fasal 43 memperuntukkan bahawa agensi hendaklah bekerjasama dengan badan profesional berkaitan dalam memproses permohonan akreditasi sementara bagi program atau kelayakan profesional.

Bahagian VIII – Akreditasi. Bahagian VIII yang mengandungi 7 bab menyentuh perkara mengenai peruntukan berkaitan akreditasi.

Bab I - program dan kelayakan di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia.

Fasal 45 hingga 49 setiap satunya merupakan peruntukan berhubung permohonan, perakuan, penetapan syarat dan pembatalan syarat akreditasi ke atas program kelayakan pemberi pendidikan tinggi di bawah kerangka, iaitu selain daripada program dan kelayakan di bawah bab 2, 4 dan 5.

Bab 2 program dan kelayakan profesional.

Fasal 50 hingga 55 merupakan peruntukan berhubung permohonan, perakuan, penetapan syarat dan pembatalan akreditasi ke atas program dan kelayakan profesional yang dikendalikan oleh pemberi pendidikan tinggi sama ada dalam atau pun luar negara.

Dalam bab ini fasal 51 memperuntukkan penubuhan jawatankuasa teknikal bersama oleh badan profesional berkaitan dalam melaksanakan akreditasi.

Manakala Fasal 52 dan 55 pula secara jelas menyatakan keputusan memberi, menolak dan membatalkan akreditasi dibuat oleh badan profesional berdasarkan syor jawatankuasa teknikal bersama.

Bab 3 adalah mengenai program dan kelayakan luar negara.

Bab 4 pemberi pendidikan tinggi yang swaakreditasi. *Self... [Masalah sistem rakaman]*

Fasal 61 hingga 64 merupakan berhubung permohonan, peruntukan dan pembatalan status swaakreditasi melibatkan sesebuah pemberi pendidikan tinggi.

Bab 5 program kelayakan latihan dan kemahiran, meliputi fasal 65 hingga 69 merupakan peruntukan-peruntukan berhubung permohonan, perakuan dan penetapan syarat dan pembatalan akreditasi ke atas program latihan dan kelayakan kemahiran dalam dan luar negara membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, diploma lanjutan, atau ijazah. Selain Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia, atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006, akta 652.

Fasal 70 dan 71, peruntukan berhubung permohonan pendaftaran ke dalam daftar bagi kelayakan yang telah diakredit oleh mana-mana badan yang mengawal selia pembangunan

kemahiran. Pembatalan pendaftaran turut boleh dilaksanakan dengan persetujuan badan-badan tersebut.

Bab 6 adalah mengenai program dan kelayakan kampus cawangan.

Bab 7 adalah mengenai pembelajaran yang terdahulu dan pemindahan kredit.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IX iaitu peruntukan berkaitan penilaian lain-lain kelayakan meliputi fasal 78 dan 79 dan peruntukan berhubung penilaian terhadap program dan kelayakan tempatan mahupun luar negara supaya diperakukan sebagai setara dengan kelayakan bahagian kerangka.

Bahagian X peruntukan berhubung dengan audit dan institusi.

Fasal 80 memperuntukkan bahawa pegawai yang diberi kuasa oleh agensi boleh menjalankan audit di institusi terhadap pemberi pendidikan tinggi yang diberi perakuan akreditasi.

Bahagian XI peruntukan berkaitan daftar kelayakan Malaysia.

Fasal 81 memperuntukkan penubuhan daftar kelayakan Malaysia, disebut Daftar. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa Daftar itu hendaklah menjadi pusat rujukan kebangsaan untuk semua program, kelayakan dan institusi yang diakredit.

Bahagian XII pula adalah mengenai peruntukan berhubung rayuan di mana ianya memperuntukkan hak untuk merayu kepada pemberi pendidikan tinggi yang terkilan dengan keputusan agensi berhubung akreditasi sementara atau pun akreditasi.

Bahagian XIII ialah mengenai peruntukan berhubung penguatkuasaan dan penyiasatan.

Bahagian XIV ialah mengenai peruntukan berhubung kesalahan dan penalti.

Bahagian XV peruntukan pelbagai, meliputi fasal 102, 103 peruntukan berhubung kebenaran pendakwaan oleh pendakwa raya dan kuasa mahkamah majistret kelas pertama untuk mengendalikan percabaran, memberikan hukuman di atas kesalahan di bawah akta ini.

Fasal 104 hingga 107 setiap satunya merupakan peruntukan berhubung pendakwaan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan. Kuasa agensi untuk mengkompaun kesalahan, penalti am, dan penalti kesalahan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XVI adalah mengenai peruntukan berhubung pemansuhan, pengecualian dan peralihan. Fasal ini meliputi fasal 115 hingga 119, merupakan peruntukan berkaitan pemansuhan Lembaga Akreditasi Negara 1996, Akta 556, pemindahan kuasa serta harta kepunyaan Lembaga Akreditasi Negara dan kontrak yang terpakai di bawah akta baru.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penyokong

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia sebagai badan kebangsaan untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia untuk mengakredit program dan kelayakan pendidikan tinggi untuk mengawasi dan mengawal selia kualiti dan standard pemberi pendidikan tinggi untuk mengadakan dan menyelenggarakan daftar kelayakan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan.

### **3.08 ptg.**

**Dato' Rina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa isu yang akan dibangkitkan di sini, iaitu bagaimana Agensi Kelayakan Malaysia akan dapat menyelesaikan beberapa masalah besar yang dahulunya menghantui Lembaga Akreditasi Negara. Banyak IPTA dan IPTS begitu susah untuk mendapatkan kelulusan LAN, malah ada beberapa kursus telah ditarik balik akreditasinya atas sebab-sebab tertentu.

Terdapat juga beberapa IPTS yang menipu dan memberi maklumat palsu kepada para pelanggannya dengan cara membuat hebahan kononnya mereka mendapat pengiktirafan LAN. Kes akreditasi ini hampir menyamai kes piawai halal oleh JAKIM. Bayangkan dalam kes logo tanda halal pun banyak pihak yang mengambil kesempatan membuat pemalsuan.

#### ▪ 1510

Bagaimana pula dengan sijil akreditasi dari LAN dan kini AKM pula. Bolehkah masalah ini diatasi. Setelah AKM diwujudkan, apakah nasib LAN? Adakah lembaga ini akan dibubarkan ataupun ianya diserap ke dalam AKM? Jika diserap, maka alanglah baiknya namun jika LAN diberikan terus beroperasi seperti kuasa dan mandat asalnya maka rugilah wang pembayar cukai digunakan untuk operasi LAN yang berkemungkinan kurang dimanfaatkan lagi. Akreditasi LAN sedikit sebanyak tidak juga memberi makna pada mana-mana pemegang sijil, diploma, ijazah, IPTA dan IPTS tempatan. Ini kerana walaupun sijil, diploma, ijazah mereka diakreditasi oleh LAN di bawah piawaiannya, namun jika Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA, tidak mengelaskannya, maka sijil-sijil tersebut masih lagi sia-sia dalam konteks untuk mendapatkan tempat dalam perkhidmatan awam.

Maka satu jalan penyelesaian iaitu satu persefahaman antara AKM dan JPA perlu diwujudkan bagi menyelaraskan segala masalah berbangkit di atas. Satu contoh di sini, masih kah anda ingat lagi akan kes JPA yang tidak mahu mengiktiraf suatu kursus di Universiti Malaya yang dikendalikan oleh Dr. Chandra Muzaffar. Ini kerana kursus tersebut telah pun mendapat kelulusan akreditasi dari LAN dan pentadbiran Universiti Malaya. Harap di sini tidaklah isu-isu politik yang boleh menjejaskan kredibiliti sesuatu kursus yang terutamanya berada di tahap kritikal kepada generasi muda kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat lebih spesifik apakah nama kursus itu, jenis kursus yang dicadangkan, dianjurkan di Universiti Malaya itu.

**Dato' Rhina Bhar:** Itu adalah satu kursus Tuan Yang di-Pertua '*On the learnings of integration*', integrasinya. Boleh saya....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Rhina Bhar:** ...Teruskan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya hendak buat sedikit cadangan;

- (i) penyelarasan dan penguatkuasaan yang lebih tegas berbanding kaedah yang dahulunya diguna pakai LAN;
- (ii) pemantauan perlu dilakukan ke atas pemberi pendidikan tinggi;
- (iii) sistem audit yang dikemas kini serta lebih efektif;
- (iv) memantau dan mengambil tindakan tegas ke atas pemberi pendidikan tinggi yang memberi maklumat palsu.

Kerajaan perlu perjelaskan posisi dan fungsi terkini dan bagi mengelakkan kekeliruan dan fungsi berlakap dengan AKM. AKM perlu diperkemas dan diberi kuasa mutlak dan diseirinkan operasinya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam demi mutu piawaian akreditasi pendidikan tempatan. Agen-agen yang beroperasi perlu didaftarkan dan dipantau sepenuhnya di bawah akta dan Kementerian Pengajian Tinggi. Ini bagi mengelakkan berlakunya penipuan serta salah maklumat. Contoh yang berlaku ke atas bakal-bakal pelajar jurusan perubatan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya ialah piawaian yang dibuat oleh pelbagai agensi akreditasi sebenarnya banyak yang bercanggah di antara satu sama lain, malah boleh dikatakan beberapa piawaian tersebut digubal mengikut idea dan pemahaman sebilangan pihak yang mungkin berkepentingan. Ada pula beberapa piawaian yang boleh diubah mengikut kehendak dan keperluan bagi melepaskan beberapa individu yang ada kaitan dengan penggubal dasar. Kepada isu AKM, LAN, serta JPA kita akan dapati bahawa beberapa piawaian yang sepatutnya dijadikan asas telah tidak ditetapkan secara konsensus. Oleh yang demikian wajarlah sekiranya sistem panel dana menilai kemasukan individual dilakukan secara adil dan bukannya secara *who is who* ataupun mengikut siapa kroni yang memperkenalkan individu tersebut.

Isu-isu yang perlu dikupas dan dirundingkan di atas masalah kelayakan kolej atau ini kursus yang tidak diiktiraf. Terdapat juga beberapa IPTS yang menipu para pelanggannya dengan cara membuat.... [*Gangguan sistem rakaman*] Kononnya mereka mendapat pengiktirafan LAN. Kes JPA yang tidak mahu mengiktiraf suatu kursus di Universiti Malaya yang dikendalikan oleh Dr. Chandra Muzaffar ini kerana kursus tersebut telah pun mendapat kelulusan akreditasi dari LAN dan pentadbiran Universiti Malaya. Selain itu kita juga tidak mahu ada pembezaan tenaga dan kemahiran apabila lulusan dari sesuatu universiti dan kolej, kursus yang tidak diiktiraf, ini yang kemudahannya memilih kerjaya lain yang belum tentu sesuai dengan jiwanya. Berkelulusan sebagai doktor, peguam, akauntan, atau jurutera tetapi mereka itu nantinya tidak bekerja dalam



disiplin itu. Kita pernah melihat ada kelulusan undang-undang yang kemudiannya menjadi penghibur, misalnya.

Ini satu kerugian untuk keperluan negara kerana kita memerlukan peguam yang ramai. Pengangguran yang berleluasa. Ketidakeimbangan antara *demand and supply* mengakibatkan graduan yang tidak diiktiraf tidak mendapat peluang awal kerana sudah tentu ianya diberi kepada graduan tempat yang diiktiraf. Penghijrahan graduan ke luar negara. Tenaga kerja muda yang profesional akan mencari peluang di luar dan kemungkinan negara hilang daya keupayaan produktiviti tenaga muda. Perlu diingatkan para graduan ini adalah golongan pewaris yang bakal mengambil alih kepimpinan negara. Akibatnya negara luar akan mendapat keuntungan dari segi aliran tenaga *professional* dan *non-professional*. Masalah sosial akan bertambah akibat ketidakeimbangan antara peluang kerjaya dan limpahan graduan yang dapat belajar. Perlu diingat bahawa kekecewaan bakal mengundang kepada kadar sosial dan jenayah untuk meningkat.

■ 1520

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak bangkitkan soalan-soalan yang saya pohon untuk dijawab oleh kerajaan:

- (i) sejauh mana Jawatankuasa Audit berkuasa memantau tugas mengaudit? Isu berkenaan dengan pengiktirafan sesuatu institusi perlu diberi perhatian serius bagi mengelakkan berlakunya penipuan kepada orang ramai?;
- (ii) bagaimana langkah kerajaan bagi mengatasi segala bentuk piawaian yang dibuat oleh pelbagai agensi akreditasi dan jika dikaji, ia bercanggah antara satu sama lain. Beberapa piawaian yang digubal mengikut idea pihak yang mungkin berkepentingan dikhuatiri ia digubal mengikut kehendak dan keperluan individu yang ada kepentingan dengan penggubalan dasar?;
- (iii) bagaimana undang-undang ini dapat melahirkan graduan yang mahir dan bertanggungjawab kepada negara?;
- (iv) penggunaan singkatan MQA, yang mana satu dasar kerajaan ke atas perkara ini;
- (v) setakat mana taraf pengiktirafan peperiksaan negara kita? Contohnya pelajar yang menduduki peperiksaan bahasa Inggeris 119 atau TOEFL, jika ke luar negara perlu menduduki semula peperiksaan yang hampir sama. Di mana pendirian AKM di dalam hal ini?; dan
- (vi) bagaimana isu pelajar yang menyalahgunakan pas pelajar, taraf pelajar yang disalahgunakan dan bagaimana mereka boleh sewenang-wenangnya masuk dan diterima oleh institusi di sini? Bagaimana pemantauan dari segi kelayakan mereka sebelum diterima masuk?

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Che Puan Sri Kelana D'Raja, selepas itu Yang Berhormat Tuan M. Munusamy dan kemudian Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah.

**3.24 ptg.**

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyertai perbahasan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya keputusan Kabinet yang meluluskan penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA, bertujuan menyeragamkan sistem jaminan dan kualiti di institusi pengajian tinggi awam iaitu IPTA, dan swasta atau IPTS, adalah merupakan satu langkah yang tepat dan kena pada masanya. Rang Undang-undang MQA ini seterusnya akan menjadi asas kepada penubuhan agensi itu yang mana sedang dalam proses menerima beberapa perubahan yang sedang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Peguam Negara.

Langkah ini penting pada hemat saya kerana sekarang ini kita dengar sudah terlalu banyak kompelin, aduan dan juga laporan mengenai kes IPTS yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara atau LAN. Kes-kes seperti ini sudah terlalu banyak dipaparkan di dada-dada akhbar dan juga di media elektronik, namun pengusaha-pengusaha IPTS tidak memandang serius mengenai perkara ini kerana terlalu mementingkan keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi suatu kerugian kepada para pelajar, siswazah-siswazah ini kerana diploma dan ijazah mereka ini tidak diiktiraf dan sukar untuk mereka mencari pekerjaan khususnya di dalam sektor awam. Perkara ini bukan sahaja menjadi kerugian terhadap masa yang telah mereka luangkan semasa menuntut di IPTS berkenaan tetapi juga membazirkan wang ibu bapa, wang pinjaman bank dan tidak kurang juga wang pinjaman PTPTN. Ini kerana walaupun sijil mereka tidak laku, mereka tetap juga perlu membayarnya apabila tamat pengajian.

Sementara itu saya ingin berpesan kepada semua para pelajar dan kaum ibu bapa supaya mereka mengambil perhatian dan langkah berjaga-jaga dengan segala macam iklan yang terdapat di dalam surat khabar. Selidik dahulu sama ada kolej tersebut benar-benar diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, mata pelajaran yang memenuhi standard piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan dan kelengkapan serta *facility* yang ditawarkan adalah wujud dan memberi faedah kepada pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua mempunyai harapan yang begitu besar terhadap Agensi Kelayakan Malaysia atau AKM, supaya agensi ini dapat menyeragamkan proses pemantauan kualiti pengajian di institusi pengajian tinggi awam iaitu IPTA, dan institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS. Kita juga difahamkan Akta AKM akan membolehkan agensi ini diberikan kuasa yang lebih besar berbanding LAN. Ini juga termasuk membolehkan AKM mengadakan proses penguatkuasaan terhadap mana-mana kursus di IPTA dan IPTS yang tidak memenuhi standard

yang ditetapkan oleh kerajaan. Ia juga diperuntukkan kuasa untuk menutup mana-mana institusi pengajian tinggi atau dikenakan undang-undang.

Saya memohon supaya Kementerian Pengajian Tinggi mengambil kira perkara ini dengan sewajarnya kerana kita semua sedia maklum bahawa untuk menempatkan semua pelajar ke IPTA adalah perkara yang mustahil kerana kekurangan kuota penempatan pelajar. Oleh yang demikian, para pelajar lebih gemar memilih untuk menyambung pelajaran ke IPTS. Namun perkara ini yang paling dikhuatiri kerana apabila tamat pembelajaran yang memakan masa bertahun-tahun, sijil mereka tidak laku pula. Justeru itu, saya berharap semoga peruntukan dalam rang undang-undang ini akan memudahkan proses penilaian program dan institusi dengan cepat, adil dan telus. Malah mampu menyatupadukan sistem kualiti pengajian tinggi dan melaksanakan proses jaminan kualiti berlandaskan amalan bijak antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Terima kasih.

### 3.29 ptg.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Rang undang-undang ini telah merangkumi segala aspek bagi menyelaras akreditasi institusi pengajian tinggi di bawah satu badan.

#### ■ 1530

Saya percaya masa ini adalah tepat memandangkan kewujudan banyak institusi pengajian tinggi dan kesedaran masyarakat untuk meningkatkan kelulusan akademik selaras dengan standard global.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Oxford, Cambridge dan Al-Azhar sekadar menyebut nama beberapa buah universiti terkenal yang sering menjadi sebutan masyarakat dunia kerana keunggulan institusi-institusi pendidikan ini yang mampu melahirkan graduan-graduan yang berkualiti dan berwibawa. Perubahan alaf baru pembangunan negara abad ke-21 yang berasaskan kepada pembangunan, *knowledgeable society* dengan izin, juga memerlukan ribuan tenaga mahir dan tenaga profesional yang berilmu dan merupakan agenda pembangunan sosial yang penting.

Cita-cita negara adalah mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia. Dengan bermatlamatkan pendidikan di semua peringkat terus cemerlang sistem pengurusan pendidikan dengan menubuhkan Kementerian Pengajian Tinggi yang bertanggungjawab terhadap pendidikan tinggi dan Kementerian Pelajaran pula yang bertanggungjawab terhadap pendidikan peringkat dari pra sekolah hingga ke peringkat pra universiti. Persaingan global memerlukan kita melihat semula fokus dalam bidang pendidikan dalam usaha mewujudkan universiti yang *established* dengan izin, atau mempunyai *trademark* bertaraf dunia.

Penubuhan agensi kelayakan Malaysia dengan tanggungjawab utama untuk melaksanakan kerangka kelayakan Malaysia akan memastikan kualiti sektor pengajian tinggi adalah terjamin. Persoalan sekarang ialah mengapa kita perlu menjadikan pendidikan Malaysia bertaraf dunia? Apakah selama ini taraf pendidikan kita tidak cukup berkualiti bagi mencapai taraf dunia? Apakah pula kriteria-kriteria kualiti yang penuntut-penuntut lain yang diperlukan dalam sistem pendidikan untuk menjadikan bertaraf dunia? Saya ingin menyarankan supaya penilaian dibuat berasaskan berbanding dengan universiti-universiti yang terbaik di rantau ini serta juga negara-negara maju.

Asas-asas penilaian tentu sahaja bertitik tolak dari kepimpinan yang berkaliber, staf akademik yang inovatif, mekanisme dan juga instrumen yang tepat. Jika ini ada, maka tidaklah pelik sesebuah universiti pengajian tinggi itu akan menjadi terbilang sekurang-kurangnya di dalam bidang yang ianya mempunyai *comparative advantage*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita benar-benar berhasrat untuk melihat para graduan kita menjadi rebutan disebabkan oleh tahap dan kualiti mereka yang tinggi, baik dari aspek kelulusan, kecekapan, kemahiran mahupun dari sudut daya pemikiran yang luas. Tidak syak lagi para graduan yang berkualiti adalah merupakan hasil usaha para akademik profesional serta iklim universiti yang kondusif ke arah itu. Universiti-universiti kita, IPTA, IPTS dan malahan politeknik serta kolej komuniti harus mempunyai ciri-ciri kecemerlangan dan melakukan anjakan paradigma yang membolehkan mereka diiktiraf sekali gus menjadi kualiti pendidikan negara bertaraf dunia.

Pendidikan bertaraf dunia menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat serta dinamik pendidikan negara khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard, kecemerlangan dan kredibiliti yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa atau dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan bertaraf dunia adalah satu wawasan unggul bagi mereformasi pelbagai aspek organisasi pendidikan di semua peringkat sesebuah universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain. Ini termasuk beberapa faktor:

- (i) kualiti pengajaran;
- (ii) kualiti perkhidmatan;
- (iii) kualiti kurikulum;
- (iv) kualiti penilaian dan persijilan;
- (v) kualiti pensyarah;
- (vi) kualiti perkembangan dan kebajikan pelajar;
- (vii) kualiti persekitaran budaya pelajar dan organisasi;
- (viii) kualiti pengurusan dan pentadbiran universiti;
- (ix) kualiti kepimpinan universiti;
- (x) kualiti penyeliaan;
- (xi) kualiti monitoring;
- (xii) kualiti mentoring; dan
- (xiii) kualiti perkembangan staf atau tenaga pengajar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pendidikan tinggi di negara ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, kerajaan berazam untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan di rantau ini dengan tidak sesekali berkompromi dalam isu kualiti pendidikan yang disampaikan. Institusi pendidikan tinggi negara ini wajib merangka *road map* yang jelas untuk mencapai tahap kualiti yang setaraf dengan imej institusi-institusi pengajian tinggi di negara-negara maju. Oleh yang demikian, penelitian mesti diberi kepada perkara yang harus diperbaiki terutama di peringkat IPTA-IPTA.

Misalnya apakah mekanisme terbaik untuk memulihkan semula kegemilangan yang pernah di kecap, adakah universiti juga mahu menjadi seperti bidang-bidang lain seperti sukan yang pernah ditakluki dalam satu ketika dahulu tetapi akibat sikap sambil lewa, Malaysia terus terkebelakang berbanding dengan seteru lain yang terus berjaya di peringkat antarabangsa. Pihak pengajar pula perlu terus digalakkan membuat penyelidikan. Ada sesetengah universiti mengambil masa terlalu lama untuk memproses dan hanya penyelidik yang sama diberi peluang. Birokrasi ini perlu dipantau. Begitu juga dengan pengambilan pelajar-pelajar siswazah.

Universiti tempatan harus menggalakkan pelajarannya meneruskan pengajian mereka kerana hari ini kita mengiktiraf *life long learning* dengan izin, sebagai proses pembelajaran berterusan sepanjang hayat. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita memartabatkan institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita, pembangunan modal insan dan kepakaran dalam bidang-bidang akademik yang penting haruslah diberi perhatian yang sewajarnya. Tanpa kepakaran dan modal insan yang sesuai, pelaburan beratus juta ringgit dalam bentuk bangunan dan lain-lain adalah sia-sia sahaja.

Sasaran kerajaan adalah untuk mencapai 60 orang saintis bagi setiap 10,000 pekerja mahir. Hakikatnya kita masih kekurangan saintis dalam pelbagai bidang seperti yang pernah dilihat sebelum ini. Malaysia sepatutnya sudah mempunyai bilangan saintis melebihi 100,000 orang mengikut jumlah penduduk. Mengenai ahli-ahli akademik, kementerian harus mempertimbangkan, melanjutkan had persaraan bagi ahli-ahli akademik yang berkaliber atau memberi kontrak jangka panjang. Penyelesaian ini penting untuk mengelakkan *brain drain* ke institusi pengajian swasta dan sehingga mereka boleh digantikan dengan pensyarah baru.

Program mentor diberi perancangan awal, dibuat untuk mendapatkan pengganti yang sesuai juga harus dipelopori oleh kementerian. Keadaan ini akan mengelakkan ketandusan golongan intelektual di institusi-institusi pengajian tinggi. Saya juga menekankan di sini bahawa usaha kerajaan untuk menjalin hubungan akademik antara institusi-institusi pengajian tinggi yang berkaliber di luar negara haruslah diteruskan dan dipertingkatkan.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan berkenaan dengan rang undang-undang ini. Agensi Kelayakan Malaysia ini juga harus mengambil kira pandangan semua *stakeholders* dalam sektor pendidikan tinggi termasuk institusi pengajian swasta dan badan profesional tempatan

seperti IBBM dan Persatuan Jurutera Malaysia serta terus bekerjasama dengan semua pihak yang relevan dalam merangka dasar pendidikan yang lebih baik dan berkesan.

Seperti yang tertera dalam fungsi agensi ini, dari awal agensi ini harus mengadakan hubungan dengan agensi kualiti pendidikan negara lain, terutama Amerika Syarikat, memandangkan agensi-agensi kualiti di Amerika mempunyai *track record* yang lama seperti *the Association to Advance Collegiate School of Business (AACSB) is generally regarded as the most prestigious MBA accreditation covering business school worldwide*, dengan izin.

Selain akreditasi dan menjalankan audit, agensi ini harus mempunyai pakar-pakar runding yang dapat memberi nasihat kepada institusi-institusi pengajian tinggi, cara-cara mencapai kualiti antarabangsa. Agensi ini bukan sahaja harus mempunyai kuasa membatalkan atau menutup mana-mana program yang mematuhi peraturan kerangka tetapi juga kuasa perundangan untuk menutup terus sesuatu institusi pengajian tinggi yang tidak mengikut peraturan. Akreditasi LAN sedikit sebanyak tidak juga memberi makna kepada mana-mana pemegang sijil, diploma atau ijazah IPTA dan IPTS tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana walaupun sijil, diploma dan ijazah mereka diakreditasi oleh LAN, di bawah piawaian, namun jika Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA, tidak mengesahkannya, maka sijil-sijil tersebut masih lagi sia-sia dalam konteks untuk mendapatkan tempat dalam perkhidmatan awam. Maka dengan ini, masa meluluskan sesuatu program haruslah pendek dan standard supaya pihak institusi, terutamanya institusi swasta boleh melakukan perancangan yang sepatutnya. Program yang diakreditasi oleh agensi ini haruslah diiktiraf oleh pihak JPA secara automatik atau tolak terus permohonan program tersebut kerana mangsa akhirnya adalah para pelajar dan bukan pihak institusi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan sistem pendidikan tinggi negara kita, sistem ranking tempatan bagi IPTA dan IPTS haruslah diwujudkan. Malahan usaha ini akan mewujudkan persaingan sihat di antara institusi pengajian tinggi tempatan dan secara tidak langsung ini menggalakkan institusi tempatan mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan kualiti mereka.

Sistem ranking tempatan juga akan dijadikan sebagai *benchmarking*, dengan izin, yang penting untuk ibu bapa dan pelajar luar negara dalam membuat pilihan yang betul dan tepat. Untuk memberi kredibiliti kepada sistem ranking ini, satu unit hendaklah diwujudkan dalam agensi ini untuk memantau keadaan dari semasa ke semasa. Ini harus dilakukan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ranking pengajian tinggi merupakan satu langkah positif yang menunjukkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi selaras dengan wawasan pendidikan bertaraf dunia. Pihak ini juga perlu memastikan setiap pensyarah IPTA dan IPTS mempunyai sijil perguruan atau pengajaran kerana seorang guru boleh menjadi pensyarah yang baik, tetapi seorang pensyarah tidak semestinya menjadi guru yang baik.

Status pengajaran pensyarah dan profesor di universiti, khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan dan asas kaedah pengajaran, haruslah dinilai semula kerana tanpa kelayakan pengajaran akan menyebabkan berlakunya kekangan dalam proses penambahan ilmu di peringkat institusi pengajian tinggi.

Dengan menyentuh beberapa perkara ini, saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah. Selepas itu Puan Heng Seai Kie.

**3.46 ptg.**

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut memberikan beberapa pandangan mengenai dengan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Pada awalnya, apabila rang undang-undang ini hendak diperkenalkan, terdetik di pemikiran saya, adakah LAN selama ini telah gagal melaksanakan fungsinya sebagai satu badan untuk mengakreditasi kursus-kursus dalam negara kita sehingga perlu kepada satu badan yang baru yang dinamakan sebagai Agensi Kelayakan Malaysia.

Kita dengar sebelum ini pun beberapa rungutan dan betapa sukar untuk mendapatkan kelulusan daripada LAN terutamanya oleh badan-badan ataupun IPTS-IPTS di dalam negara kita. Saya ingin merujuk kepada fasal 126, dan sebelum itu fasal 115 yang menyatakan bahawa dengan adanya rang undang-undang ini, maka LAN akan dimansuhkan tetapi fasal 126 juga membenarkan nama LAN masih boleh terus diguna pakai. Apakah ini nanti tidak akan boleh menimbulkan keraguan. Jadi, yang mana satu sekiranya Agensi Kelayakan Malaysia masih mengguna pakai nama Lembaga Akreditasi Negara.

Saya kira adalah wajar apabila LAN itu dimansuhkan, maka apa perlunya lagi nama itu diguna pakai. Saya ingin juga bertanya apakah bidang kuasa Agensi Kelayakan Malaysia ini laku juga diguna pakai untuk semua IPTA dan juga IPTS dalam negara? Apakah kursus-kursus pendek juga tertakluk kepada Agensi Kelayakan Malaysia? Apakah definisi kursus pendek itu? Adakah kursus satu hari atau dua hari juga tertakluk kepada Agensi Kelayakan Malaysia?

Bagi IPTS ataupun IPTA yang sudah pun mendapat kelulusan daripada Lembaga Akreditasi Negara, kalau boleh saya ingin mendapat jawapan berapa buah IPTS dalam negara kita yang sudah mendapat kelulusan daripada Lembaga Akreditasi Negara dan juga bagi IPTA, sudah berapa buah IPTA di dalam negara kita yang sudah dapat kelulusan daripada Lembaga Akreditasi Negara? Bagi yang sudah mendapat kelulusan ini, adakah mereka perlu memohon semula ataupun perlu mengisi borang-borang yang baru ataupun membayar fi-fi yang lain pula apabila diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

Begitu juga bagi kursus-kursus profesional yang banyak mendapat rungutan, terutamanya daripada kalangan IPTS di mana kursus-kursus profesional sudah pun mempunyai badan-badan pemantauan mereka sendiri, adakah mereka juga masih tertakluk di bawah Agensi Kelayakan Malaysia? Jadi sejauh mana agensi ini akan memantau dan menentukan kelulusan bagi kursus-

kursus yang bertaraf profesional. Adakah jaminan bahawa apabila seseorang itu mendapat atau satu-satu kursus itu mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia, ianya juga akan diberi pengiktirafan yang sewajarnya di peringkat antarabangsa ataupun adakah Agensi Kelayakan Malaysia ini kelulusannya hanya untuk kegunaan di dalam negara kita sahaja.

■1550

Akhir sekali, adakah perbezaan dalam fi yang akan dikenakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia berbanding dengan fi yang digunakan LAN. Sebab saya bimbang sekiranya, selalunya apabila berlaku perubahan maka fi itu sama ada akan meningkat dan apabila meningkat, akhirnya yang akan membayar fi tambahan itu adalah pelajar-pelajar kita.

Di sini saya tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat tadi yang menyatakan, eloklah kalau Agensi Kelayakan Malaysia ini juga mengadakan rangking bagi institusi-institusi di dalam negara kita sama ada IPTS ataupun IPTA sebagai satu panduan bagi rakyat ataupun anak-anak kita untuk memilih institusi-institusi untuk melanjutkan pelajaran, bagaimana kita begitu risau dahulu apabila universiti di dalam negara kita jatuh rankingnya. Sedangkan kita tidak mempunyai satu bentuk ranking untuk menunjukkan kedudukan satu-satu institusi di dalam negara kita.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang lebih besar bagi kita adalah bukan sahaja untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di dalam negara kita ini mempunyai kelayakan yang sepatutnya, tetapi juga pelajar-pelajar ataupun siswi-siswi, graduan-graduan yang kita keluarkan adalah mereka yang benar-benar mempunyai kelayakan supaya tidak timbul lagi masalah sukar mencari pekerjaan dan sebagainya. Biarlah mereka benar-benar berkualiti dan mempunyai kelayakan yang sewajarnya supaya tidak menjadi beban kepada negara dan kepada diri mereka serta keluarga mereka sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Heng Seai Kie.

**3.52 ptg.**

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kewujudan sistem pendidikan tinggi yang berkualiti merupakan hasrat kerajaan dalam usaha merealisasikan polisi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi serantau.

Sehubungan dengan itu, satu sistem jaminan kualiti yang efisien dan pengakreditasi perlu dimantapkan supaya menjadi *benchmark* di pentas antarabangsa. Sebelum ini, tanggungjawab ini telah pun diamanahkan kepada Lembaga Akreditasi Negara iaitu LAN yang memberi implikasi bahawa kualiti kursus pengajian tersebut adalah selaras dengan standard yang menjadi amalan di peringkat antarabangsa.

Kini, Agensi Kelayakan Malaysia iaitu AKM merupakan gabungan atau *merger* dengan izin, antara LAN atau bahagian jaminan kualiti. Kementerian Pengajian Tinggi akan memperkukuhkan jaminan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia. Dengan gabungan ini, maka bermaksud akan



wujudlah hanya satu sahaja sistem yang bertujuan untuk menyeragamkan proses pemantauan kualiti pengajian di institusi tinggi awam IPTA dan IPTS.

Dengan kelulusan RUU AKAM, membolehkan AKM mengadakan proses penguatkuasaan terhadap mana-mana kursus di IPTA dan IPTS yang tidak memenuhi standard yang ditetapkan oleh kerajaan. Ia juga diperuntukkan kuasa untuk menutup mana-mana institusi pengajian tinggi atau dikenakan undang-undang.

Sebagai sebuah badan kebangsaan, AKM mempunyai peranan berikut iaitu:

- melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia;
- mengkreditkan program dan kelayakan pendidikan tinggi;
- menyelia dan mengawal selia kualiti dan standard pemberi pendidikan tinggi; dan
- menyenggarakan Daftar Kelayakan Malaysia bagi perkara-perkara yang berkaitan.

Jadi salah satu peranan AKM ialah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia iaitu KKM untuk jaminan kualiti pada peringkat pengajian tinggi. Objektif KKM seperti yang tertera pada fasal 36 muka surat 29 adalah sangat sesuai, kerana KKM antara lain dapat menjamin standard kelayakan dan memperkukuhkan dasar tentang jaminan kualiti seperti mana yang diperuntukkan dalam fasal 36(d), yang menggalakkan usaha sama antara pemberi pendidikan tinggi dan penyedia latihan kemahiran sektor awam dan swasta.

Mewujudkan satu sistem kredit untuk memudahkan pengumpulan dan pemindahan kredit yang boleh diterima di dalam dan di luar Malaysia, seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 36(f). Pendekatan 36(f) ini sangat dialu-alukan kerana KKM menyokong pendidikan yang fleksibel dan mengiktiraf pengetahuan dan kemahiran seseorang untuk diterima masuk ke institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 5 rang undang-undang ini juga menyentuh tentang permohonan bagi akreditasi. Di muka surat 47, ia memperkatakan tentang permohonan bagi akreditasi oleh pemberi pendidikan tinggi, iaitu permohonan bagi akreditasi sementara, kuasa untuk membenarkan atau menolak permohonan, pembatalan akreditasi sementara. Perakuan akreditasi merupakan satu pengiktirafan rasmi terhadap pencapaian kualiti kursus pengajian pada tahap tertinggi yang dianugerahkan kepada sesuatu kursus pengajian yang ditawarkan oleh pemberi-pemberi pendidikan tinggi.

Persoalannya ialah sejauh manakah AKM mempunyai mekanisme untuk memantau institusi pengajian tinggi yang tidak mematuhi syarat-syarat perakuan akreditasi yang diberikan. Ini kerana, kerap kali didapati bahawa selepas mendapat akreditasi bagi sesuatu program, ada IPTS yang menghadapi masalah kekurangan pensyarah, kekurangan peralatan dan kelayakan tenaga pengajar dan juga tidak menepati standard yang ditetapkan.

Persoalan yang seterusnya ialah, adakah pemantauan operasi IPTS dibuat oleh kementerian secara rambang sahaja dan apakah tindakan yang akan diambil hanya selepas mereka menerima aduan. Isu ini sebenarnya telah dipaparkan melalui akhbar iaitu *The Star, Sunday, December 24th, 2006* tentang rungutan pelajar mengenai pemberi pendidikan tinggi swasta tempatan. Iaitu antara tiga rungutan utama pelajar terhadap IPTS di negara ini ialah:

- (i) ketidakkonsistenan dalam program ataupun kursus yang ditawarkan;
- (ii) kesukaran mereka untuk mengemukakan terkilanan mereka akibat birokrasi; dan
- (iii) kualiti pensyarah yang tidak *competence* dari segi pengalaman, dari segi pengetahuan dan juga dari segi kemahiran mengajar.

Akhir sekali, saya juga ingin menyentuh tentang Bahagian IV, audit institusi. Seksyen 80 iaitu (1), (2) dan (3) tentang penubuhan jawatankuasa audit institusi untuk tujuan audit dan kelulusan akreditasi. Isunya ialah, apakah kriteria-kriteria AKM dalam pelantikan anggota jawatankuasa audit ini? Adakah keanggotaannya adalah secara tetap untuk maksud audit tertentu ataupun mengikut bidang khusus tertentu, ataupun keanggotaan mereka ini adalah berubah dari semasa ke semasa kerana dilantik secara rambang daripada IPTA yang ada berdasarkan *case by case*, dengan izin.

■ 1600

Cadangan saya di sini ialah keanggotaan jawatankuasa ini haruslah tetap demi menjamin kesahan dan konsisten audit pendidikan tinggi di negara tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd Puad bin. Zarkashi.

**4.00 ptg.**

**Dr. Haji Mohd Puad bin. Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pernah menjadi pensyarah universiti saya ada beberapa perkara yang ingin dibahaskan bersama mengenai Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia ini.

Kita tahu bahawa hasrat kerajaan kita untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan dan kalau kita lihat *target* kerajaan kita pada 2010 ialah untuk membawa lebih kurang 100,000 pelajar daripada luar negara untuk masuk ke IPTS kita. Sudah tentulah apabila kita memperlengkapkan akreditasi ini iaitu dengan memansuhkan LAN dan mewujudkan Agensi Kelayakan Malaysia maka ini menunjukkan betapa seriusnya kita untuk memastikan bahawa universiti kita terutamanya IPTS ini adalah universiti ataupun kolej universiti ataupun kolej yang mempunyai mutu yang tinggi. Maka isu yang berbangkit di sini ialah, apakah sebenarnya tujuan akreditasi ini? Apakah semata-mata untuk memberi kebenaran kepada sesebuah kolej itu untuk menjalankan ataupun untuk mewujudkan sebuah universiti?.

Saya fikir bahawa akreditasi juga harus dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu kalau kita ingin mewujudkan sebuah universiti yang cemerlang dan yang berkualiti maka saya fikir Agensi Kelayakan Malaysia ini juga harus juga memberi penumpuan selain daripada yang disebutkan oleh rakan-rakan iaitu untuk mewujudkan ranking tempatan, tetapi Agensi Kelayakan Malaysia ini mestilah juga memberikan fokus supaya menjadikan universiti ini mengkhusus kepada sesuatu reputasi tertentu di universiti berkenaan. Kita tidak boleh benarkan semua universiti ini membuat kursus contohnya *Business Studies* dengan izin, maka akhirnya berlaku lambakan dan kita tak dapat menjamin dari segi kualitinya walaupun kita sudah memberi akreditasi kepada kursus-kursus berkenaan sedangkan kita tahu bahawa kualiti ini juga bergantung apa yang disebut kualiti pensyarahnya, kualiti bantuan pengajaran dan sebagainya.

Oleh kerana itulah saya fikir Agensi Kelayakan Malaysia ini mesti melakukan sesuatu yang mengkhususkan reputasi-reputasi itu dalam bidang-bidang tertentu. Maka ini akan menyebabkan wujud reputasi bukan sahaja peringkat tempatan tetapi juga peringkat antarabangsa kepada kolej-kolej berkenaan.

Saya harap dengan wujudnya agensi ini maka ia mempunyai peranan yang lebih komprehensif dan yang lebih luas sebenarnya. Bukan setakat hanya untuk memberi kebenaran kepada kolej itu untuk melaksanakan sesuatu kursus di universiti berkenaan.

Oleh kerana itu saya ingin membangkitkan kenapakah wujud apa yang dikatakan sebagai akreditasi sementara ini, kenapa ini berlaku? Apakah kita terpaksa memberikan kelulusan segera sementara ini untuk membenarkan beroperasi dulu. Saya ingin tahu berapa tempoh sebenarnya akreditasi sementara ini?.

Jadi sebab itulah saya bimbang bahawa apabila kita telah memberi akreditasi sementara, ini sebenarnya sebagai satu notis untuk mengatakan bahawa dia memang akan mendapat akreditasi, cuma kita bagi kelulusan sementara sahaja. Dengan kata lain bahawa kita tidak sempat nak tengok dari segi kemampuan dan sebagainya. Maka kita beri kelulusan sementara dulu. Jadi ini yang saya kata nanti akhirnya kita tidak sampai kepada matlamat kita.

Saya hendak tahu dari segi akreditasi yang ingin kita berikan ini, sebenarnya apakah komponen ataupun kriteria-kriteria yang akan menentukan bahawa sesuatu kursus itu akan mendapat akreditasinya, apakah kerana semata-mata faktor bahawa ia akan melahirkan pelajar yang akan mendapat kerja di pasaran? Atau kerana ada *value added* lain yang mesti ada dalam kursus-kursus itu maka barulah ia diberikan akreditasi?.

Maksud saya agensi yang kita perluas peranannya daripada LAN kepada AKN ini mestilah mempunyai satu kriteria atau garis panduan yang lebih komprehensif untuk menentukan bahawa kursus yang kita berikan akreditasi ini benar-benar berkualiti tinggi iaitu yang disebut oleh Perdana Menteri ini, memang kita ingin melahirkan *towering personality* kerana ini isunya sebenarnya. Iaitu sebuah universiti melahirkan para graduan yang mempunyai kualiti dari segi *towering personality*

iaitu dia mampu untuk berhadapan dengan apa saja cabaran. Dengan kata lain bahawa graduan itu adalah graduan yang *articulate* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya berharap bahawa perkara-perkara ini akhirnya, maksudnya dengan kata lain tidak berbalik kepada masalah yang asal iaitu kualiti kita itu tidak sampai kepada maksud yang sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya ingin bertanya sedikit. Kalau dulu LAN itu ditubuhkan di bawah kuasa-kuasa yang diberi kepada seorang menteri kini kita berhadapan dengan masalah hajat kerajaan untuk menubuhkan satu institusi yang lebih kurang serupa, yang kuasa-kuasanya yang diwujudkan di bawah kuasa-kuasa Parlimen itu sendiri.

Pada pandangan Yang Berhormat, apakah kelainan dan hajat dan hasrat yang dicerminkan di sebalik langkah ini?.

**Dr. Haji Mohd Puad bin. Zarkashi:** Agensi Kelayakan Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, nanti ia juga diberikan kuasa dari segi menyita, memantau, membuat siasatan dan sebagainya semuanya akan dibuat oleh agensi ini.

Jadi memanglah peranannya semakin besar iaitu jauh berbanding dengan LAN yang ada sebelum daripada ini. Kita memang menyokong akademi ini, sebab kita tahu tujuannya adalah untuk memastikan universiti di negara kita ini adalah sebuah universiti yang berkualiti tinggi iaitu cemerlang. Jadi itu yang saya bangkitkan tadi bahawa adakah akreditasi ini tujuannya adalah semata-mata membenarkan sesebuah universiti atau kolej itu melaksanakan sesuatu program itu ataupun tujuannya lebih daripada itu.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila ada satu cadangan untuk mewujudkan satu fakulti yang dipanggil Fakulti Aeroangkasa dan Maritim, sudah tentulah ia ada kadang-kadang ada pihak mengatakan bahawa kita tidak perlu fakulti ini sebab takut dari segi pasaran kerjanya tidak akan membantu pelajar ini untuk mendapat kerja yang sesuai, sebab apa pasaran kita dari segi bidang aeroangkasa.

Saya fikir inilah masalah yang kebimbangan saya akreditasi ini tujuannya semata-mata di lihat dari segi pasaran kerja sepatutnya ia harus dilihat lebih luas daripada itu, iaitu apakah dengan adanya program Fakulti Aeroangkasa dan Maritim ini maka kita sebenarnya menyediakan satu tenaga yang satu hari nanti yang akan menyebabkan negara kita ini akan menguasai dalam bidang Aeroangkasa dan Maritim...

**Dato' Ismail Kassim:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat.

Saya ingin bertanya kepada pandangan Yang Berhormat, dan soal kementerian-kementerian yang mewujudkan sama ada akademi latihan ataupun universiti-universiti yang tidak bernaung di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Bila hasrat ini dibangkitkan termasuk orang Naib

Canselor sendiri merasakan melahirkan kebimbangan bahawa kalau kita nak mewujudkan kualiti sebagaimana Yang Berhormat bangkitkan tadi dan faktor-faktor yang berkaitannya dengannya seperti *towering personality* dan sebagainya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

▪ 1610

Kita rasa ianya tentu sukar dikawal, tetapi kecuali Universiti Pertahanan saja yang minta diurus tadbir oleh Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi masih ada akademi ataupun pusat-pusat latihan dan kemahiran dan juga menawarkan kursus-kursus yang berkaitan. Masih terletak di bawah kementerian-kementerian lain. Tidakkah ini mencetuskan kebimbangan yang boleh membuatkan kita sukar mengawal kerana ada beberapa kementerian yang mengawal selia dan menganjurkan perkara seumpama ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Pertama, kita harus positif bahawa di negara kita ini, kita menggalakkan kewujudan banyak universiti. Saya pun sekarang ini tidak tahu berapa banyak IPTA. Contohnya, IPTA lah di negara kita ini sebab dia cepat. Baru-baru ini kita tengok ada satu Universiti Sains Islam Malaysia. Kemudian, baru-baru ini apabila saya pergi ke satu tempat kursus itu, saya ternampak Universiti Malaysia Pahang. Kadang-kadang kita tidak nampak benda ini, ada disebut sebelum ini daripada ini, tetapi apabila nampak bas ada tulis Universiti Malaysia Pahang baru kita tahu ada satu universiti yang wujud di Pahang.

Kita menggalakkan kewujudan banyak universiti, tetapi apabila kita banyak universiti ini maka saya mencadangkan biar setiap universiti ini mempunyai reputasinya sendiri supaya *resource* itu dengan izin, adalah tertumpu dalam bidang-bidang tertentu. Bukan maksudnya kita ingin menghadkan setiap universiti ini mempunyai fakulti yang sama. Sebagai contoh, yang paling popular sekarang ini ialah *Business Studies*, tetapi biarlah maksudnya ada tiga, empat universiti ini, sesiapa juga yang lulus daripada universiti berkenaan dalam bidang *Business Studies*, maka dia diiktiraf sebenarnya oleh sama ada syarikat-syarikat swasta dan sebagainya, ataupun mereka ini dikejar. Seperti mana kalau kita melihat lulusan daripada *Cambridge, Oxford*, sama ada *top ten university* ataupun *Ivy League*, mereka ini dikejar oleh pihak-pihak tertentu seperti CIA.

CIA suka untuk melakukan *recruitment* daripada para graduan yang lulus daripada universiti-universiti yang terkenal. Mereka memang mengejar pasaran mereka ini, tetapi ini puncanya ialah mereka memang mempunyai kualiti yang tertentu. Sebab itu, saya berharap bahawa cuma kebimbangan saya tadi ialah sebelum daripada ini kita masih ingat di Dewan Negara ini kita ada meluluskan satu rang undang-undang iaitu Jabatan Kemahiran Negara kalau tidak salah saya, Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia yang juga sifatnya seperti memberikan akreditasi. Baru saja dalam bulan Mei yang lalu kita meluluskan rang undang-undang ini.

Jadi, apakah tidak akan berlaku nanti pertindihan antara Akademi Kelayakan Malaysia ini dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran ini? Dari segi memberikan akreditasi khususnya yang melibatkan soal-soal kemahiran ini. Inilah yang kita harus berhati-hati sebenarnya. Satu perkara lagi

Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan ialah tentang Jawatankuasa Teknikal Bersama yang ditubuhkan oleh badan profesional ini. Saya ingin tahu iaitu, apakah Jawatankuasa Teknikal Bersama ini? Di mana anggotanya juga akan melibatkan wakil daripada Akademi Kelayakan Malaysia dan ditubuhkan pula oleh badan profesional ini, maka apakah keputusan mereka ini adalah keputusan yang *final* sebenarnya dalam memberikan akreditasi khususnya dalam bidang-bidang profesional.

Kalau kita lihat di sini, Jawatankuasa Teknikal Bersama ini dia akan dimonopoli oleh badan profesional tersebut sebenarnya. Dia seolah-olah lebih berkuasa berbanding kepada Akademi Kelayakan Malaysia ini sebab mereka yang akan memberikan cadangan sama ada sesuatu kursus itu perlu diberikan akreditasi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Isu pertama yang saya ingin kemukakan ialah adakah pihak kementerian ada memasukkan mana-mana cadangan ataupun mana-mana seksyen yang mengatakan bahawa mana-mana universiti yang tidak mendapatkan kelulusan ataupun akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia ini boleh beroperasi di Malaysia. Itu yang pertama. Jadi, kalau tidak ada itu, apakah kewajipan ataupun galakan untuk kita memastikan bahawa semua universiti yang ada di dalam negara ini akan mematuhi akta ini dan akan mendapat kelulusan akreditasi ini.

Yang kedua, untuk kita mendapatkan hak akreditasi, contohnya macam sebelum ini di bawah Rang Undang-undang Makmal Patologi, sekiranya satu makmal induk mendapat kelulusan, tidak semestinya cawangan akan mendapat kelulusan. Oleh itu, untuk akreditasi ini, adakah sekiranya universiti induk itu mendapat kelulusan, bagaimana pula dengan cawangan yang ditubuhkan di bawah universiti yang sama di tempat-tempat yang lain. Adakah mereka perlu mendapatkan permohonan ataupun akreditasi serta sijil yang berlainan bagi cawangan-cawangan yang mereka tubuhkan di bawah universiti tersebut.

Berkenaan dengan swaakreditasi di bawah seksyen 61, diberikan bahawa pihak pemberi pendidikan boleh membuat satu swaakreditasi atas undangan. Apakah tindakan kerajaan dan bagaimanakah galakan yang akan dibuat oleh kerajaan bagi memastikan bahawa swaakreditasi ini akan benar-benar mencapai matlamatnya? Dan adakah sebarang insentif diberikan kepada mana-mana pemberi pendidikan tinggi boleh membuat swaakreditasi ini?

Seterusnya berkenaan dengan seksyen 24, disebutkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia ini boleh memberikan pinjaman pendahuluan serta biasiswa. Bagaimanakah perkara ini berlaku? Adakah tidak perkara ini bertentangan ataupun berlaku pertindanan dengan perkara yang telah dibuat oleh PTPTN di mana pihak Agensi Kelayakan Malaysia boleh mengeluarkan biasiswa yang tersendiri.

Untuk di bawah seksyen 36 mengatakan bahawa antara objektif kerangka ialah untuk menggalakkan di bawah 36.(e), untuk menggalakkan pariti penghargaan antara kelayakan

akademik, profesional, teknikal, vokasional dan kemahiran. Adakah ini bererti dengan kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia ini semua pengiktirafan ataupun galakan yang dibuat berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi akan melalui dan mendapat pengesahan daripada AKM sebelum sebarang perisytiharan tentang mana-mana penghargaan ataupun *award* diberikan kepada mana-mana pelajar.

Berkaitan dengan Agensi Kelayakan Malaysia juga, saya ingin bertanya kepada kerajaan. Tidakkah pihak kerajaan sedar tentang bagaimana berlaku perbezaan peratusan kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah rendah, ke sekolah menengah di mana kita lihat berlaku keseimbangan antara peratusan pelajar yang masuk antara lelaki dan perempuan. Bila perkara ini timbul sampai ke peringkat universiti berlaku perbezaan yang cukup jelas iaitu lebih kurang 70% perempuan akan masuk universiti. Manakala 30% adalah pelajar laki-laki.

Dalam konteks ini dalam usaha kerajaan menyeragamkan serta meninggikan kualiti kelayakan pelajar-pelajar di Malaysia, adakah pihak kementerian akan membuat penekanan agar memastikan *syllabus* yang diperkenalkan di semua universiti akan lebih mesra lelaki. Sesuai untuk menggalakkan pelajar-pelajar lelaki menyambung pelajaran sehingga ke peringkat universiti kerana perkara ini sekiranya kita tidak pantau, bukan hanya memberi kesan dari segi pekerjaan, tetapi kepada seluruh kedudukan sosial masyarakat kerana berlaku ketidakseimbangan antara pendidikan perempuan dengan lelaki.

■1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak mahu kah Yang Berhormat hendak bertanya kepada kerajaan, masalah di depan kita ini ialah suatu rang undang-undang. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengawasi dan mengawal selia kualiti dan standard pengajian tinggi di negara kita. Tidakkah Yang Berhormat hendak tahu daripada kerajaan kalau diluluskan rang undang-undang ini sekalipun, adakah menjamin atau meningkatkan kualiti standard dan sebaliknya kalau tidak diluluskan rang undang-undang ini, adakah kualiti dan standard pengajian tinggi di negara kita akan merosot.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Saya begitu bersetuju dengan pandang Tuan Yang di-Pertua. Soal itu sudah cukup jelas untuk dijawab oleh kementerian. Adakah dengan kita meluluskan Agensi Kelayakan Malaysia ini, mutu pendidikan tinggi di negara kita akan meningkat dan sekiranya tidak diluluskan, adakah ia akan merosot. Ini adalah merupakan satu soalan yang cukup cantik yang seharusnya dijawab oleh pihak kementerian dengan cara yang cukup cantik juga, insya-Allah.

Satu lagi berkenaan dengan Agensi Kelayakan Malaysia ini, adakah pihak kementerian juga dari segi meluluskan ataupun memberikan satu gred serta akreditasi kepada mana-mana pemberi pendidikan tinggi di Malaysia ini, bukan hanya akan tertumpu kepada akademik sahaja. Sekiranya kita melihat kepada mana-mana yang mungkin dari segi memohon untuk mendapatkan pengiktirafan akreditasi ini, mungkin penekanan akan diberikan dari sudut akademik sesebuah universiti itu.

Bagaimana pula dengan pencapaian dari sudut kokurikulum serta sahsiah pelajar yang dilahirkan daripada universiti-universiti di Malaysia. Ini kerana berdasarkan kepada laporan-laporan akhbar dan juga jawapan-jawapan dalam Dewan yang mulia ini, kita bimbang berlakunya masalah sosial yang lebih parah walaupun di kalangan pelajar lepasan daripada universiti di negara kita khususnya yang melibatkan masalah gejala sosial yang berbentuk seks.

Sebagaimana kita melihat daripada laporan *New Straits Times* di muka surat depan yang mengatakan bahawa terdapat jumlah peratus yang begitu tinggi pelajar-pelajar di IPT yang terlibat dengan gejala seks tanpa nikah. Jadi ini merupakan perkara yang tidak sihat dan adakah sekiranya perkara ini dilaporkan, ia akan memberi satu nilai *demerit* kepada mana-mana universiti yang boleh menyebabkan akreditasi kepada IPTA ataupun IPTS ini menurun kerana kita yakin dalam usaha kerajaan hendak melahirkan pelajar yang berminda kelas pertama ini, kita juga hendak melahirkan insan yang kamil, yang mempunyai akhlak yang baik.

Ini kerana kita bimbang sebagaimana yang hari ini, kalau kita tinjau ke mahkamah-mahkamah, kita akan lihat banyak kes-kes yang melibatkan jenayah yang berlaku di kalangan pegawai kerajaan sehingga kadang-kadang banyak kes tertangguh kerana perlu memberi keutamaan kepada kes-kes sebegini. Kita bimbang kalau fenomena ini kita tidak bendung dari peringkat awal, terutama di peringkat Agensi Kelayakan Malaysia dari segi memberi pengiktirafan, jangan hanya tertumpu kepada bidang akademik tetapi juga kepada kokurikulum serta pembinaan sahsiah kepada orang yang akan kita latih.

Seterusnya juga untuk Agensi Kelayakan Malaysia ini, adakah pihak Agensi Kelayakan Malaysia ini akan turut memantau kesemua pusat-pusat latihan di bawah jabatan masing-masing kerana kita lihat pada hari ini, kebanyakan jabatan-jabatan serta kementerian-kementerian Malaysia ini mempunyai akademi latihan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada program-program yang dirangka di peringkat akademi serta latihan masing-masing itu, kebanyakannya memberi penambahbaikan dari sudut kemahiran kepada petugas-petugas yang menjadi pegawai kerajaan ataupun swasta tetapi tidak memberikan pendidikan yang begitu formal kepada pembinaan akhlak pegawai-pegawai yang dididik di bawah akademi ataupun satu pusat latihan di bawah kementerian yang tertentu.

Saya juga ingin bertanya tentang berapa lama kah akreditasi sementara boleh sah diguna pakai sebelum menerima akreditasi tetap. Adakah mereka boleh terus menyambung dan mengulang untuk mendapatkan akreditasi sementara ini selama beberapa tahun atau pihak kerajaan mempunyai had tertentu bahawa mereka ini tidak boleh menyambung. Adakah had tertentu yang mereka boleh gunakan untuk akreditasi sementara.

Begitu juga apabila kita membincangkan tentang Agensi Kelayakan Malaysia ini, kita membincangkan tentang mutu dan kualiti pelajar-pelajar yang kita lahirkan daripada universiti-universiti tempatan kita yang hari ini saya juga ingin memohon kepada pihak Agensi Kelayakan Malaysia di samping menilai perkara-perkara lain dalam usaha untuk menilai kelayakan sesebuah



universiti, juga melihat kepada lokasi sesuatu pusat ataupun sesuatu tempat pengajian tinggi itu. Ini kerana kita melihat kadang-kadang pada hari ini banyak juga universiti yang ditubuhkan dalam keadaan ad hoc dan ditubuhkan di kawasan yang tidak kondusif untuk pelajar-pelajar belajar dengan baik. Tidak ada satu suasana yang *learning friendly* kepada pelajar dan ini mungkin akan menyebabkan turunnya mutu pendidikan kepada mereka yang mendapat pelajaran di situ sekalipun mereka mempunyai akreditasi.

Seterusnya juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah untuk mendapat satu akreditasi dari segi Agensi Kelayakan Malaysia ini, buku rujukan ataupun perpustakaan sesebuah universiti itu akan dijadikan satu asas yang penting dalam penggredan sesuatu pemberi pendidikan tinggi di negara kita kerana kita bimbang dengan kebanjiran universiti-universiti ini, dari segi ketulenan ilmu itu tidak dapat dipertahankan kerana mereka tidak mementingkan kewujudan perpustakaan-perpustakaan yang mempunyai hasil-hasil ataupun kajian-kajian tulen yang sepatutnya menjadi asas kepada perkembangan pendidikan negara kita.

Begitu juga dengan adakah bila kita mengatakan bahawa AKM ini akan juga bertindak sebagai satu badan yang boleh membuat satu penggredan untuk dalaman dan juga luaran, adakah Agensi Kelayakan Malaysia ini akan bertindak sebagai wakil kepada semua universiti untuk mendapatkan *international credit* ataupun boleh membuat satu *transfers* sebagai contohnya kalau ada IPTS yang mendapat '*muad'dalah*' ataupun akreditasi daripada Al-Azhar. Sekiranya mereka ingin memindahkan perkara tersebut, bolehkah dibuat dan siapakah yang bertanggungjawab untuk membuat perkara-perkara ini?

Begitu juga apabila kita membincangkan tentang mutu pendidikan ini, saya juga memohon agar pihak kerajaan memberikan suatu pengkhususan kepada pelajar-pelajar-pelajar yang genius yang mungkin ada dalam negara kita dan mungkin mereka ini memerlukan perhatian yang lebih lanjut dan bukan hanya berkala setiap kali keluar keputusan peperiksaan, ada pelajar genius yang mungkin kita akan jumpa sekali. Jadi kalau boleh dibuat satu perancangan yang khusus agar kita boleh meletakkan satu tempat, *one stop center* di mana kita boleh mengumpulkan orang-orang yang genius ini bagi kepentingan negara.

Satu lagi dari segi universiti-universiti, adakah Agensi Kelayakan Malaysia ini akan memperkenalkan sistem kuota di mana ada sesetengah universiti yang sudah ada banyak ini, tidak boleh tambah lagi ataupun macam mana. Adakah satu universiti itu mempunyai had (*limit*) dari segi akreditasinya. Contohnya kalau ia sudah ada 50, tidak boleh tambah lagi kursusnya atau macam mana?

Begitu juga dengan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator-senator tadi berkenaan dengan kepakaran pensyarah-pensyarah yang akan menjadi pensyarah di universiti yang akan kita luluskan nanti. Dari segi adakah kerajaan kita berminat ataupun akan menggubal suatu akta ataupun peraturan yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat pensyarah tanpa *degree*. Sebagaimana yang kita dimaklumkan bahawa di luar negara sudah ada pensyarah-

pensyarah yang diterima menjadi pensyarah di universiti-universiti walaupun mereka ini tidak mempunyai kelulusan formal. Jadi adakah di bawah Agensi Kelayakan Malaysia ini, perkara ini akan juga dipertimbangkan sekiranya orang-orang seperti ini mempunyai kepakaran yang begitu baik untuk disumbangkan dari segi pendidikan negara.

■ 1630

Untuk yang berkaitan dengan beban akademik, bolehkah pihak kementerian memberikan satu skala ataupun standard umum yang akan diguna pakai bagi mengenal pasti beban akademik yang akan ditanggung oleh pelajar-pelajar dan sebanyak manakah perkara ini akan mempengaruhi penggredan ataupun akreditasi sesebuah universiti. Adakah juga dalam kes ini Agensi Kelayakan Malaysia akan bersifat sebagai bank data untuk mana-mana pihak mendapatkan pengesahan tentang kelulusan dan akreditasi seseorang pelajar ataupun universiti yang kita faham selepas diluluskan insya-Allah mungkin Agensi Kelayakan Malaysia ini akan menjadi satu bank data tapi yang sebelum ini telah pun *grad* ataupun telah pun bekerja adakah Agensi Kelayakan Malaysia ini akan mengumpul semula dan menyimpan segala data yang berkaitan dengan akreditasi kesemua graduan yang telah pun keluar daripada universiti-universiti di Malaysia demi untuk memastikan keseragaman dan kesahihan dari sudut kualiti pelajar-pelajar yang telah kita lahirkan.

Saya juga ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian di bahagian kerangka di bawah seksyen 35(4) di mana dikatakan menteri boleh mengarahkan mana-mana bahagian kerangka tidak boleh dipinda atau diubah. Apakah contoh perkara-perkara biasanya yang mungkin akan diletakkan di bahagian kerangka di mana menteri boleh mengarahkan tidak boleh dipinda atau boleh diubah ini. Satu lagi untuk seksyen 56 yang terakhir di bawah seksyen 56 dikatakan bahawa terdapat prosedur-prosedur untuk memberi pendidikan tinggi, mendapatkan pengesahan daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Bagaimana pula dengan kedudukan pelajar? Adakah mereka boleh menyemak kelayakan universiti-universiti yang mereka ingin masuki sama ada di Malaysia ataupun di luar Malaysia dengan Agensi Kelayakan Malaysia. Terima kasih itu. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi.

**4.32 ptg.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (MQA). Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia supaya institusi kita ini lebih kompetitif kalau dibandingkan dengan sekarang dan juga lebih kompetitif kalau berbanding dengan jiran-jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum MQA adalah LAN dan LAN juga dalam pengurusannya perjalanannya dan juga apa-apa yang dibuat di LAN itu kita mendapat pengalaman yang amat bagus di mana di bawah LAN pengurusan akreditasi dan pengurusan yang lain itu masalah-masalah yang dihadapi oleh IPTS dapat diselesaikan dengan lebih baik. Saya harap dan saya

hendak tahu juga bagaimana dengan tertubuhnya MQA dan apakah penambahbaikan yang kita dapat nikmati kalau dibandingkan dengan adanya LAN. Adakah peningkatan sistem penyampaian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari segi piawaian memang kita ada piawaian yang disenggarakan melalui LAN. Kini kita masih mahu piawaian tapi disenggarakan di bawah satu badan yang akan ditubuhkan di bawah rang undang-undang ini.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, memang ada. Piawaian itu adalah sesuatu yang penting di mana kita boleh ukur adakah institusi yang semua dikendalikan itu boleh mematuhi piawaian yang ditetapkan dan juga dengan piawaian itu juga kerana proses pendidikan itu bukan satu yang statik. Piawaian itu dapat dipertingkatkan semasa kita *progress* dalam bidang pendidikan ini. Maka saya hendak tahu dengan tertubuhnya MQA ini apakah ukuran yang dapat kita buat supaya prestasi MQA itu lebih baik kerana itulah kita hendak tubuhkan MQA. Juga sesuatu yang kita kena *recall* atau buat KPI adalah tempoh kelulusan di mana satu kursus kalau dipohon oleh satu IPTS dia kelulusan bukan sahaja berkaitan dengan LAN sahaja. Dia juga berkaitan dengan operasi Kementerian Pengajian Tinggi. Dia memohon melalui Kementerian Pengajian Tinggi lepas itu Kementerian Pengajian Tinggi memberi kepada LAN. Selepas LAN mengkaji dan juga membuat keputusan dia beri kepada kementerian untuk memberikan kebenaran dan semua proses ini dapat dipendekkan atau proses ini dapat diperbaiki supaya sistem penyampaian ini dapat menjadi lebih baik dan juga IPTS-IPTS yang mohon itu dapat jawapan yang lebih cepat Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi juga semasa akreditasi kita hantar pakar-pakar dari IPTA kepada IPTS untuk diakreditasi kursus-kursus yang dipohon itu dan proses ini juga mengambil masa Tuan Yang di-Pertua dan juga tenaga mahir ini bukan senang hendak dicari. Saya harap kementerian boleh juga ambil pakar-pakar dari IPTS atau dari industri supaya kumpulan pakar ini dapat diperluaskan dan juga proses akreditasi itu dapat dipercepatkan Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Misalnya di bawah perkara 98 di bawah LAN tiada siapa boleh dipenjarakan. Di bawah rang undang-undang ini perkara 98 boleh didenda sehingga RM250,000.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Itu kalau orang salah dalam menjalankan kursus-kursus IPTA atau IPTS Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi adalah berkenaan dengan yang terdapat di dalam rang undang-undang ini adalah *self-accreditation* atau swaakreditasi yang disebut di subseksyen 61(2). Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkembangan yang lebih baik. Kalau satu institusi pengajian tinggi sudah sampai tahap yang cemerlang maka institusi itu boleh memohon atau dijemput supaya dapat *self-accreditation* Tuan Yang di-Pertua dengan izin atau swaakreditasi. Ini adalah satu perkembangan yang bagus supaya institusi-institusi dapat bersaing dan juga meningkatkan prestasi mereka supaya menjadi *self-accreditation*.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga dapat mengurangkan kerja-kerja dan juga beban-beban MQA untuk menghantar pakar-pakar atau menganalisis dan juga menjalankan kerja-kerja untuk mengakreditasi mereka kerana mereka dapat swaakreditasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak bertanya berkenaan dengan ranking. Ini adalah penarafan institusi pengajian tinggi yang dibuat di LAN itu dapat diperluaskan. Kita hendak *rank* kan universiti-universiti tempatan - IPTA dan IPTS tempatan supaya pelajar-pelajar kita dapat memilih mana universiti yang lebih baik dan dalam bidang apa yang mereka cemerlang itu.

Saya harap bukan sahaja ranking untuk IPTA dan IPTS tempatan, kita juga menjaga ranking IPTA dan IPTS tempatan dengan ranking yang digunakan oleh institusi-institusi atau agensi-agensi antarabangsa supaya IPTA dan IPTS kita dapat dan di *rank* kan dengan IPT-IPT dalam senarai 100 universiti yang terbaik atau 50 universiti yang terbaik. Adakah dengan adanya usaha meningkatkan ranking dan faktor-faktor untuk meningkatkan ranking itu kita dapat meningkatkan prestasi IPTA dan IPTS kita.

Salah satu faktor dalam ranking antarabangsa adalah pelajar-pelajar antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sesebuah universiti ada pelajar antarabangsa dalam sistem *time* itu - ranking, dia dapat markah yang lebih tinggi. Dengan ini IPTA sekarang ini juga mengambil pelajar-pelajar antarabangsa dan mereka mengupah ejen-ejen untuk mencari pelajar-pelajar antarabangsa. Saya hendak tahu apakah kriteria dalam pemilihan ejen-ejen tertentu ini. Saya hendak tahu kerana bila ejen-ejen ini pergi ke luar negara dia bersaing dengan ejen-ejen IPTS tetapi fi yang dikenakan kepada IPTA kita ini memang lebih kurang kalau dibandingkan dengan fi yang dikenakan oleh IPTS. Maka ini sudah menjadikan situasi pasaran itu agak kecoh sedikit kerana fi yang berlainan iaitu yang IPTA itu lebih rendah dan IPTS itu lebih tinggi. Manakala pelajar-pelajar di luar negeri yang hendak datang ke Malaysia itu mendapat dua fi yang berlainan yang begitu ketara dan ini telah membuat pasaran agak kecoh untuk menarik pelajar-pelajar datang ke Malaysia.

Dalam pengurusan IPTA dan IPTS kita dengar juga ada kes-kes penipuan di mana mereka datang ke Malaysia dan mendapati kursus-kursus yang mereka pelajari sekarang ini tidak seperti yang dijanjikan itu, maka mereka merasa tertipu. Bagaimanakah kementerian dapat menangani isu-isu seperti ini kerana kalau ia tidak ditangani dengan baik ia akan menjejaskan usaha Malaysia untuk menjadi satu pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Abdul Rashid Ngah.

**4.45 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan dua, tiga perkara sebelum sama-sama menyokong rang undang-undang ini.

Pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, Agensi Kelayakan Malaysia ataupun AKM ini bukan sahaja bertujuan untuk mempertingkatkan daya saing institusi-institusi pendidikan tinggi ataupun memberi latihan dan kemahiran di negara kita ini supaya lebih menarik hati pelajar-pelajar dari luar, tetapi yang lebih penting pada hemat saya ialah untuk menjamin mutu atau kualiti pendidikan yang disediakan atau barangkali lebih tepat kalau kita sifatkan pelajar dan keluarganya

itu sebagai pengguna, ialah sejauh mana bidang sesuai dan munasabahnya duit yang dibelanjakan dengan kursus yang diterima.

Berdasarkan kepada beberapa sungutan pelajar-pelajar dan ibu bapa, kedapatan di institusi pengajian tinggi awam barangkali perkara ini tidak timbul sangat tetapi dalam swasta jelas nampak bahawa ada rasa tidak puas hati di kalangan pelajar dan ibu bapa yang dapat kita sifatkan sebagai pengguna terhadap apa yang diberikan, apa yang diterima oleh anak-anaknya setelah dia membayar sekian-sekian banyak.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan sangat tertubuhnya Agensi Kelayakan Malaysia ini yang mungkin dapat disifatkan sebagai dalam bidang yang lebih luas menggantikan LAN yang telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Sesetengah ini kalau mengikut undang-undang ini masih boleh kita pakai dan masih boleh kita sebut namanya di mana-mana.

Soalan yang pertama saya Tuan Yang di-Pertua, bila kita teliti kita dapati bahawa Agensi Kelayakan Malaysia ini bertujuan untuk memberi akreditasi kepada program-program, kepada kursus-kursus yang dipohonkan. Kursus-kursus ini saya rasa tentulah termasuk kursus-kursus dari institusi pengajian tinggi awam atau IPTA, dan kursus-kursus yang dikemukakan oleh institusi pengajian tinggi swasta iaitu IPTS. Ertinya ia lebih memberatkan kepada kursus atau program, tetapi soalnya Tuan Yang di-Pertua, adakah Agensi Kelayakan Malaysia ini juga akan mempertimbangkan sebarang permohonan untuk menubuhkan universiti atau adakah menubuhkan universiti satu perkara lain, mengadakan kursus satu perkara yang lain tetapi apalah maknanya sebuah universiti kalau tidak mempunyai kursus?

Adakah kursus-kursus atau program sebuah universiti itu dipertimbangkan dulu sebelum universiti itu sendiri diluluskan? Ini kerana ada pengalaman kita dalam masa-masa yang lalu, kadang-kadang kita atau kerajaan merasa keberatan sedikit untuk meluluskan sesuatu permohonan. Lebih-lebih lagi kalau permohonan itu ada hubungannya dengan kumpulan-kumpulan tertentu, dengan parti-parti politik tertentu ataupun dengan kaum-kaum tertentu, tetapi sekarang nampaknya keadaan itu sudah tidak timbul lagi, mungkin kerana kita sudah menjadi lebih liberal atau barangkali kepentingan-kepentingan yang kita cari selama ini untuk mengimbangi kedudukan penduduk negara kita ini sudah boleh kita katakan alhamdulillah, tercapai.

#### ■1650

Jadi hal-hal yang seumpama ini sudah dipandang sebagai hal yang remeh-temah. tetapi berbalik pada masalah saya tadi itulah Tuan Yang di-Pertua, adakah Agensi Kelayakan Malaysia ini juga ditugaskan untuk menentukan salah satu permohonan untuk menubuhkan universiti. Selain daripada universiti kerajaan, universiti swasta ataupun inilah badan yang terlebih dahulu mengkaji permohonan itu dan kemudian merekomenkan kepada kerajaan, kepada menteri, satu perkara.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah bebasnya *independent* nya dengan izin, Agensi Kelayakan Malaysia ini, kerana saya dapati dan kita dapati semua sedia maklum, jelas bahawa agensi ini ahli-ahlinya, ahli majlis dilantik oleh menteri. Selain daripada pengerusi, selain daripada ketua pegawai eksekutif, lantikan selebihnya kecuali lapan orang adalah terdiri daripada wakil-wakil tertentu Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidikan Tinggi, seorang wakil pemberi pendidikan tinggi awam, seorang wakil pemberi pendidikan tinggi swasta dan lapan orang. Melihat kepada keahlian ini sahaja sudah jelas menunjukkan bahawa agensi ini sudah tidak bebas lagi.

Adakah dalam keadaan begini dia boleh bertugas dengan baik terutama sekali bila dia terpaksa menimbangkan satu-satu kursus, dalam kursus yang sama bukan sahaja diperkenalkan di universiti awam, IPTA tetapi juga sedang ataupun dimohon untuk menjalankan di IPTS. Kalau yang inikan sebab-sebab tertentu ditolak permohonan ini, tetapi yang ini diluluskan bagaimana halnya begitu. Jadi saya mempertikaikan kebebasan ahli majlis ini. Selain daripada itu, saya tidak nampak ada perincian ataupun kenyataan yang jelas mengenai lapan orang anggota lain yang pada pendapat menteri mempunyai pengetahuan khas pengalaman dan profesionalisme. Adakah ianya termasuk juga atau boleh juga menteri melantik daripada orang-orang luar, ianya bukan orang dalam negara kita sahaja.

Adalah baik pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua untuk apa yang disebut sekarang kalau betul apa yang disebut ini, apa yang saya hendak sebut ini betul pengantarabangsaan pendidikan kita ini adalah lebih baik, kalau kita boleh masukkan dua tiga orang pakar daripada luar negara seperti yang kita buat dalam Majlis Penasihat kepada MSC untuk mendapat semacam pengakuan daripada negara luar. Itu satu perkara selain daripada kebebasan itu. Jadi saya masih mempertikaikan bebasnya itu. Sebab dalam hal ini bila Agensi Kelayakan Malaysia ini menjalankan tugasnya, mungkin kalau tidak banyak pun dalam satu dua hal orang akan timbul sejauh mana pihak yang berkenaan boleh memainkan peranan dengan baik, tidak berat sebelah.

Satu perkara lagi berhubung keahlian majlis ini Tuan Yang di-Pertua, disebut di sini seorang wakil pemberi pendidikan tinggi swasta mungkin barangkali wakil ini pengerusi persatuan swasta, tetapi bagaimana halnya seorang wakil pemberi pendidikan tinggi awam perlu kah lagi dia? Sedangkan apa yang saya sebut tadi sudah pun meliputi, mewakili pelbagai kementerian khususnya Kementerian Pengajian Tinggi. Satu perkara yang hendak disebut di sini Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan kerja agensi ini iaitu mengaudit, ini satu perkara yang sangat baik, tetapi apa yang saya hendakkan sedikit penjelasan, adakah audit ini dibuat seperti audit-audit yang lain, audit tahunan saya difahamkan audit kira-kira, tetapi pemeriksaanlah lebih baik barangkali.

Adakah dia merupakan semacam kerja naziran ataupun ia hanya akan menjalankan tugasnya bila timbul satu-satu pengaduan atau satu-satu masalah yang ditimbulkan oleh pihak-

pihak tertentu. Misalnya katalah di Parlimen ditimbulkan berhubung dengan kursus, kursus yang diberikan oleh IPTS yang tertentu. Maka dengan itu pihak Agensi Kelayakan Malaysia ini dengan segera menubuhkan, atau memerintah mengarahkan agensi auditnya untuk pergi ke universiti tertentu untuk membuat auditan, itu saya hendak tanya. Kemudian berhubung dengan akreditasi sementara, seperti sahabat-sahabat yang lain juga bertanya di situ kesementaraan ini sejauh mana sementaranya dia.

Apa yang kita bimbangkan mungkin kerana sebab-sebab tertentu kursus yang diikuti selama dua tahun atau tiga tahun dan hampir akan diberi sijil ataupun ijazah, tiba-tiba oleh kerana sebab yang tertentu dibatalkan. Adakah pembatalan ini menyebabkan timbul satu masalah kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat hendak tahu bezanya sementara dengan maksud *temporary* atau sementara dengan maksud *provisional*?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Itulah Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam hal ini kita berkehendakkan supaya penjelasan itu dibuat Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya dapati sangat-sangat menyenangkan hati apabila kita dapati bahawa beberapa perkara di dalam ini memberikan semacam peluang bertindak yang lebih luas kepada Agensi Kelayakan Malaysia ini, selain lebih daripada apa yang kita berikan kepada LAN selama ini. Jadi dengan itu, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sukacita saya menjemput Yang Berhormat untuk menjawab sambil menggulung perbahasan mengenai masalah di hadapan Majlis.

#### 4.59 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai sembilan orang yang telah pun memberi banyak pandangan yang substantif, yang bernas kepada kementerian dan pegawai-pegawai kami di luar sana, iaitu daripada LAN atau Lembaga Akreditasi Negara, dan Jaminan Kualiti yang akan dirangkumkan sebagai MQA atau *Malaysian Qualifications Agency* ataupun Agensi Kelayakan Malaysia akan mengambil segala butiran yang akan diutarakan.

Kami bersyukur kerana perbahasan ini memberikan makna yang cukup untuk kita menjalankan tugas dan merupakan satu daripada kaedah bagaimana kami di pihak MQA akan dapat melaksanakan apa yang disifatkan sebagai Agensi Kelayakan Malaysia ditubuhkan, bagi melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia yang mengharmonikan semua kelayakan yang ditawarkan oleh semua pemberi pendidikan tinggi di Malaysia.

#### ■ 1700

Tuan Yang di-Pertua, kami cukup insaf bahawa keperluan meningkatkan kualiti pengajian tinggi merupakan salah satu agenda yang penting dan memanglah tujuan kita untuk meningkatkan keyakinan serta *confident* masyarakat terhadap mutu dan kualiti memberi pendidikan tinggi. Justeru

itu kita telah pun dengan sungguh-sungguh, dengan kompetitifnya menubuhkan dan memantapkan lagi supaya dahulunya kalau kita ada LAN, Lembaga Akreditasi yang menjaga khusus IPTS dan jaminan kualiti yang menjaga khusus IPTA yang dahulunya bilangan kecil, sekarang dah 20 buah kepada satu agensi yang merangkumi kedua-dua pihak dan dinamakan sebagai Agensi Kelayakan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa Ahli Yang Berhormat telah pun menjuruskan kepada beberapa perkara yang khusus dan kepada perkara yang umum. Didapati bahawa isu yang dikaitkan dengan meningkatkan mutu, kualiti, dan keyakinan merupakan isu yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat. Isu berkaitan dengan penguatkuasaan dan pemantauan serta penyiasatan terhadap agensi ini merupakan isu yang dibangkitkan juga. Perkara yang berkaitan dengan akreditasi dan pengurusan serta seperti kelulusan, bagaimana kelulusan sebuah program dapat dilaksanakan dengan jayanya. Yang akhir sekali, bidang yang meliputi kuasa agensi ini dan kerenah birokrasi serta perkara-perkara yang lain yang lebih spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya MQA ini, tidak bermakna nasib LAN akan berkubur tetapi Akta LAN yang dimansuhkan sebenarnya membolehkan sebuah agensi MQA ditubuhkan seperti yang dibangkitkan oleh Dato' Rhina Bhar. Jadi MQA ialah satu kesinambungan kepada Lembaga Akreditasi Negara sebagai badan jaminan kualiti dengan skop dan fungsinya yang bertambah. Akta baru ini memperluaskan lagi bidang kuasa jaminan kualiti, merangkumi seperti yang saya sebut tadi, merangkumi semua IPTA dan IPTS. Serta kita melaksanakan apa yang kita panggil Kerangka Kelayakan Malaysia iaitu *framework* ataupun kerangka yang mencakupi kesetaraan dengan agensi-agensi di luar negara. Dengan adanya fasal 1 atau 5 bahawa dalam rang undang-undang ini MQA bahawa Akta LAN dimansuhkan sebenarnya akan dimasukkan ke dalam seksyen 116 maknanya pemindahan kuasa terhadap MQA.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa isu penguatkuasaan sangat penting dan sebab itulah sistem audit di bawah MQA ini berteraskan kepada sembilan aspek yang menekankan kepada *outcome based education* ataupun *outcome based learning* yang mana output graduan yang mempunyai *knowledge*, *skill* dan *attitude* yang sesuai untuk tujuan industri atau majikan. Proses penilaian dijalankan sebenarnya di peringkat IPTA oleh pakar-pakar penilai dalam bidang-bidang berkenaan dengan menyemak, melihat, mengesahkan ketepatan untuk menentukan kualiti suatu program tercapai mengikut dasar kriteria standard yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan yang ketiga itu, *knowledge*, *skill* dan ?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** *Knowledge*, *skill* dan *attitude*, sikap iaitu sikap pelajar dalam bidang berkenaan supaya kita dapat melahirkan graduan yang mempunyai kualiti melalui sistem ini.

Dato' Rhina Bhar juga membangkitkan bagaimana isu-isu yang selama ini menghantui masalah-masalah sebelum ini, kita yakin sebenarnya kita tidak mempunyai banyak masalah untuk memberi perakuan akreditasi jika IPT, jika *provider* ataupun pembekal pendidikan tinggi ini menyediakan dokumen permohonan yang selaras dengan peraturan dengan syarat-syarat yang



ditetapkan. Masalah penipuan oleh IPTS sebenarnya adalah berkait dengan bagaimana mereka mengemukakan pelan awal mereka untuk menubuhkan sebuah institusi yang menawarkan program-program. Penguatkuasaan dijalankan oleh sektor pengurusan IPTS di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan dengan adanya penguatkuasaan dan pemantauan ini, peranan MQA ataupun Agensi Kelayakan Malaysia ini menjadi lebih mudah untuk memastikan bahawa kita dapat mengelakkan pemalsuan, penipuan dan juga mengelakkan perkara yang tidak patut dibangkitkan oleh pembekal pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Munusamy ialah bagaimana *ranking*, bagaimana mutu kualiti IPT yang merupakan IPTA dan IPTS dapat kita wujudkan. Perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Dr. Puad Zarkashi dan juga dibangkitkan oleh Tuan Lee Sing Chooi. Kita sebenarnya di kementerian melaksanakan aktiviti penarafan iaitu *rating* institusi menerusi Lembaga Akreditasi Negara dengan menggunakan pendekatan fokus iaitu pengelompokan yang kita berikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan penarafan universiti yang berintensifkan pendidikan iaitu universiti yang telah kita naikan taraf kepada universiti pendidikan seperti Universiti Malaya, UKM, UPM dan USM.

Yang kedua ialah universiti pengkhususan ataupun universiti yang spesifik yang menawarkan program-program seperti kejuruteraan di Universiti Malaysia Pahang ataupun Universiti Malaysia Perlis. Yang ketiga ialah pengkhususan universiti-universiti yang menawarkan program-program umum. Semua ini dijalankan bagi tujuan penarafan dan ia di tanda aras dengan amalan baik universiti-universiti terkemuka dalam negara dan dalam dunia.

Hubungan kita dengan badan-badan jaminan kualiti luar negara sebenarnya adalah selaras dengan tugas kita meningkatkan hubungan pada badan jaminan kualiti seperti New Zealand Quality Assurance, Australia University Quality Assurance dan lain-lain kerjasama dan permuafakatan yang sekian lama telah terjalin dan akan dipertingkatkan dan dimantapkan pada masa hadapan. Kita juga dirujuk oleh beberapa negara, bagaimana kualiti dijalankan di negara kita terutama sekali program-program yang ada kaitan dengan penambahbaikan sistem.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Lee Sing Chooi berkaitan dengan perbezaan yuran antara IPTA, IPTS dalam usaha penarikan pelajar antarabangsa. Sebenarnya IPTS adalah sebuah identiti perniagaan yang bergantung pada kutipan yurannya sebagai sumber pendapatan utama sedangkan kos di IPTA sebenarnya untuk maklumat Ahli Yang Berhormat ialah *subsidize* ataupun kita beri subsidi yang banyak. Jadi pelajar antarabangsa dikenakan yuran yang setanding dengan IPTS untuk melanjutkan pelajaran di IPTA.

Mengapa kita perlukan proses akreditasi sementara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Puad Zarkashi, Yang Berhormat... [Masalah sistem rakaman] Yang Berhormat Dato' Rashid Ngah berkaitan MQA sebenarnya bersifat *developmental*, pembangunan untuk membimbing IPT-IPT kita dalam menjadikan program yang ditawarkan mestilah berkualiti dan proses akreditasi sementara diwujudkan dan perlu dilaksanakan bagi menentukan kesediaan IPT

sebelum mengendalikan sesuatu program. IPT dibimbing sebenarnya untuk mendapat akreditasi penuh. Jika IPT tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan, maka akreditasi penuh akan dibenarkan dan akreditasi sementara diberi tempoh antara enam bulan hingga dua tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna sementara itu lebih bermaksud kepada *provisional*?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** *Provisional ya, provisional developmental.* Enam bulan hingga dua tahun bagi membolehkan IPTS menawarkan programnya dan bersedia untuk kita di peringkat MQA melawat.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Probationary.*

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Ya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Jawatankuasa Teknikal Bersama dan Keanggotaan yang dilibatkan mengikut seksyen 52, kita membenarkan Jawatankuasa Teknikal ditubuhkan oleh badan profesional dan wakil daripada Agensi Kelayakan Malaysia akan di situ. Dengan adanya Jawatankuasa Teknikal boleh membuat syor akreditasi kepada badan profesional dan akhirnya badan profesional yang membuat keputusan yang terakhir.

▪ 1710

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kedudukan program yang dikendalikan oleh agensi kerajaan yang lain atau agensi-agensi yang setara, adakah ia perlu diakreditasi seperti yang dibangkitkan oleh Dr. Puad Zarkashi, sebenarnya dalam menerapkan budaya kualiti dalam pendidikan kementerian melalui MQA menggunakan pendekatan sukarela. Oleh yang demikian program sijil, diploma, diploma lanjutan, ijazah yang dijalankan oleh agensi kerajaan yang lain boleh memohon untuk mendapatkan akreditasi secara sukarela. Sebenarnya ini membolehkan pelajar mendapatkan *credit transfer* ataupun pemindahan kredit, ke program-program yang lebih tinggi sekiranya mereka ingin menuntut pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sua akreditasi seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Kesemua pemberi pendidikan yang di undang oleh menteri boleh memohon untuk mendapatkan status *self accreditations* ataupun sua akreditasi dengan syarat mereka telah membuktikan pencapaian jaminan kualiti yang tinggi setelah melalui proses audit institusi dan mendapatkan keputusan cemerlang.

Permohonan sua akreditasi hendaklah mengemukakan dokumen permohonan atas undangan menteri mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan dan kementerian akan sentiasa menggalakkan, memberi insentif kepada IPT sama ada awam atau swasta untuk membudayakan kualiti dalam institusi mereka supaya program-program yang ditawarkan akan secara konsisten berada pada tahap yang tinggi. Sebuah IPT yang telah diberi status sua akreditasi boleh mengadakan program baru tanpa perlu melalui proses penilaian MQA boleh didaftarkan dalam apa yang kita gelar, Daftar Kelayakan Malaysia iaitu DAFTAR. Oleh yang demikian ia sebenarnya mengurangkan kos yang kita panggil sebagai kos efektif dalam hal ini.

Seksyen 26 membenarkan nama LAN terus digunakan walaupun LAN dimansuhkan kerana apa Yang Berhormat sekalian, kerana sijil yang telah dikeluarkan atas nama LAN sebelumnya perlu menggunakan nama LAN memandangkan ia bertujuan untuk mengekalkan nama baik LAN dan apa-apa pengesahan yang diberi oleh LAN kepada IPTS perlu dikekalkan atas nama LAN. Sebab itulah kita meneruskan penggunaan nama LAN dalam seksyen 126. Jadi Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bidang kuasa MQA, kita di MQA meliputi semua IPT awam atau swasta yang bertaraf universiti, kolej universiti, kolej, politeknik dan kolej komuniti dan ia juga meliputi IPT luar negara yang membuka cawangan dan beroperasi di negara ini termasuklah memberi pendidikan melalui program *e-Learning* ataupun pendidikan jarak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria pelantikan juruaudit, jawatankuasa audit yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Keanggotaan Jawatankuasa Audit institusi boleh terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ke tujuh orang ahli panel juruaudit bebas yang dilantik oleh NQA mengikut keperluan dan maksud di sisi audit tersebut dengan dibantu oleh seorang pegawai MQA. Di antara kriteria lantikan jawatankuasa ini ialah mereka yang mempunyai pengetahuan, pengalaman, komitmen tinggi dalam penjaminan kualiti pendidikan tinggi dan mereka ini wajib melalui latihan audit sebelum dilantik.

Keanggotaan jawatankuasa ini dan tatacara mengenai audit institusi boleh berbeza mengikut tujuan audit itu sendiri dan kita sebenarnya boleh menjemput Jawatankuasa Audit ini, pakar-pakar dalam dan luar negara. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali bolehkah piawaian yang ditetapkan dicapai oleh IPT? Piawaian sebenarnya ditetapkan berdasarkan persetujuan pihak-pihak yang berkepentingan dan kita bahagikan kepada dua iaitu pertama sekali, standard asas yang mesti dicapai. Yang kedua piawaian kita mesti tentukan atas standard perkembangan yang perlu dicapai seterusnya. Pertama yang dicapai, yang kedua seterusnya dan kedua-duanya ditetapkan sebagai kod amalan dalam bidang dan program pengajian dan ia didokumenkan serta difahamkan kepada IPT untuk dimasukkan ke dalam kurikulum program-program dan kursus-kursus pengajian.

Jika jaminan kualiti dilaksanakan, berasaskan kepada kod amalan ini, IPT yang gagal mencapai standard yang ditetapkan tidak akan mendapat perakuan akreditasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perkara-perkara yang dibangkitkan, kebaikan MQA sebenarnya adalah merupakan satu kerangka kelayakan bagi semua kursus secara menyeluruh dan ia akan menjadikan sebagai pusat rujukan nasional atas sebab daftar kelayakan bagi semua dan kita dapat memperkukuhkan penilaian program berteraskan hasil pembelajaran dan memberi laluan pendidikan luas, fleksibel dan sistematik di samping sistem kredit berdasarkan beban pembelajaran pelajar dan pendekatan sistem jaminan kualiti yang seragam.

Dengan memperkenalkan sistem sua akreditasi atau *self accreditation*, peningkatan autonomi, bebas kebebasan, profesionalisme dan berdaya kualiti dan tanpa tempoh had sah laku akreditasi program dan pembahagian kuasa lebih efektif, efisien dan pragmatik. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan daripada sokongan dan juga pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat

semua pihak kementerian bersungguh-sungguh akan memastikan bahawa agensi kelayakan Malaysia ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang baik.

Saya akur dengan pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa harus ada penguatkuasaan yang tegas dan juga memastikan tidak ada penyelewengan dalam menentukan kualiti bekalan pendidikan tinggi. Saya telah sebut tadi bahawa jaminan kita ialah selepas mengadakan konsultasi dengan semua *stakeholder* dan badan-badan profesional dan dengan itu rang undang-undang ini sebenarnya tidak akan menghakis peranan dan kuasa badan profesional dan insya-Allah Ahli-ahli Majlis Agensi Kelayakan Malaysia ini seperti dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Rashid Ngah, insya-Allah kita akan memastikan mereka mempunyai profesionalisme dalam menjalankan tugas.

Insya-Allah, mana-mana pandangan yang lebih spesifik Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil perkara ini dengan serius dan saya ucapkan terima kasih atas sokongan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah selesai Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat jawab pun macam Kementerian Pengajian Tinggi, saya pun seronok dengar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

#### **Fasal-fasal 1 hingga 127 –**

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Yang Berhormat Tan Sri Datuk (D.) Jins Shamsudin boleh bangun, apa perkara yang khusus dibawa dalam Jawatankuasa.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Adakah institusi pengajian tinggi seperti institusi seni, institut budaya dan warisan negara tertakluk di bawah Agensi Kelayakan Malaysia ini sedangkan institusi ini tidak tertakluk di bawah Akta Universiti, dan bagaimana kedudukannya apabila ia sudah nanti diambil alih oleh Agensi Kelayakan Malaysia? Ambil alih ini, bagaimana kedudukannya?

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak ada cadangan pindaan yang dikemukakan, cuma satu pertanyaan. Mohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apalah sudi kiranya beri sedikit jawapan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri. ASWARA ataupun institusi yang berkaitan dengan seni atau warisan merupakan sebuah universiti yang menawarkan program-program kesenian dan ianya terletak di bawah kementerian yang berlainan. Seperti yang saya maklumkan tadi, tujuan Agensi Kelayakan Malaysia ditubuhkan adalah untuk membenarkan mana-mana agensi-agensi kelayakan lain untuk memohon proses akreditasi secara sukarela. Dengan adanya pemakaian MQA ini, ia memudahkan bagi pelajar-pelajar untuk mendapatkan *credit transfer* kerana program-program yang ada kaitan dengan seni, mereka ini berada di seluruh dunia. Jadi dengan adanya permohonan secara sukarela, bagi pihak MQA tidak ada masalah untuk kita mengakreditasi program-program di bawah ASWARA. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Fasal-fasal 1 hingga 127** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ucap tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang ini... [*Tepuk*]

## **RANG UNDANG-UNDANG SISTEM PENGUKURAN KEBANGSAAN 2007**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh terus huraikan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, pengukuran merupakan komponen penting di dalam tamadun manusia sejak zaman dahulu lagi. Pengukuran membolehkan piramid dibina, lautan diseberangi, teknologi ditemui dan ruang angkasa diterokai. Kesalahan dan ketidaktepatan pada pengukuran akan mengakibatkan keputusan ataupun kesimpulan yang salah dan seterusnya mengakibatkan kerugian dari segi kewangan, tenaga dan sumber alam sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya, andai kata Yang Berhormat boleh selesaikan pembentangan dalam masa kurang daripada 20 minit, saya boleh lewatkan penangguhan kita selama 15 minit. Itu sahaja kuasa yang diberikan kepada saya oleh Peraturan Mesyuarat, tetapi andai kata Yang Berhormat akan mengambil masa yang lebih panjang lagi, Yang Berhormat boleh sambung esok dan saya akan tangguhkan mesyuarat pada pukul 5.30. Itu pilihan Yang Berhormat.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengok masa pun hanya tinggal lima minit lagi. So, kalau lima minit mungkin saya hanya sempat membaca tiga muka surat sahaja lagi. Saya rasa tidak sempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bercadang hendak sambung semulalah? Yang Berhormat hendak sambung esok?

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Saya rasa lebih sesuai untuk kita sambung esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana beri panduan kepada saya. Yang Berhormat boleh teruskan sehingga 5.30.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tiada undang-undang yang menyelaraskan sistem pengukuran secara menyeluruh di peringkat kebangsaan. Akta yang sedia ada yang terlibat dalam pengukuran adalah Akta Timbang dan Sukat 1972. Akta tersebut tidak menghuraikan secara terperinci sistem pengukuran dan sukatan yang digunakan oleh pihak industri, badan-badan penyelidikan, saintifik, perubatan dan penguat kuasa tetapi hanya memberikan penekanan kepada perdagangan, khususnya aktiviti jual beli oleh pengguna, kedai runcit dan pemborong.

Akta tersebut juga tidak menjelaskan secara terperinci dengan izin, *measurement traceability* di mana setiap unit pengukuran dan sukatan perlu dirujuk kepada suatu standard fizikal yang disimpan oleh Makmal Pengukuran Kebangsaan. Sebagai contoh, ukuran berat satu kilogram hendaklah sama dengan pemberat rujukan satu kilogram yang disimpan di Makmal Pengukuran Kebangsaan.

Justeru itu, Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] perlu dipinda dan diselaraskan oleh Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 bagi mengelakkan pertindihan ataupun percanggahan. Pindaan ke atas Akta Timbang dan Sukat 1972 akan dikenali sebagai

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007 yang akan turut sama dibaca di Dewan yang mulia ini.

Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 yang diwujudkan akan berfungsi sebagai akta induk ataupun payung, *umbrella act* yang merangkumi semua jenis pengukuran di Malaysia termasuklah pengukuran bagi tujuan perundangan khususnya dalam bidang perdagangan, kesihatan, keselamatan, forensik dan perlindungan alam sekitar. Secara tidak langsung, rang undang-undang ini akan menyeragamkan unit pengukuran dan sukatan melalui penggunaan Unit Sistem Antarabangsa ataupun lebih dikenali sebagai Unit SI iaitu sistem metrik seperti meter dan kilogram.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan menjadi sumber rujukan utama bagi sistem pengukuran di Malaysia dan ianya hanya akan diguna pakai di dalam negara Malaysia sahaja. Ingin saya maklumkan di sini bahawa terdapat juga negara luar seperti Amerika Syarikat yang tidak bercadang menggunakan Unit SI tetapi masih kekal menggunakan Sistem *Imperial* seperti *miles* untuk perkiraan jarak, *Fahrenheit* untuk perkiraan jangka suhu dan sebagainya apabila mereka berurusan dalam negara mereka.

Walau bagaimanapun...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Tetapi saya tengok di sini ada *diopter* pun ada, *angstrom* pun ada, *luminance* pun ada. Silakan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat tetap menerima pakai Unit SI apabila mengimport barangan dari luar negara termasuklah dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 menggabungkan keperluan pengukuran sah atau *legal methodology* dan pengukuran saintifik atau *scientific methodology* supaya satu sistem pengukuran yang menyeluruh dan komprehensif dapat diwujudkan. Rang undang-undang ini mengukuhkan dan memperlengkapkan keupayaan Malaysia berhubung keharmonian dan perjanjian pengiktirafan bersama, *Mutual Recognition Agreement* atau MRA dengan negara-negara lain, khususnya dalam transaksi perdagangan antarabangsa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dukacita masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih, saya akan sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum tangguh lagi, Yang Berhormat... [Ketawa] Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.**

